



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT PERTAMA

Shah Alam, 22 Mac 2012 (Khamis)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar

Y.B. Tuan Lee Kim Sin

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei

Y.B. Tuan Lau Weng San

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam

Y.B. Puan Lee Ying Ha

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK.

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK.

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,
DPMS.,ASA.

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA.

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK.

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK.

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,
DPMS., SSA., ASA.

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,
SSAP., DIMP.

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,
KMN., SIS., ASDK.

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,
DMSM., JP., AMS.

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,
DPSM., AMS.

Y.B. Tuan Yap Ee Wah

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,
JMN., SMS., PJK.

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak
SMS., PPN.

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,
SMS., PJK.

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DPMS., DIMP., SMS.

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

Y.B. Tuan Yap Lum Chin

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin

Y.B. Puan Gan Pei Nei

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK.

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Md. Saref bin Salleh
Bentara

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
Encik Redzuan bin Adam
Penolong Bentara

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat hari Ke – 4, 22 Mac 2012 bagi Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ke – 12 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR: Tuan Speaker soalan No.18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' DR. KARIM BIN MANSOR
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : SUMBER AIR LOMBONG

18. Kerajaan negeri ada bercadang menggunakan air lombong sebagai sumber alternatif untuk mengatasi masalah bekalan air.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah sumber air ini benar-benar selamat kerana terdapat dakwaan NGO mengatakan ia tidak selamat?
- b) Berapakah kos rawatan air lombong berbanding kos rawatan air sungai?
- c) Berapakah keluasan dan anggaran jumlah air lombong yang ada di Selangor serta lokasinya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Tanjung Sepat bertanyakan tentang Sumber Air Lombong. Perkara untuk mengenai persediaan jika terdapat kemarau panjang sudah mula disediakan pada tahun 2005 di mana 17 lombong telah dikenal pasti sebagai usaha untuk menentukan adanya atau *insurance* supaya air cukup dan kajian telah dibuat oleh LUAS untuk mengenal pasti kawalan air mentah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada tahun 2011, pensampelan, *the sampling* dilakukan terhadap 17 buah lombong bagi mengkaji kesesuaian sumber air lombong untuk tujuan semakan kualiti terkini dan juga pewartaan. Kita mula mewartakan. Sekiranya air kolam bekas lombong digunakan sebagai sumber bagi bekalan air, air tersebut perlu dirawat dan mesti menepati piawaian air minum oleh Kementerian Kesihatan Malaysia selain mendapat kelulusan Suruhanjaya

Perkhidmatan Air Negara untuk menjalankan operasi. Daripada analisis kualiti terdapat air kolam bekas lombong yang hanya perlu melalui proses rawatan secara *conventional* yang mana hanya memerlukan pengedosan minima bagi tawas alum dan air klorin bagi pembasmi kuman. Kos rawatan air kolam bekas lombong adalah lebih murah berbanding kos rawatan air sungai kerana kadar kekeruhannya yang rendah dan juga stabil berbanding dengan air sungai yang memerlukan banyak alum bagi proses penggumpalan mendakan. Saya baca ini sebab perkara ini ditulis oleh ahli kita, sebab saya baca ini supaya ada yang mengatakan bahawa air lombong tidak boleh dipakai. NGO yang mengatakan kita itu juga buat selidik tentang NGO itu semasa saya berada di Mesir. Di sana dalam forum air tersebut, saya juga bertanyakan siapakah NGO-NGO Malaysia yang mengenai perkara ini. Ada NGO yang terkenal nampaknya dibiayai oleh Puncak Niaga. Jadi itu pun dibincangkan di sana. Adakah ini sebab *business* atau pun disebabkan kesihatan. Saya akan mengambil kira perkara ini sebab saya takut perkara ini, perkara mengenai air ini sangat penting dan bukan dari segi konsep *business* sahaja tetapi juga dari segi kenyataan yang sebenar. Walau bagaimana pun saya pernah menyatakan dalam Dewan ini cara yang terbaik untuk proses rawatan air ini walaupun lombong apa semua ialah apa yang dipanggil *reverse osmosis* dan juga ditapis dan ini perlu kita buat dan ini dalam usaha kita dan kita mula mengenal pasti, bukan perlu lagi tetapi kita sebagai sebuah negeri yang mesti membuat beberapa persediaan. 17 kolam bekas lombong adalah 2,019 ekar dengan jumlah isi padu sebanyak 40.7 juta meter padu. Lokasi tersebut 9 buah di daerah Hulu Selangor, 5 buah di Kuala Selangor dan 3 buah di Kuala Langat. Jadi kita buat dan selain daripada itu kita juga telah merancang dan ramai yang memberikan cadangan supaya mereka juga dapat memproses air sungai yang mana mereka ada apa yang dipanggil *treatment plan* yang dibuat secara *conversion*. Jadi sebab itu sumber air lombong ini sebagai sumber *alternatif* mengatasi masalah air telah kita kaji maknanya bukan kita gunakan tetapi kajian itu mestilah mendapat hasilnya sebelum diberikan kepada rakyat lulus tentang piawaian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Proses ini saya akan hebahkan dari masa ke semasa kenapa LUAS diminta menjalankan usaha ini. Sebenarnya Selangor sahaja yang ada mempunyai enakmen mengenai penjagaan air iaitu Lembaga Urus Air Selangor. Di mana Lembaga Urus Air Selangor adalah lembaga yang ditubuhkan supaya menjaga punca-punca air di seluruh negeri Selangor. Nampaknya sekarang diperhebatkan tentang usaha ini dan supaya kita tidak mendapat masalah seperti dahulu di mana dalam gembur usaha kekurangan air jawapannya ialah membuat dam di Pahang dan mengali terowong di bawah tanah di bawah Banjaran Titiwangsa. Kemudian membuat apa nama kita panggil *treatment plan* di Langat yang mana kesemuanya menelan belanja lebih daripada RM8,000 juta.

TUAN SPEAKER: Batang Kali, sila.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Soalan tambahan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya

TUAN SPEAKER: Ya, Tanjung Sepat.

Y.B. DATO' DR. KARIM BIN MANSOR: Memandangkan air masalah di negeri Selangor dan lombong adalah menjadi salah satu sumber *alternatif* berdasarkan kepada jumlah yang dianggarkan 40.7 juta meter padu air. Berapa lamakah jumlah air ini boleh membekalkan air kepada penduduk negeri Selangor selama beberapa tahun dan berdasarkan lombong ini juga, ada 17 bilangan. Adakah lombong ini terus kekal memandangkan lombong-lombong ini ditimbus dan dijadikan tanah pembangunan. Dan seterusnya yang ke-2, kalaulah mendasarkan kajian ini kos dia lebih murah daripada merawat air sungai. Adakah kerajaan negeri mencadangkan untuk memberikan urusan air ini, air lombong ini kepada syarikat tertentu dan kalau ini betullah satu *alternatif* yang baik, bilakah agaknya kita boleh memulakan menjalankan proses menggunakan air lombong ini. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih saya telah meminta LUAS untuk membuat *projection* mereka itu sebab apabila kita mengadakan perbincangan dengan Kementerian Air kita dapati angka kita nampak berbeza. Satu perkara yang jelas sepatutnya kita sudah tidak boleh mandi tengahari sebab kita kekurangan air mengikut *projection*. Jadi maknanya *projection* berbeza dengan *projection* kita. Kedua salah satu perkara yang saya sendiri minta ada yang *review* itu. Saya berterima kasih kepada Y.B. Tanjung Sepat untuk mengkaji. Dahulunya kita tidak membuat *review*. *Review*nya begini mengapa kita dalam keadaan banjir maknanya dalam keadaan banjir itu saudara menyatakan akan banjir maknanya banyak air tidak ada air mengapa kita dalam keadaan banjir, boleh berbincang mengenai air jadi itu suatu soalan paling penting. Bererti *our retention, water retention programme*. Kedua, *water harvesting programme* tidak difikirkan dengan baik kalau tidak takkan keadaan banjir kita pun takut kekurangan air. Jadi jawapannya *our engineers and then our* menjaga air itu tidak fokus tentang keadaan ini. Ini diketawakan. Jadi saudara mesti ingat diketawakan oleh mereka-mereka pengkaji air di dunia. Dia cakap "*there must be something wrong with your, your* satu perkara yang aneh kepada *your engineers. People having problem to search for water*, tolong cari air sekarang kita ada air, tetapi kita tidak tahu macam mana hendak jaga dan kawal. Jadi, supaya Selangor jangan malu saya suruh buat *a few review* tapi jawapan kita pada tahun kita 2003, 4, 5 ialah gali air di Pahang, itu jawapan kita. Jawapan kita tidak ada *that's means you have not really look closely at the resources* in Selangor. Itu yang jawapannya. Itulah jawapan berbeza kita pandangan dengan Kementerian Air. Kementerian Air melihat jawapan segala-galanya ialah mesti daripada Pahang, kerana apa, kerana kita sudah buat keputusan untuk mengambil air daripada Pahang sebab *business* kita ialah dengan Pahang bukan *business* kita menjaga air di Negeri Selangor. Itu yang jelas saya lihat dan kita akan memantau dan saya tahu kita bertanggungjawab untuk memantau itu tetapi pemantauan itu mesti dilihat daripada segi kos dan dari segi penggunaan sumber-sumber di Negeri Selangor. Saya tahu sekarang kalau betul Malaysia memerlukan air, jadi kita boleh buat apa yang dipanggil *network, piping network* seperti juga gas yang dibuat di Terengganu untuk menentukan seluruh Semenanjung itu cukup air. Umpamanya bukan sahaja daripada Pahang, daripada Terengganu, daripada Perak, Perak juga mempunyai punca-punca air yang lebih lebih kita katakan tidak mahal sebab dia tidak menggali di bawah gunung tetapi saluran paipnya boleh melalui di tepi jalanraya yang selalu dibuat. Kita telah buat

kajian dan saya akan umumkan kajian-kajian yang dibuat oleh LUAS sebab LUAS juga mempunyai Ahli Lembaga Pengarah yang kita ambil daripada universiti dan juga pakar-pakar daripada luar negeri yang sebenarnya pakar luar negeri itu ialah orang Malaysia yang bekerja untuk UNESCO dan juga United Nation. Kita panggil balik untuk memberikan kita sokongan supaya keadaan air di Selangor ini dan juga di Malaysia ini dapat diurus dengan cekap dan tidak memerlukan kos yang tinggi sebab akhirnya yang membayar untuk air ini ialah rakyat Selangor dan rakyat Malaysia. Itu sebab saya lakukan saya daripada masa ke semasa. Sekarang program ini, sebab itu sebab saya pergi ke Mesir itu kerana saya rasa saya perlu meminta pandangan luar dan sebab saya dapati Kementerian Air dan boleh jadi NGO yang dibiayai oleh Puncak Niaga itu hanya menumpukan kepada masalah ini, kepada Langat 2. Saya rasa rakyat Selangor perlu mendapat beberapa opsyen supaya ianya tahu inilah hasil yang terbaik untuk dilaksanakan di Selangor.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Yang Berbahagia Tuan Speaker, saya mohon izin daripada Tuan Speaker bolehkah Dewan ini memberikan tafakur selama satu minit ke atas arwah suami kepada pegawai pelapor kita yang meninggal petang semalam Tuan Speaker, sebelum saya meneruskan soalan saya?

TUAN SPEAKER: Ini bukan tradisinya.

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM: Kalau tak boleh tak apa, terima kasih. Tuan Speaker soalan saya nombor 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : TANAH KG SUNGAI BUAYA

23. Kerajaan negeri mempunyai tanah-tanah bekas peneroka FELDA di Kg Sg Buaya.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Rasional dan Apa rancangan kerajaan terhadap tanah tersebut ?
- b) Sekiranya dijual berapakah harga sehektar ?
- c) Apakah status Tanah yang dipulang balik oleh FELDA kepada kerajaan negeri yang seharusnya diberi kepada bekas peneroka seluas 2 ekar setiap orang?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Batang Kali....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, *mic* belum pasang, *mic* belum pasang.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Tuan Speaker, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Batang Kali mengenai tanah Sungai Buaya iaitu Kerajaan Negeri telah mempunyai usaha ini. Saya nak cerita inikan tentang beberapa isu dan masalah pemilikan tanah dan ini dilihat dari segi pemilikan tanah di FELDA Sungai Buaya. FELDA Sungai Buaya ialah satu kes yang boleh kita pelajari yang mana peneroka-peneroka FELDA telah mendapat tanah. Tanah itu didapati oleh mereka melalui kerajaan negeri dan melalui institusi FELDA tetapi peneroka-peneroka ini telah dengan rela hati menandatangani pemberian kuasa tanah kepada syarikat swasta. Dia memberi kuasa *power of authority* kepada mereka untuk menjaga tanah-tanah ini dan hak penjagaan tanah dan kuasa kepada tanah ini sudah diserahkan kepada pengusaha swasta yang mana mereka telah menjanjikan pampasan-pampasan yang ternyata di dalam perjanjian tersebut. Jadi pada dasarnya, pada dasarnya dari segi undang-undang, peneroka FELDA sudah tak ada hak ke atas tanah tersebut sebab dia sudah serahkan kuasa dan perjanjian-perjanjian ini. Ada satu perjanjian yang tak sah dan peneroka FELDA juga peneroka-peneroka di Sungai Buaya ini mendapat pampasan daripada ini. Walau bagaimanapun jumlah pampasan itu dipersoalkan. Jadi kedua, yang jelas kepada saya dan syarikat-syarikat ini juga telah menyerahkan apa tu hak-hak ini kepada bank untuk mendapatkan pinjaman, dan mereka sepatutnya melaksanakan pembangunan di kawasan tersebut dan hasil daripada pembangunan kawasan tersebut mereka akan berkongsi keuntungan. Saya difahamkan dalam perjanjian tersebut dengan peneroka-peneroka yang telah dijanjikan pampasan-pampasan tersebut. Apa yang berlaku jelas walaupun wang itu didapati oleh syarikat-syarikat ini tapi syarikat-syarikat ini tidak menjalankan tanggungjawab mereka. Antara lain premium dan juga cukai tidak dibayar dan syarikat-syarikat ini telah di apa yang dipanggil *deliquidate* atau dicairkan. Maknanya kecairan. Jadi pada saya daripada tanah-tanah ini dicairkan dan dilelong, dijual kepada mereka-mereka yang akan menyertai pelelongan ini saya melihat dari segi strategi negeri, ada baiknya negeri mengambil balik tanah-tanah tersebut mengikut undang-undang yang telah ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara. Kita berjaya mengambil alih tanah-tanah tersebut dan tidak lagi dari peneroka FELDA. Peneroka ini tak ada dalam gambaran ini tak ada peneroka FELDA, tak ada peneroka daripada Sungai Buaya, tak ada, mereka sudah serahkan kepada kuasa-kuasa ini kepada syarikat-syarikat tersebut. Ini pengajaran. Ini sangat penting, jadi ada kalanya kerajaan negeri baik hati bagi tanah tapi apa yang berlaku mereka menandatangani dengan pihak-pihak swasta dan kerajaan negeri tidak dapat apa-apa dari perkara tersebut. Maknanya sekarang tanah ini sudah diambil alih oleh kerajaan negeri. Adalah hak rakyat negeri Selangor dan saya rasa kalau cara dulu ialah cara yang dibuat dengan membagi lagi kepada satu syarikat lain untuk diusahakan tetapi saya telah membuat ketetapan bahawa kerajaan negeri tidak sepatutnya jual tanah saja tapi cara usaha tanah itu mesti dibuat berasaskan dengan konsep *gross development value*. Maknanya pegawai-pegawai kita dalam umpamanya sebagai contoh di Hulu Selangor mereka berkeupayaan untuk merancang tanah seribu ekar ini untuk dijadikan tempat pembangunan dan mereka-mereka yang

berminat boleh menawarkan dengan nilai yang dipanggil *gross development value*. Ada beberapa usaha yang kita boleh lakukan maknanya nilai tanah kita bukan nilai tanah sahaja tapi nilai kelulusan yang kita buat dari pembangunan yang kita rancang. Jadi ada *development plan*, dulunya perancangan tanah-tanah tu pegawai kita ataupun kerajaan negeri tak tahu, yang tahu ialah dirancangan oleh pihak swasta tetapi saya tengok keupayaan pegawai-pegawai kita dia membuat rancangan jauh lebih baik daripada pegawai-pegawai ataupun perancang-perancang dari pihak swasta. Sebab jawapannya pengalaman dia sudah menerima berpuluh-puluh cadangan dari aspek-aspek yang dari pembangunan ataupun *developer* ataupun orang yang membangunkan tanah-tanah mereka. Jadi mereka sudah faham apa yang terbaik untuk kawasan tersebut dan saya percaya ini telah dilakukan. Kepada peneroka FELDA saya cadangkan mereka bekerja untuk mencari mereka-mereka yang tidak memberikan hasil kepada mereka. Boleh jadi dengan alasan kemanusiaan mereka tertipu. Saya nak melihat siapa yang menipu dan berapa mereka tertipu, lepas tu barulah kerajaan negeri memberikan pertolongan. Kalau hanya tertipu dengan kerajaan negeri, apabila tertipu menangis kepada kerajaan negeri. Apabila dapat duit tak pandang kerajaan negeri. Jadi saya rasa itu bukan *business*. Jadi mereka yang tertipu kita akan lihat berapa yang dia dapat? Mengapa mereka kena tipu dan mengapa tidak mencari orang yang menipu tetapi mengapa pergi pula kepada kerajaan negeri. Itu semua saya akan uruskan supaya pegawai-pegawai kita lebih cerah mata kerana mereka rasa mereka tertekan apabila ada masalah, mereka yang menyelesaikannya, apabila mereka buat perjanjian kerajaan negeri dan pegawai itu tidak diminta untuk memberi sokongan. Perkara ini bukan dibuat pada 2008, 2009, 2010 dah lama dah, lebih daripada 10 tahun, jadi saya rasa jawapan kita, kita bersedih kerana keadaan ini tapi kerajaan negeri lebih daripada 5 juta orang akan bersedih kalau kita buat lagi sekali perkara yang tidak betul.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya anggap ini satu rampasan hak ke atas penduduk Sungai Buaya. Soalan saya Speaker, yang pertama Yang Berhormat Ijok tak menjawab soalan saya yang (c) itu belum dijawab dan yang kedua soalan saya apakah nasib pemilik tanah asal di sini, adakah ganti rugi akan dibayar kepada mereka. Terima kasih Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih saudara Yang Berhormat, boleh jadi saudara Yang Berhormat ialah tujuan Yang Berhormat ialah menolong orang yang Felda ini tapi saudara tidak menolong 5 juta rakyat Selangor, jadi jawapannya penting, itu sangat penting. Adakah masa saudara, siapakah yang terlibat dalam usaha menguruskan supaya peneroka FELDA ini dapat membuat perjanjian dengan pengusaha-pengusaha tersebut. Siapakah pengusaha-pengusaha tersebut. Adakah mereka membuat usaha supaya dapat membayar balik kepada peneroka-peneroka ini. Itu jawapannya, tapi jawapan ini boleh jadi pengusaha-pengusaha ini bergabung semula dengan peneroka FELDA supaya dapat pampasan lagi. Itu satu usaha yang jadi saudara boleh tunjukkan, saudara boleh berikan kepada saya senarai nama mereka-mereka yang FELDA yang dikatakan tertipu. Saya harap perkataan itu betul

dan siapa yang menipunya, kerajaan negeri atau pun pengusaha, jadi kita nak tahu supaya jangan tertipu lagi, itu yang jawapannya. Jadi kalau saudara jadi bekerja bagi pihak peneroka itu, apa ganjaran kepada saudara. Jadi kita pun nak tahu, kerajaan negeri tidak ada, tidak ada ganjaran untuk dalam usaha ini. Jadi itu pun kita tengok, jadi kalau rakyat diajar supaya buat satu projek, jual lepas itu bila tertipu salahkan kerajaan dan Ahli Dewan Negeri juga menjaga...jadi saya akan bentangkan, saya akan adakan, saya akan tunjukkan kepada rakyat Selangor apa yang berlaku, siapa yang menipu, siapa kerajaan yang menyokong usaha ini supaya Yang Berhormat sendiri, Batang Kali boleh bercakap kepada rakyat semua, ini jawapannya. Jadi jangan menjaga kepentingan hanya 300 keluarga tetapi tidak menjaga kepentingan 5 juta rakyat Selangor.

TUAN SPEAKER: Sementa.

Y.B. DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL: Tuan Speaker, soalan yang ke 25

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. ABD RAHMAN BIN HJ. PALIL
(SEMENTA)**

TAJUK: OPERASI PUSAT HIBURAN

25. Operasi pemeriksaan terhadap pusat hiburan haram perlu ditingkatkan setiap masa tanpa memilih musim khususnya di kawasan PBT-PBT.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah kekerapan operasi membanteras pusat hiburan haram tersebut?
- b) Adakah YB Ahli EXCO dan ADUN-ADUN kerajaan negeri telah dan sedia turun padang mengetuai operasi tersebut?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, soalan Sementa adalah mengenai operasi terhadap pusat hiburan yang haram. Sementa nak tahu bagaimanakah kekerapan dan juga adakah EXCO dan ADUN sedia turun padang.

Tuan Speaker, kekerapan operasi membanteras pusat hiburan haram adalah berbeza mengikut keperluan Pihak Berkuasa Tempatan. Namun setiap PBT mempunyai inisiatif tersendiri dan telah pun merancang operasi penguatkuasaan secara berskala yang bakal dilaksanakan bagi memastikan premis-premis pusat hiburan haram dapat dibanteras. Di samping itu juga, terdapat operasi penguatkuasaan yang dilaksanakan secara *ad-hoc* berdasarkan aduan-aduan yang diterima dan kita juga ada operasi yang dilaksanakan secara bersepadu iaitu bersama dengan agensi-agensi luar seperti polis, JAIS dan AADK dan baru-baru ini polis pun ada tindakan yang lebih kerap kalau kita

baca dari surat khabarlah. Saya ucapkan tahniah kepada pihak polis kerana polis lebih berkesan kerana mereka dalam tangannya lebih kuasa.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Ahli EXCO dan ADUN sentiasa bersedia untuk menyertai operasi penguatkuasaan ke atas pusat hiburan haram yang terdapat di sekitar Selangor cuma dengan syarat kita tidak mahu EXCO atau pun ADUN untuk menentukan tempat yang mana mereka pergi. Ini adalah kerja dan juga tugas PBT masing-masing tetapi Ahli EXCO dan ADUN yang berminat yang sudi dan rela boleh mengikut sama.

Dan Operasi penguatkuasaan secara bersepadu merupakan salah satu kaedah terbaik di dalam menangani masalah yang melibatkan pusat hiburan haram. Ini adalah kerana, saya bagi contoh, Jabatan Imigresen mereka ada *power* atau pun kuasa untuk mengambil tindakan dan polis juga boleh tangkap dan membawa mereka yang bersalah ke mahkamah. Bagi PBT mereka kuasanya hanya tutup kedai itu atau pun bagi kompaun dan sebagainya, dia tidak ada kuasa, dalam undang-undang yang sekarang ada itu tidak ada kuasa untuk membawa siapa-siapa ke PBT untuk menyiasat dan sebagainya, tidak dan itu sajalah, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sementa.

Y.B. DATO' HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI PALIL: Tuan Speaker, Sementa nak tahu berapa jumlah premis yang dipotong bekalan api dan airnya bila waktu membuat operasi. Saya masih ingat kalau kata, daripada Pandamaran kata PBT tidak ada kuasa bermakna operasi pusat hiburan yang tidak mempunyai lesen akan berleluasa dan berterusan. Antara kesan yang cukup jelas ialah apabila operasi dibuat pemotongan api dan air. Kemudian bagaimana kedudukan Ahli-ahli Majlis PBT yang terlibat dengan operasi tersebut. Kalau Yang Berhormat kata operasi perlu ditetapkan oleh pihak PBT, sudah tentu operasi itu tidak dapat dijalankan. Dia kena buat gerakan secara yang sulit juga kadang-kadang.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Terima kasih, Sementa. Memang benar pemotongan air, pemotongan api, elektrik, pemotongan talian telefon dan sebagainya adalah tindakan yang berkesan. Tetapi semua tindakan ini hanya boleh dibuat melalui permohonan. PBT sendiri sahaja tidak boleh potong air, tidak boleh potong elektrik, mereka kena melalui TNB kalau elektrik, kalau air Syabas, kalau talian Telekom dan sebagainya. Jadi sebab itu PBT sentiasa meminta pihak-pihak yang saya sebut tadi itu beri kerjasama kepada PBT supaya tindakan ini boleh jadi lebih berkesan. Ahli-ahli Majlis pun juga boleh mengikut bersama tetapi sama juga mereka tidak diberikan kuasa untuk menentukan tempat yang mana mereka pergi kerana ini adalah ada tugas dan *responsibility* dengan izin PBT dan kita tidak mahu salah guna kuasa berlaku di situ dan kita, semua tindakan ini atau pun semua operasi ini haruslah dijalankan dilaksanakan dengan secara sulit, kalau tidak, kalau berita itu telah dikeluarkan sebelum operasi diadakan sentiasanya kita tidak akan dapat apa hasil-hasil, itu yang penting. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Klang, tidak ada, Kuala Kubu Bharu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, soalan 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BARU)**

TAJUK: TUNGGAKAN AIR PERCUMA

27. Penghuni *flat* telah ramai bertukar dari penggunaan meter pukal kepada meter individu dan melayakkan mereka menikmati skim air percuma.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri bercadang membayar tunggakan air percuma sejak tiga tahun lalu?
- b) Berapakah anggaran wang diperlukan untuk membuat bayaran tersebut?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat. *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya ingin menjawab soalan No. 27 bersama dengan soalan No. 4, Taman Templer dan juga soalan No. 133 daripada Dengkil. Mengenai persoalan sama ada kerajaan negeri bercadang untuk membayar tunggakan air percuma sejak tiga tahun lalu. Buat masa ini kerajaan negeri belum lagi bercadang untuk membayar tunggakan air percuma sejak tiga tahun yang lalu, sebenarnya empat tahun dan anggaran sekiranya kerajaan negeri hendak membayar akan tunggakan ini, kerajaan negeri belum ada satu anggaran yang tepat. Ini adalah kerana tarikh penghuni-penghuni perumahan bertingkat mendapat air percuma adalah berbeza-beza. Kempen besar-besaran agar penghuni bertukar kepada meter individu dan pemberian kupon air telah bermula daripada tahun 2009. Kemudian diperkenalkan program potongan terus pada bil di meter pukal. Oleh itu ada penduduk atau pun penghuni yang mendapat air percuma bermula pada 2009 dan ada yang mendapat pada 2010 dan ada yang mendapat air percuma mulai 2011. Maka sudah tentu kerajaan negeri memerlukan sedikit masa untuk mengira anggaran yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri dalam bajet telah meluluskan peruntukan untuk memberi air percuma kepada penghuni perumahan bertingkat. Peruntukan yang kita sasarkan, yang kita letakkan sekiranya berlaku imigrasi atau mendapat kupon air adalah sebanyak RM9,026,474.40 setahun bagi rumah kos rendah atau sekiranya anggaran besar, sekiranya hendak dikira 4 tahun maka jumlah maksimum adalah sebanyak RM36,825,896.16.

Mengenai persoalan adakah apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memastikan bahawa rakyat yang menggunakan meter pukal ini mendapat air percuma atau pun ditukar kepada meter individu, di antaranya adalah pihak kerajaan negeri melalui Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor telah mengadakan banyak kali

rundingan dengan pihak Syabas untuk mempercepatkan imigrasi iaitu untuk melonggarkan syarat-syarat imigrasi. Di antara perkara-perkara yang telah kita capai adalah pada asalnya, pihak Syabas mahukan 100% *consent* atau pun kebenaran daripada penghuni-penghuni untuk tukar kepada meter individu, tetapi perkara ini telah kita longgarkan hasil daripada rundingan kita iaitu yang diturunkan tidak perlu 100% apabila ada perkara-perkara yang tertentu atau pun kita mengambil kira kadar-kadar yang tertentu boleh diturunkan daripada 100% boleh mendapat *consent*.

Perkara yang kedua juga adalah sebelum ini Syabas mahukan kalau sistem di dalam sistem air di dalam pangsapuri tersebut tidak mendapati apa yang Syabas hendak, kalau dulu Syabas mahukan dianya ditukar tetapi sekarang ini memadai suatu surat akujanji daripada penduduk bahawa mereka setuju Syabas melakukan kerja-kerja pemasangan meter individu tetapi kalau apa-apa berlaku kepada sistem itu, maka penduduk akan tanggung sendiri. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga telah mewujudkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Prihatin iaitu PEMUDAH, Jawatankuasa PEMUDAH. Isu-isu hartanah bertingkat di mana kita mengadakan mesyuarat setiap minggu bersama Syabas dan juga sesama pemaju dan juga wakil penduduk untuk menyelesaikan masalah-masalah dari segi integrasi. Jika terdapat masalah *on the ground* dengan izin di padang di antara Syabas dan juga pemaju atau pun penduduk, maka kes tersebut akan dirujuk kepada kerajaan negeri dan kita akan menjadi fasilitator atau pun memastikan bahawa ia dapat diselesaikan. Selain daripada itu, bersama Syabas kita merancang kawasan-kawasan yang dikenal pasti bagi lakukan integrasi dan mengadakan turun padang untuk mengwar-warkan supaya penduduk untuk melakukan integrasi dan setakat ini dari segi permohonan melalui kempen kita itu terdapat 252,591 permohonan dari 1,246 pembangunan untuk tukar kepada meter individu iaitu 252,591 yang merangkumi 1,246 pembangunan dan setakat ini yang telah diluluskan melalui kempen ini adalah 51,859 yang merangkumi 513 akaun atau pun pembangunan.

Selain daripada itu telah kita lancarkan baru-baru ini iaitu kita hendak menyenangkan supaya rakyat dapat air percuma kalau dia hendak integrasi mungkin ambil masa yang lama. Kita buat satu sistem yang mudah iaitu kita panggil sistem ataupun program lapor dan dapat yang terkini. Sistem lapor dan dapat ini di mana penduduk hanya perlu melaporkan, pergi jumpa dengan COB iaitu Pesuruhjaya Bangunan PBT dan melaporkan berapa banyak unit mereka itu yang berpenghuni. Kemudian pihak COB akan bertemu dengan SYABAS dan memberitahu SYABAS berapa banyak unit yang berpenghuni dan potongan akan dilakukan oleh SYABAS terus di meter pukal. Jadi bermakna kita buat sehingga mendapat individu kita ada program lapor dan dapat kita perlu lapor kepada COB melalui 1 April ini lapor kepada COB dan COB akan lapor ke SYABAS dan SYABAS potong di meter pukal.

Bila potong di meter pukal GMB atau MC ataupun agen pengurusan atau pemaju atau Persatuan Penduduk akan memberi potongan itu kepada penghuni-penghuni yang ada. Inilah yang perkara-perkara yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memastikan walau pun tidak ada meter individu tetapi rakyat masih boleh dapat air percuma dan

satu soalan yang dimajukan adalah pemotongan oleh SYABAS di pangsapuri rumah pangsa dan sebagainya. Apabila berlaku sedemikian apa yang berlaku pihak SYABAS akan beritahu dahulu kepada kerajaan negeri seminggu atau dua minggu sebelum pemotongan itu berlaku. Kita akan berbincang dengan SYABAS tentang penyelesaian. Selalunya penyelesaian supaya tidak potong tetapi mohon kepada penduduk untuk membayar secara ansuran tetapi masalah itu kadang kala timbul apabila penduduk tidak mahu bayar duit secara ansuran. Jadi terpaksa dipotong juga. Jadi itulah persoalan yang saya jawab. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara, tidak hadir. Rawang, tidak hadir. Sabak.

Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan No.30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK: KAWALAN ARAK

30. Kerajaan negeri dikatakan menggunakan pendekatan *self regulatory* (kawalan sendiri) oleh premis jualan bagi kawalan penjualan arak terhadap orang Islam.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah mekanisme ini berjaya dilaksanakan?
- b) Adakah ini bermaksud pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) tidak lagi berkuasa?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Speaker. Soalan Yang Berhormat dari Sabak mengenai kawalan arak. Kerajaan negeri menggunakan pendekatan *sale regulation* dikawal sendiri oleh premis. Jualan dan kawalan jualan arak. Sebenarnya ini hanyalah proses. Saya telah mengkaji sekarang saya menjaga Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam saya telah tengok bagaimana program yang dilakukan. Saya dapati bahawa tidak ada perubahan dari segi apa yang dikatakan pemberian lesen dan juga pemberian kelulusan untuk jual beli arak. Jadi saya tengok. Kedua saya lihat adakah satu keadaan yang berubah daripada sebelum dari tahun 2008 dan selepas 2008. saya minta pihak dua universiti untuk buat kajian adakah satu keadaan yang gila-gila berlaku selepas 2008 ataupun sebelum 2008. Jawapannya tidak ada berlaku. Saya hendak lihat seterusnya bagaimana pemantauan adakah orang Islam sebelum 2008 sangat terpengaruh, tidak terpengaruh dengan penjualan arak ataupun selepas 2008.

Jawapannya tidak ada tetapi bisingnya lebih banyak lagi selepas 2008. Itu yang dibuat kajian. Bising maknanya orang Islam selepas 2008 lebih dipanggil dalam kajian tersebut *noisy* ataupun mengingatkan diri mereka sendiri supaya tidak terlibat terjebak

dalam perkara arak. Ini satu berita yang baik supaya apabila Umat Islam diingatkan tentang tanggungjawab mereka.

Boleh jadi penglibatan orang Islam dalam usaha arak ini akan berkurang dan saya meminta mereka membuat pemantauan mengenai kes-kes yang berlaku. Tetapi bila kita membuat pemantauan antara Kuala Lumpur, Johor Bharu, Selangor, dan juga saya ambil contoh, di Kota Bharu, *location evaluation*. Maknanya adakah di Selangor unik ataupun di Malaysia. Jawapannya keadaan adalah lebih tidak terkawal di Kuala Lumpur dan juga Johor Baharu. Itu kajian, saya tidak hendak buat hebahkan kajian tersebut sebab ini akan menimbulkan persoalan politik yang tidak menyelesaikan masalah menentukan rakyat Islam menjalankan tugasnya sebagai umat manusia Islam. Jadi saya tidak berminat dalam menyebarkan perkara tersebut dan tidak ada kena dengan negeri Selangor. Jadi yang saya lihat ialah satu pengalaman yang sangat besar, *politic a fear* ialah politik yang menakutkan. Itu saya minta universiti untuk membuat kajian adakah *politic a fear is a good politic*. Maknanya untuk menyebarkan supaya semua orang Islam dalam keadaan takut yang selubungi oleh masyarakat di luar minum arak dan hasil dari minuman tersebut. Jawabnya *sale valuation* di Shah Alam saya ingat sudah mula syarikat-syarikat yang menjual minuman yang tidak sepatutnya dijual untuk masyarakat Islam sudah berkurang sebab daripada kajian awal kita telah tunjukkan kalau kawasan itu hampir 80% orang Islam, maknanya penjualan tidak laku.

Kajian telah dibuat di Sabak Bernam. Sabak Bernam jumlah penduduknya lebih daripada 85% sekurang-kurangnya. Tetapi kajian ada jualan tetapi hanya kawasan-kawasan penempatan orang bukan Islam dan kedai-kedai tidak ada di kedai-kedai runcit. Di Kampung-kampung tidak ada penjualan. Jadi saya lihat ini ialah satu yang dilakukan *sale regulation*. Makna tauke-tauke kedai sendiri tidak menjalankan *businessnya* dengan betul. Dia tidak hendak bergaduh dengan orang Islam yang kata kenapa pula jual di kampung saya. Jadi ada *sale valuation* di kedai-kedai di Sabak Bernam. Pemilik-pemiliknya ialah orang Islam.

Jadi kalau ada pemilik-pemilik orang Islam kita sendiri sebagai masyarakat Islam saya sendiri boleh ingatkan tak payahlah jual itu. Untungnya tidak banyak. Dosanya besar. Jadi kalau itu kita cakap jadi senang. Daripada menakut-nakutkan orang. Ada pula orang gila di tepi kedai. Pihak JAIS juga memantau keadaan ini. Sepanjang 2011, 20 premis yang diambil tindakan. Premis yang menjual diambil tindakan dan ditahan di bawah kesalahan arak dan kita ada pendakwaan. Saya tengok angka ini pun hampir serupa dengan angka-angka sebelum 2008. tidak ada banyak bezanya. Boleh jadi the *noise level according* sebab saintis itu tidak ada *political sharing*. *The noise level is a great*. Saya galakkan pasal meningkatkan suara-suara itu boleh jadi itu tanggungjawab orang Islam untuk berdakwah. Tetapi jangan bising sahaja tetapi hasil tidak ada. Itu juga merugikan kita. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya yang ke- 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU DI SELANGOR

31. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan menyatakan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan kepada pembangunan kampung-kampung baru di Selangor sejak tahun 2008 hingga sekarang dan berikan pecahan mengikut kampung masing-masing.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada Kg. Tunku. Kerajaan negeri telah mengkaji semula peruntukan pembangunan Kg. Baru Bagan Tersusun selepas Mac 2008. Mengikut rekod pentadbiran lama hanya memperuntukkan RM200,000 untuk pembangunan Kg. Baru. Ia bermakna setiap Kg. Baru yang mendapat lebih kurang 2,500 tahun permohonan sahaja. Justeru itu mula pada tahun 2009 dan tahun 2010 kerajaan negeri telah meningkatkan peruntukan daripada RM200,000 hingga ke RM5.4 juta iaitu peningkatan sebanyak 27 kali ganda. Ini bermakna permohonan Kg. Baru Bagan Tersusun telah mendapat perhatian yang lebih serius daripada kerajaan negeri. Manakala pada tahun 2011 dan 2012 sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri bagi pelaksanaan projek dan program pembangunan Kg. Baru Tambahan lagi RM1 juta juga akan diperuntukkan di bawah geran Selangorku untuk pembangunan Kg. Baru tahun 2012. Kesimpulannya kerajaan negeri telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM21.8 juta untuk permohonan Kg. Baru Bagan Tersusun dalam tahun ini. Pecahan lengkap bagi penggunaan peruntukan setiap kampung akan dijawab secara lisan kepada Yang Berhormat Kg. Tunku nanti. Sekian.

TUAN SPEAKER: Sg. Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker, Soalan No. 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: TIADA PROJEK MEGA DALAM NEGERI SELANGOR

32. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah projek mega telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri setelah menerajui pemerintahan negeri mulai 8 Mac 2008 ?

- b) Apakah status Projek Pembersihan Sungai Klang diwar-warkan oleh kerajaan negeri ?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih banyak. Saya berminat tentang soalan yang ditanya Sungai Pelek, mengapa tak ada projek Mega di negeri Selangor. Walaupun tidak ada projek Mega dalam negeri Selangor saya akan terangkan *the concept of the project mega*. Jadi esok boleh belajar ekonomi sedikit. Maknanya konsep, saya tengok saya telah buat kajian tentang.....3.....kita *over supply, that is the reason* kita kena tahu. *Timing matters*, jadi *don't push*. Jadi, apa sebab, jadi dia kata pengalaman dia. Jadi itu sebab saya hendak terangkan sedikit, saya minta maaf saya hendak terangkan sedikit. Itu sebab *they pushed for KLIA, they pushed for twin tower* sebab ekonomi kita mula menurun, kita hendak *push the economy, domestic economy must be pushed*. Itu sebab adanya *twin tower*, adanya sebab apa, sebab *they pushed the economy. That means the domestic economies spin up the economy. Kita pushed* tapi pengalaman itu *he reminded me the evil of that* pengalaman. Jadi, saya hendak terangkan di sini. Iaitu kita tak bagi. Kita bagi tender kepada kawan-kawan. Bila bagi tender kepada kawan *the margin of the tender cost is high*. Jadi, kalau kita boleh buat 100 juta kita kena buat 150 juta. *Than it says the next round*, ini pengalaman, *the next round we should also watch the costing*. Itu sebab bila saudara daripada Barisan Nasional bercakap pasal transformasi iaitu oleh Yang Berhormat saudara Idris Jalal. Bukan seorang Islam tetapi namanya Idris Jalal. Tapi, dia tunjukkan, *to be successful this time it must be open tender because of the costing*. Jadi, itu sebab sekarang projek itu yang berlaku, itu sebab saya hendak tunjukkan nilainya bila saudara bagi soalan sinis macam ini. *This is a cynical question, and this is a good question but a cynical question. If you have a student like this, sama ada you will give good grade or bad grade*. Itu saja, *It is a cynical question. Whether he can analyse as much as his question or itu*, jadi jawapannya saya telah tunjukkan bahawa *the timing for this is very careful*. Jadi bukan nak pergi buat saja. *In Selangor*, saya tunjukkan ya, *in Selangor number of project*, saya tunjukkan projek apa yang dipanggil untuk kita berdrama, *what is the project theater sorry, drama*, jadi *the cost of the process doesn't show*. Itu sebabnya projek mega *we have to be very careful. The cost of the project, is our weakness. Then*, sebenarnya kita juga buat kajian di berapa, siapa yang membiayai duit pembangunan negeri Selangor yang dikatakan mega. *Basically Federal Government out of sale of our property. Thats no good. The future* dah tak ada lagi. Itu sebab saya tahan dulu, saya tengok, saya simpankan *reserve*, bukan untuk, tak ada saudara. *I'm not interested. The foundation is going to be good for the future*. Maknanya Yang Berhormat daripada Gombak boleh cakap fasal *the future*. Tapi tak tahu pasal *how to create the foundation*. Sama ada *piling* mesti pakai anu, atau pun *rough piling*. Jadi itu yang kita mesti lihatkan. Jadi, jawapan kita pembersihan Sungai Klang *is in programmed. In programmed. We are not pushing* sebab Kerajaan Persekutuan *is pushing the programme*. Dekat di, di Jalan Ampang di sana. Yang itu untuk negeri Selangor juga. Dah berapa bilion dah akan diambil. Jadi, *do not clean a river* dekat di bawah. *Clean the river* dekat atas, Kalau *you clean the river* dekat bawah, orang pula *clean the river* dekat atas *the cost will be high*. Itu sebab kita buat kajian, *the impact of this*. Jadi jawapan saya kepada saudara projek mega akan berlaku, akan berlaku. Sebenarnya projek mega sudah berlaku di sektor swasta. Saya akan minta

kalau saya ada masa hari, masa saya menggulung berapa projek-projek pembangunan bukan termasuk yang dibuat oleh Kerajaan MRT, LRT yang sudah sedia untuk dibangunkan termasuk pembangunan di Petaling Jaya, pembangunan di Shah Alam dan pembangunan-pembangunan yang dibuat di kawasan Guthrie Expressway. Jumlah pembangunan yang sudah mendapat kelulusan itu bukan termasuk MRT, LRT apa semua. Melebihi 30 bilion. Jadi *it's going to be over heading, over heading*. Itu sebab saya juga hendak menulis satu kertas kerja *to watch the over supply*. Itu masalah yang menakutkan ialah kita dah buat rumah, buat, buat, ada orang yang tak duduk. Itu yang projek, dan pengalaman itu sudah negeri Selangor sudah mendapat pengalaman yang baik. Satu jawapannya ialah lokasinya saudara sudah kenal. Rakan-rakan sudah kenal. Bukit Beruntung masih belum beruntung lagi. Iaitu, sebabnya. Apa sebab? *Earlier* kita buat cepat. Semalam, masa hari Isnin, hari Selasa saya pergi mengiringi Tuanku Sultan ke Kota Damansara, Ara Damansara. Ara Damansara ialah pembangunan sebuah hospital yang sekarang dilakukan oleh Sime Darby. Bangunan tersebut dibeli oleh Sime Darby hasil daripada lelong untuk buat hospital itu, tetapi *timing* dia buat hospital 10 tahun lebih awal daripada sekarang. Jadi, lepas itu, sekarang Sime Darby beli harga itu dan buat sekarang. *Because the demand* sekarang barulah *demand* yang terbaik. Masa dulu buat tak ada permintaan. Sekarang buat sangat cantik, saya tidak hendak mengiklankan untuk mereka sebab saya rasa mahal sangat untuk rakyat negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Jeram.

Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: Soalan No. 33.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK: JALAN ROSAK DAN LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

33. Bandar Puncak Alam sekarang semakin pesat membangun dengan pertambahan jumlah penduduk yang terus meningkat dari masa ke semasa.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penduduk Alam Jaya mengadu berkaitan jalan masuk ke Taman Alam Jaya yang rosak teruk. Apakah langkah-langkah yang sudah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah tersebut?
- b) Lampu Jalan di jalan masuk ke Taman Alam Jaya juga tidak berfungsi dan menimbulkan kebimbangan penduduk pada waktu malam. Apakah tindakan Kerajaan Negeri setakat ini?.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, soalan Jeram adalah sangat spesifik dan mengenai jalan rosak dan lampu jalan yang tidak bernyala di kawasan Alam Jaya dan juga Taman Alam Jaya. Tuan Speaker. Pihak majlis sedang

mengeluarkan tawaran sebut harga yang bermula pada 7 Mac dan tarikh tutup pada 19 Mac untuk kerja-kerja penyelenggaraan di lokasi tersebut iaitu Taman Alam Jaya. Bagi peruntukan MARRIS Tahun 2011 pihak dan Majlis Daerah Kuala Selangor telah mengenal pasti lokasi aduan kerosakan lampu di jalan tersebut. Peringkat pertama, pihak majlis telah mengeluarkan kerja penyelenggaraan lampu jalan di lokasi tersebut iaitu di jalan masuk Alam Jaya dan kawasan kilang. Pada peringkat seterusnya pihak majlis akan membuat penyelenggaraan di kawasan perumahan Taman Alam Jaya dari masa ke semasa. Terima kasih, Jeram.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, soalan No. 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : AKHBAR NEGERI SELANGOR

34. Kerajaan negeri Selangor mempunyai akhbar-akhbar sendiri iaitu Selangor Kini, Selangor *Times* dan Selangor Indru untuk menyampaikan maklumat kepada rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah sambutan rakyat terhadap akhbar-akhbar ini?
- b) Bagaimanakah akhbar-akhbar ini disampaikan kepada rakyat?
- c) Berikan statistik tentang penambahan akhbar-akhbar ini dari sejak diterbitkan sehingga kini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ha! Dato' Speaker, soalan dari Yang Berhormat Bangi mengenai akhbar. Negeri Selangor mempunyai akhbar-akhbar sendiri seperti Selangor Kini dan Selangor *Times* dan Selangor Indru dalam Bahasa Tamil dan untuk menyampaikan maklumat. Tapi soalnya sejauh manakah sambutan rakyat terhadap akhbar-akhbar tersebut. *Okay*. Saya tak sepatutnya menerangkan jawapan ini, tetapi atas alasan ketelusan saya berikan perangkaan ini sebab itu baiknya untuk masa depan. Kita telah membuat kajian perspektif pengundi terhadap Selangor Kini, kita buat kajian oleh Merdeka *Centre*. Jadi kita buat kajian. Maknanya soalan itu, sejauh mana rakyat, jadi kita *link* soalan itu dengan apa yang dipanggil perspektif pengundi. Oleh Julai, kita buat melalui beberapa masa, iaitu untuk Julai 2011 antara kesimpulan yang didapati dari kajian tersebut liputan Selangor Kini telah meningkat dari masa ke semasa dan liputan dari tahun 2011 meningkat. Kita punya liputan meningkat berbanding tahun sebelumnya. Ini disebabkan keputusan untuk meningkatkan kekerapan edisinya. Itu

sebab kita kerapkan. Sebulan sekali kepada dua kali sebulan. *So, that is it.* Dari segi kandungan, *editorial content* tahap kepuasan, ah! Ini kepuasan yang dibuat *survey* secara umum kepuasan 64% orang Melayu berasa selesa. 50% untuk kaum Cina dan 82% kaum India. Sebabnya kita tanya sebab apa kaum Cina *do the second survey.* Surat khabar Cina lebih *open* daripada surat khabar yang lain. *More open*, ceritanya lebih banyak tapi surat khabar Melayu ini dia berbeza-beza umpamanya Utusan, dia *is very centric* maknanya *very focus* tapi daripada perspektif pakatan ialah surat khabar merentap. Itu saja dia punya perspektif daripada kajian itu. Kajian saya tak ada saya rasa jawapan saya *the brains of our population is much greater than that.* Itu jawapan saya. Itu sebab saya tidak berminat tetapi pengundi lelaki lebih berpuas hati di kajian disebabkan pencapaian lebih tinggi berbanding perempuan. *This is the study* sama ada itu *study by Merdeka Center.* Jadi menurut kecenderungan lebih daripada *this is another analysis*, rakan-rakan boleh lebih daripada 70% mereka di atas pagar puas hati. Jadi ada yang *hard core UMNO*, *hard core PAS*, atas pagar jadi 70% daripada mereka berpuas hati dan lampiran ada jugalah, saya tak nak *become an issue in this study.* *Error rate study is around 5 to 10%* jadi saya hendak ingatkan saudara *this is study.* UMNO pun juga gunakan Merdeka Center jadi *the rate is Selangor Times* tak ada kajian khusus yang dilakukan. Walau bagaimanapun tinjauan rambang telah dilakukan dan mendapati akhbar berbahasa Inggeris, Mandarin mendapat sambutan baik oleh *target audience* maknanya *the Klang Valley audience.* Mereka selalu mendapat permintaan dari ramai persatuan penduduk dan pemimpin masyarakat. Dr. Xavier Selangor Indru ditugaskan untuk menjaga pengedaran surat khabar diterjemahkan dalam Bahasa Tamil dan sambutannya juga adalah memuaskan. Maknanya sejak awal sehingga sekarang akbar ini diedarkan terus kepada Pejabat Dewan Negeri dan walau bagaimanapun baru-baru ini sebanyak 50,000 naskhah telah diedarkan melalui profesional *flyers distributor* untuk kita. Selangor Times akhbar ini diedarkan terus di 21 stesen LRT. Jadi kita nampak dia *more on the Klang Valley*, 10 stesen komuter, 3 pusat membeli belah, 10 buah pasar basah seluruh Selangor dan Selangor Indru dia melalui penyelar-as-penyelar-as.... Jadi, 2012 kita dah mula buat seminggu sekali iaitu 150,000 naskhah tiap-tiap minggu. Jadi kita bandingkan Selangor maknanya kalau kita bandingkan Utusan Melayu dia lebih kurang 200 lebih tapi seluruh Malaysia tapi yang paling banyak sekali ialah *The Star.* *The Star* ialah lebih kurang 350,000 dan Selangor Times 100,000 naskhah dan Selangor Indru 50,000 berpandukan permintaan dan pengeluaran. Itu dia statistik yang saudara dari Bangi sebab dia bekas pensyarah jadi saya bagi *the real* statistik. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Dari segi operasi kerja adakah dia digerakkan oleh satu badan atau masing-masing kemudian berapa ramai tenaga yang

melibatkan semua penerbitan akhbar-akhbar tadi dan berapa kos kalau hendak kira bulanan ke atau keseluruhan ataupun mingguan yang kita keluarkan akhbar-akhbar tersebut.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Ada yang saya boleh jawab ada yang saya tak boleh jawab. Satu ialah *the editorial site*. 3 perbezaan, Selangorkini di bawah anak Syarikat MBI, CCSB, Communication Sendirian Berhad. *This is a CCSB* dan ada kumpulan editornya sendiri dan Selangor Times dia punya ada editorialnya sendiri walaupun dia ada perbincangan saya rasa *weekly* untuk menyusun seperti biasa macam surat-surat khabar biasa menyusun apa yang dipanggil berita *the news* yang nak disalurkan. Selangor Indru dia ada *frequent editorial team* tapi mengambil saya rasa maklumat dan berita dari kedua-duanya dan ditambah dengan berita sendiri. Dari segi kosnya saya tidak boleh menerangkan terperinci sebab jawapannya ialah kosnya purata dibandingkan dengan saya juga melihat ini kos bukan *revenue* hanyalah tak lebih daripada RM1.00 satu *paper* kalau lebih daripada itu maknanya sudah melebihi kos yang biasanya untuk surat khabar-surat khabar begini. *I think* Selangor Indru lebih murah sebab jumlah muka suratnya ada berkurang.

TUAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Tuan Speaker, soalan nombor 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: PROGRAM CERIA BANGUNAN

35. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak jumlah yang disediakan untuk program ceria bangunan yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Tetap Bangunan?
- b) Apakah aspek-aspek yang diperbaiki dalam program ceria bangunan ?
- c) Berapa banyak apartmen-apartmen yang telah terlibat dalam program ceria ?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Batu Caves, saya ingin menjawab soalan nombor 35 ini bersama dengan soalan 163 daripada Lembah Jaya. Untuk menjawab soalan tentang peruntukan yang telah diperuntukkan untuk program ceria ataupun nama panjangnya ialah *Caring Government For Residence Improvements Aid* adalah sebanyak RM9.7 juta. Walau bagaimanapun peruntukan ini merupakan suatu tabung bermakna sekiranya peruntukan ini berkurangan maka ianya akan ditambah ataupun akan di *topup* dan tentang jenis-jenis aspek yang diperbaiki dalam program ceria bangunan ini. Pada mulanya kita telah fokus kepada untuk memperbaiki lif iaitu masalah yang paling besar melanda mereka yang duduk di pangsapuri-

pangsapuri. Kemudian kita telah melebarkan aspek ini kepada tiga iaitu keselamatan, kebersihan dan keceriaan bermakna di bawah keselamatan kita ada baik pulih lif, bumbung, sistem pencegah-pencegah kebakaran dan kebersihan. Kita ada membaik pulih rumah sampah dan juga sistem pementungan. Sementara keceriaan kita ada program seperti mengecat bangunan dan juga kita akan menambah dari segi *landscape*. Soalnya yang seterusnya adalah tentang pelaksanaan program ini. Program ini dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama adalah pada 2011 di mana kita ada 18 buah pangsapuri kos rendah. Untuk fasa –fasa pertama 12 minta maaf 17 buah pangsapuri kos rendah dan 11 buah pangsapuri kerja-kerjanya telah siap sepenuhnya dan ini merangkumi sebanyak 8,000 unit kediaman. Manakala fasa kedua iaitu untuk tahun 2012 pula ia melibatkan 33 pangsapuri kos rendah dan 20 pangsapuri kos sederhana rendah dengan implikasi kewangan sebanyak 7.2 juta dan dimanfaatkan oleh hampir 19,000 jumlah kediaman. Oleh itu kalau kita campurkan bahawa ceria ini untuk fasa pertama dan kedua akan dimanfaatkan oleh 27,000 penghuni pangsapuri kos sederhana dan kos rendah. Mengenai soalan daripada Lembah Jaya tentang apakah matlamat program ceria ini, terdapat saya ingin menggariskan 4 matlamatnya. Yang pertama ialah mendukung dasar negeri berkeadilan dan merakyatkan ekonomi Selangor ataupun MES, memperhebatkan lagi program MES yang berfalsafahkan hasil negeri untuk rakyat di mana hasil daripada negeri itu diagih-agihkan melalui skim membaik pulih ini. Yang kedua memangkin pembangunan komuniti miskin bandar, selain meringankan ekonomi golongan berpendapatan rendah di kawasan bandar kesan baik pulih fizikal di kawasan pangsapuri kos rendah ini turut menyumbang kepada pembangunan sosial yang lebih berkualiti dan berdaya maju. Yang ketiga memastikan keselamatan rakyat dan menghindarkan daripada dibelenggu oleh kesulitan. Saya rasa dalam kes-kes lif dan sebagainya kerajaan negeri telah banyak membantu apabila membaik pulih dalam kes-kes yang kritikal dan seterusnya adalah membina masyarakat yang mempunyai keprihatinan sosial persekitaran tempat kediaman. Seperkara lagi ingin saya menambah adalah untuk fasa kedua tadi, kita telah melibat 53 kawasan pangsapuri dan setakat ini 30 kawasan pangsapuri telah membayar yuran 5% ataupun 5% komitmen mereka untuk mula kerja dan 5 kawasan untuk fasa kedua ini telah dimulakan kerjanya. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih atas jawapan daripada EXCO tadi. Saya ingin bertanya berapa lamakah proses yang biasanya diambil satu-satu kelulusan bagi projek-projek yang berkenaan dengan ceria sebab terdapat aduan prosesnya terlalu lambat mungkin kerana birokrasi dan sebagainya yang menyebabkan hasrat murni kerajaan negeri kelihatan agak terlambat ketika sampai kepada rakyat. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Oleh kerana kosnya adalah tinggi ada yang sehingga RM200,000 Yang Berhormat jadi bermakna kita boleh beri sahaja kontrak itu kepada kontraktor-kontraktor yang terlibat bermakna kena melalui proses sebut harga di iklan dan dicari kontraktor. Walau bagaimanapun kita sedang cuba

untuk *improve* dengan izin pelaksanaan atau sistem penyampaian ini saya meletakkan daripada mula permohonan itu diterima hingga kerja itu berjalan ianya tidak lebih daripada satu setengah bulan. Itu kita punya KPI yang kita akan tetapkan. Walau bagaimanapun kita cuba hendak memendekkan masa tapi masalahnya kalau mengikut peraturan kewangan itu kena tender kita tidak boleh bagi kepada sesiapa sahaja tapi insya-Allah itu bermakna bahawa kita akan mempercepatkan dari segi pelantikan kontraktor-kontraktor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Waktu pertanyaan sudah tamat.

III. USUL

Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Serta Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS: Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, dengan ini saya silakan Kajang untuk menyambung perbahasan.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih, Tuan Speaker. Kajang ingin menyambung perbahasan Usul menyembah kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Rakyat Selangor negeri Selangor percaya kepada Pakatan Rakyat kerana dasar kepedulian rakyat telah membuktikan kesungguhan dan keikhlasan, kepimpinan Pakatan Rakyat untuk memperbetulkan penyelewengan dahulu dan membaik pulih kerosakan terhadap sistem pentadbiran yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lepas.

Tuan Speaker, Kajang ingin mewakili rakyat di Hulu Langat dan Kajang untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan negeri Selangor atas sumbangan sekolah-sekolah, Sekolah Rakyat Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Kebangsaan Tamil yang menerima sumbangan berkala setiap tahun. Sumbangan berkala ini telah membantu sekolah-sekolah tersebut merancang pembangunan untuk memanfaatkan anak-anak sekolah yang lain dari sumbangan yang tidak berkala iaitu daripada Barisan Nasional hanya diberi waktu pilihan raya sahaja. Kerajaan juga telah memberi tanah iaitu kerajaan negeri untuk pembangunan sekolah-sekolah khususnya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang memang begitu perlu, perlu tanah, lesen dari kementerian untuk mendirikan sekolah-sekolah baru kerana kepadatan pelajar di sekolah-sekolah khususnya di Lembah Klang telah mencapai tahap yang begitu tinggi sehingga sekolah persekitaran sekolah tidak begitu sesuai untuk pembelajaran. Di kerajaan negeri telah setakat ini telah memberi tanah kepada beberapa sekolah ini iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Hin Hua di Klang, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Bandar

Serendah, SJKC Rasah, Hulu Selangor, SJKC Balakong, Hulu Langat, SJKC Conaught 2 Hulu Langat, SJKC Gurney Hulu Yam, Hulu Selangor dan juga baru-baru ini SJKC Sungai Chua, di Kajang, Hulu Langat juga menerima pemberian tanah daripada kerajaan negeri. Selain daripada itu, di Puchong kerajaan negeri telah memperuntukkan tanah untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Yap Chie dan juga Sekolah Menengah Katolik. Akan tetapi malangnya Kerajaan Persekutuan iaitu Timbalan Menteri Pelajaran telah menafikan lesen pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Yap Chie dan Sekolah Menengah Katolik di Puchong dan ini telah membuktikan bahawa Kementerian dan Timbalan Menteri Pelajar telah sentiasa memberi kenyataan yang tidak berasas untuk menipu dan menyeleweng fakta yang sebenar. Beliau menyatakan bahawa kerajaan negeri tidak memberi tanah dan juga sebenarnya kita beri tanah kepada sekolah-sekolah tetapi kementerian daripada Kerajaan Pusat yang tidak memberi lesen dan tidak membenarkan pembinaan sekolah-sekolah untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ini. Walau bagaimanapun, Kajang bercadang kerajaan negeri Selangor terus mengenal pasti tapak-tapak sekolah yang sesuai untuk pembangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah KAFA Integrasi mengikut keperluan setempat. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dapat mengenal pasti tapak simpanan sekolah dan mengesyorkan pewartaannya untuk kegunaan jenis sekolah mengikut pendudukan setempat. Sememangnya dasar yang adil ini telah termaktub dalam buku jingga Pakatan Rakyat. Inilah buku jingga yang menyatakan dalam buku jingga ini memastikan sokongan dan pembiayaan secara adil kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat, Sekolah Kebangsaan Cina dan Tamil, Sekolah Mubaligh, Sekolah Vokasional dalam usaha bersama untuk meningkatkan taraf pendidikan negara. Jadi ini adalah yang terbawa dalam buku jingga.

Tuan Speaker, baru-baru ini di Hulu Langat telah mengalami banjir yang amat teruk sehingga keadaan begitu teruk yang boleh dikatakan tidak pernah begitu teruk sekali berlaku di Hulu Langat khususnya di Kampung-kampung tradisi Melayu. Masalah banjir sentiasa berlaku di beberapa kawasan di negeri Selangor dan di Hulu Langat di Sungai Serai, di Batu 10, Cheras dalam kawasan DUN Kajang baru-baru ini telah beratus keluarga telah mengalami banjir di mana harta benda dan gangguan hidup harian mereka telah menjadi satu isu yang hangat dan sentiasa merunsingkan mereka. Kajang berharap bukan sahaja kerajaan negeri memberi bantuan waktu banjir tetapi perancangan yang holistik harus diadakan untuk mengkaji beberapa dikatakan *hot spot* dengan izin bagi masalah banjir. Kajian yang teliti melibatkan pembangunan yang sekitar dan pembangunan di mana air daripada kawasan pembangunan yang baru ini di alih ke dalam sungai-sungai yang berkaitan dan juga aliran sungai ini sehingga ke kawasan hulu dari hulu ke hilir. Jadi kajian ini perlu dibuat secara holistik supaya masalah ini tidak akan menjadi semakin teruk dalam masa depan.

Tuan Speaker, Kajang juga ingin membuat perhatian kerajaan negeri terhadap kemiskinan bandar. Kita sentiasa memberi perhatian kepada kemiskinan luar bandar. Akan tetapi masalah kemiskinan bandar memang merupakan satu masalah yang lebih membebankan rakyat kerana di kawasan bandar sara hidup semakin meningkat kerana harga barang makin naik dan rakyat yang duduk di bandar yang miskin walaupun

gajinya mungkin lebih daripada RM1,500 tetapi ianya memang tidak mencukupi. Mereka tidak ada tanah untuk cucuk tanam. Mereka tidak ada tempat untuk ternakan ikan yang mana mereka boleh dapat hasil, mereka bergantung kepada kerja harian. Maka Kajang mencadangkan kerajaan negeri memberi tumpuan kepada masalah kemiskinan bandar di mana dapat mengurangkan bebanan penduduk yang menghadapi masalah kemiskinan bandar ini.

1. Rumah mampu milik harus dibina dengan lebih diberi tumpuan pada waktu buat perancangan semula di bandar iaitu program *Urban Regeneration* dengan izin.
2. Menyediakan tapak-tapak perniagaan untuk peniaga-peniaga kecil dan penjajah.
3. Melalui geran Selangor ku mewujudkan Pusat Asuhan Kanak-kanak dan dalam komuniti seperti taska, tadika dan wujudkan ruang pembelajaran dalam komuniti seperti perpustakaan desa atau pun perpustakaan kecil-kecilan dalam komuniti di mana tuisyen rakyat juga boleh diadakan dan juga menyediakan Pusat Riadah untuk warga emas.

Tuan Speaker, rakyat secara keseluruhannya merasa puas hati dan menyambut baik perubahan di PBT, iaitu kerajaan tempatan dan pejabat tanah dan daerah selepas 2008. Mereka memuji kecekapan penjawat awam yang lebih mesra, lebih cekap dan lebih positif untuk membantu. Budaya baru ini harus dipuji dan diberi pengiktirafan melalui insentif atau bonus kepada penjawat awam. Walau bagaimana pun, kelemahan yang wujud seperti kelambatan memproses urusan tanah yang pernah saya sebut semalam dan kekurangan pemantauan kerja-kerja perkhidmatan awam termasuk kutipan seperti sisa pepejal dan pembersihan di kawasan kediaman perlu dipertingkatkan.

Tuan Speaker, Kajang berkeyakinan Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar akan diberi amanah dan mandat untuk meneruskan reformasi di semua peringkat Kerajaan. Kesungguhan dan komitmen Dato' Menteri Besar, EXCO, ADUN, penjawat awam telah mempamerkan suatu contoh kerajaan berintegriti telus, cekap, bertanggungjawab dan berkepedulian rakyat.

Tuan Speaker, akhir sekali Kajang ingin berkongsi pengalaman dan penghayatan selepas banyak peluang bersama rakan-rakan Agama Islam yang bertakwa khasnya rakan-rakan dari PAS termasuk Yang Berhormat ADUN Meru dan juga tidak terasing YB Sekinchan yang handal dalam kajian. Kajang masih ingat dan menghayati ajaran di mana seorang ustaz telah memberitahu bahawa manusia merupakan makhluk yang di kurnia khas kepada bumi ini. Makhluk manusia berlainan daripada makhluk lain kerana ia telah menerima hembusan Ilahi. Hembusan Ilahi merupakan roh pada setiap manusia. Hembusan Ilahi ini ialah merupakan keinsanan dan sifat-sifat ketuhanan

manusia. Roh yang merupakan sifat-sifat keinsanan kadang-kadang diserombongi niat-
niat nafsu kejahatan daripada syaitan. Sekiranya seorang sentiasa membuat imbasan-
imbasan dan keinsafan mendalami keinsanan dan kerohanian serta menghayatinya
maka seseorang manusia itu menghayati sifat-sifat ketuhanan dari hembusan Ilahi ini.

Tuan Speaker, Kajang ingin menamatkan perbahasan dengan ucapan memohon
orang-orang politik baik dari pihak Kerajaan mahupun dari pihak pembangkang atau
bebas merenung kembali selesa kita melakukan sesuatu atau berdebat dengan nada
yang memandang atau luar Dewan ini. Adakah kita sedang menjauhi diri dari sifat-sifat
ketuhanan yang dikurniakan melalui hembusan Ilahi ini. Jadi Kajang berdoa kita sama-
sama menunaikan misi tuhan kepada manusia untuk menjadikan bumi amnya, negeri
Selangor khususnya satu tempat idaman sejahtera, harmoni dan mesra. Sekian, Tuan
Speaker Kajang menyokong Usul. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuang.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI IDRUS: Terima kasih kepada Dato' Speaker
memberi peluang kepada Kuang untuk mengambil bahagian membahaskan Titah
Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di Dewan yang mulia ini. Rakyat
Selangor tinggi penekanan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bahawa
pembangunan manusia adalah lebih penting berbanding pembinaan fizikal semata-
mata. Salah satu agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan insan ialah
Yayasan Selangor. Kebelakangan ini kita merasa dukacita kerana dalam tempoh empat
tahun pemerintahan kerajaan Pakatan Pembangkang, banyak kontroversi dan perkara-
perkara yang tidak kena, telah berlaku di Yayasan Selangor bermula dengan pelantikan
Pengurus Besar yang baru. Pelantikan Encik Ilham bin Marzuki sebagai Pengurus
Besar Yayasan Selangor adalah dilihat tidak telus dan mengikut pintu belakang. Kita
dimaklumkan melalui iklan di akhbar-akhbar tempatan seramai 42 orang telah
memohon tetapi hanya 8 orang layak di Selangor di senarai pendekkan untuk ditemu
duga oleh panel temu duga pada 22 Februari 2010. Telah diperakui bahawa yang
pertama, Razali bin Tumirin sebagai pilihan utama dan seorang lagi simpanannya iaitu
YM Raja Rahman Shah bin Raja Mahmud sebagai calon simpanan, dan tidak diperakui
oleh Jawatankuasa Panel Pemilihan bahawa Encik Ilham Marzuki ini barangkali tidak
sesuai dan layak untuk menjawat jawatan ini. Walau bagaimanapun Yang Amat
Berhormat Menteri Besar sebagai Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan
Selangor telah membelakangkan keputusan Jawatankuasa Pemilihan dan melantik Encik
Ilham Marzuki sebagai Pengurus Besar Yayasan Selangor yang baru dengan gred
VU6, tertinggi dalam kontrak 2 tahun. Persoalannya, tindakan Yang Amat Berhormat
Menteri Besar membelakangkan peraturan Jawatankuasa Pemilihan, jelas
membuktikan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak telus dan menyalahgunakan
kuasa. Apakah perkara ini, dengan pelantikan Ilham Marzuki ini kerana Ilham ini bekas
pelajar Maktab Baru Kuala Kangsar satu sekolah dengan penasihat ekonomi Selangor
atau kerana beliau ada kaitan persaudaraan dengan Yang Amat Berhormat Menteri
Besar sendiri. Persoalannya bukankah ini kroni namanya. Bagaimana sayangnya Yang
Amat Berhormat Menteri Besar kepada beliau lalu dinaikkan pangkat dari JUSA C pada
15.3.2010 kepada JUSA B pada 15.4.2010, selepas satu bulan dilantik. Kemudian

diluluskan 2 bulan bonus pada 2010 walaupun baru bertugas selama 8 bulan sedangkan syarat dapat bonus hendaklah bertugas sekurang-kurangnya

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan, Tuan Speaker. Boleh mencelah.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Kuang, Bangi ingin mencelah.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Pertanyaan.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Ya, silakan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Dari segi salah guna kuasa, komen, tentang kehilangan sebanyak RM500 juta daripada Yayasan Selangor dalam masa tiga orang Menteri Besar mengendalikan pemerintahan negeri Selangor daripada, termasuk, Menteri Besar, terpaksa sebut namalah. Khir Toyo, Tan Sri Abu Hassan dan juga Tan Sri Mohammad Mohammad Taib. RM500 juta. Kemudian, apa komen tentang bonus yang diberikan sebanyak RM450,000 sebulan, semasa dalam masa dua bulan kepada pentadbir di Yayasan Selangor.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Terima kasih Bangi, saya memang tunggu soalan Bangi. Walau bagaimanapun Bangi, perkara itu akan saya sebut sebentar lagi dan saya pun ada banyak bukti untuk saya jelaskan pada Bangi dan Sekinchan memang suka ketawa, saya tengok ni, Speaker. Barangkali ini sesuai untuk masuk raja lawak lepas ini. Raja Lawak 7. Bagaimana saya hanya MB yang saya lihat saya katakan tadi

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, saya minta mencelah.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: OK.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Celah, ya.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Pasal lama tak dengar suara Sekinchan sebelum ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kuang, Yang Berhormat Kuang, soal Yayasan Selangor ini, saya nak tanya satu, nak bagi satu butiran lanjut ni, nak bagi tau tentang satu usaha sama yang di bangunkan oleh zaman Barisan Nasional, Semenyih *Central*, Lot 7, Pekan Semenyih, keluasan tanah 20 ekar, bangunan pejabat dan komersial. Harga pasaran untuk projek tersebut RM43.3 juta sepatutnya oleh Syarikat Kreatif Rakyat Sendirian Berhad. Bayaran yang diterima sepatutnya oleh Yayasan Selangor adalah RM13.11 juta. Tetapi hanya terima tunai RM1.8 juta. RM1.8 juta, yang sepatut terima RM13.11 juta. Hilang, ketirisan hilang, RM9.51 juta. Hilang dia RM9.51 juta. Pengerusinya pada ketika itu Yang Berhormat Sungai Panjang, Barisan Nasional. Beri penjelasan.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Okay, terima kasih Sekinchan. Sekinchan pun aktif jugalah. Tapi Sekinchan saya belum sampai situ lagi. Sekinchan, belum sampai lagi. Jadi Sekinchan tolong tunggu habiskan dan akan sampai ke jawapan itu. Terima kasih, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jawablah.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Sekinchan... Sekinchan, faham ke tak faham. Kang saya suruh masuk Raja Lawak 7, kang. Isu penyelewengan dan pembaziran, saya akan jawab. Saya ada banyak bukti, saya ada banyak bukti ni. Sekinchan, jangan khuatir. Isu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa Pengurus Besar Yayasan Selangor telah didedahkan oleh Audit Dalaman SUK, dan di dalam mesyuarat Penggal Pertama, Penggal Keempat, minta maaf saya, Dewan Undangan Negeri 12, pada Mac 2011, malahan pihak Audit telah mencadangkan supaya kontrak Pengurus Besar ditamatkan. Walaupun begitu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mempertahankan kroninya dan memberi peluang sehingga tamat kontrak 2012. Saya nak tekankan kes Yayasan Selangor yang telah didengar oleh SELCAT, pada awal bulan Mac yang lalu, termasuk perbelanjaan sebanyak RM1.4 juta untuk empat projek tidak berfaedah serta tidak ada kaitan dengan fungsi Yayasan. Pengurus Besar Yayasan Selangor sendiri mengakui kesilapannya kerana meluluskan peruntukan tersebut. Tidak mengikut tatacara kewangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Bagaimanapun beliau enggan dipersalahkan sepenuhnya kerana keputusan itu turut dipersetujui oleh pasukan pengurusan tertinggi yayasan. Beliau masih baru dalam jawatan dan tidak mendapat nasihat yang betul oleh pihak pengurusan. Wah, mudah saja, mudah saja, Sekinchan. RM1.4 juta lesap pun, mudah saja. Nanti Sekinchan, sabar, nampak geram Sekinchan tu.

Alasan seperti ini adalah juga yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar apabila tidak bersetuju dengan pendirian pihak Audit untuk menamatkan kontrak pengurus Ilham Marzuki, dan perlu diberi peluang kerana baru menjawat jawatan dan tidak boleh dipertanggungjawabkan sepenuhnya. Bagi jawatan, bagi peluang, banyak lagi nak dilesapkan. Inilah bahayanya, saya setuju, saya lihat Meru gunakan hadis yang sama dan sahabat saya Ketua pembangkang gunakan hadis yang sama. Sabda Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Al Bukhari yang berbunyi, “apabila sesuatu jawatan diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancuran”.

Sebenarnya kemelut yang melanda Yayasan Selangor bermula daripada pelantikan Pengurus Besar Yayasan Selangor. Jawatankuasa Pemilihan Yayasan telah membuat keputusan betul untuk tidak memilih Ilham Marzuki, tapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar melantik Ilham melalui pintu belakang dan Menteri Besar juga mesti bertanggungjawab di atas kesilapan ini. Yang aneh dan ajaib, SELCAT yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat ADUN Sungai Pinang, menerima segala penjelasan Pengurus Besar Yayasan Selangor kerana ada pengakuan dan tindakan susulan yang menunjukkan usaha positif bagi memperbaiki kelemahan dan kepincangan. Namun pengakuan telah dibuat, nampaknya maaf juga yang diberi dan

dibebaskan tanpa ada amaran dan sebagainya. Sebab itulah barangkali SELCAT didakwa tidak telus dan tidak adil kerana tidak berwibawa. Kalau di mahkamah terbuka boleh jadi yang dah mengaku sudah tentu akan dihukum. Itulah keistimewaan Ilham Marzuki, kroni Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bukannya terdapat bukti-bukti sahih seperti di dalam laporan Audit, terdapat 12 kes penyalahgunaan kuasa, pembaziran, pelanggaran tatacara kewangan kerajaan. Etika tadbir urus baik yang telah dilakukan oleh Pengurus Besar Yayasan Selangor. Sebagai contoh, Majlis Ulang tahun keempat Yayasan Selangor...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Jamuan makan perdana, pertandingan memancing, pembelian cenderamata, pakaian...

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Saya tidak izinkan, Sekinchan.

TUAN SPEAKER: Tak benarkan.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Majlis berbuka puasa...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bagi *chance* lah.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Minta pelawak duduk dululah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Raja Lawak tak berani.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Majlis jamuan Aidilfitri, majlis korban, pembelian kereta Yayasan dan bayaran bonus kepada warga Yayasan, bayaran elaun mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga, bayaran Juru Perunding bebas, majlis perasmian bangunan dan sebagainya. Kes-kes di atas sudah cukup bukti kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menamatkan kontrak Ilham Marzuki sebagai Pengurus Besar Yayasan Selangor. Kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar benar-benar ikhlas dan bersungguh-sungguh untuk mendukung prinsip urus tadbir baik, berintegriti, berketelusan dan bertanggung jawapan demi imej serta kebaikan Yayasan Selangor. Saya cabar Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk bertindak tegas termasuk menamatkan dengan segera kontrak Ilham Marzuki, sebagai Pengurus Besar Yayasan Selangor. Di samping pendedahan kes-kes tersebut, oleh Jabatan Audit SUK dan pengakuan sendiri Pengurus Besar Yayasan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Pengerusi SELCAT masih lagi mempertahankan beliau. Selepas mendapat pembelaan kedua-dua orang kuat Selangor ini. Pengurus Besar Yayasan mengambil tindakan balas mengarahkan pegawainya untuk menyiasat kedudukan aset Yayasan Selangor sepanjang 17 tahun.

Saya nak masuk yang Bangi sebut tadi. Iaitu bermula 1991 hinggalah 2008. Beliau mendakwa terdapat ketirisan aset yayasan berjumlah lebih kurang RM500 juta. Aset yayasan sekarang katakan RM300 juta simpanan RM51 juta. Berbanding 2007, kononnya RM20 juta. Jika tidak berlaku ketirisan aset Yayasan Selangor bererti ada RM800 juta. Kalau yayasan di bawah pentadbirannya di audit dari bulan September hingga November 2011, beliau mohon audit dapat dibuat bagi tahun 1991 hingga 2008. Betul, beginilah kelicikan Pengurus Besar Yayasan Selangor, hendak tutup dosa-dosa dan kesilapannya. Maka dibuat cerita-cerita dan dakwaan yang tidak telus berdasarkan kajian terperinci dan objektif yang dikeluarkan satu laporan yang bertajuk Ketirisan Aset Yayasan Selangor 1991 hingga 2008. Kononnya terdapat 10 projek tanah terlibat. Berdasarkan nilai pembangunan kadar GDV yang mekanisme penilaiannya boleh diragukan. Beliau mendakwa terdapat ketirisan aset sebanyak tidak kurang RM500 juta. Dinyatakan juga nama Menteri Besar dan Pengurus Besar Yayasan yang berkhidmat pada masa itu tetapi didapati fakta-fakta salah dan mengelirukan. Sebagai contoh pembangunan tanah 19.5 ekar di Klang. Dibangunkan, dikatakan dibangunkan bersama Syarikat Persada Istimewa Sdn. Bhd. Dalam perjanjian itu pihak yayasan dapat RM10 juta. RM1 juta dibayar pada 2004, dan bakinya RM9 juta belum lagi dibayar sehingga sekarang. Dakwaan juga, Yayasan Selangor dengan nilai semasa GDV 106 Juta sepatutnya mendapat 30% iaitu 49.8 juta berdasarkan nilai semasa Yayasan hilang 40 Juta. Mengikut maklumat yang kami terima status tanah di SS13456 PT 4221 Seksyen 21 Bandar Klang seluas 16.5 ekar. 16.5 ekar berhampiran Hotel *Gold Coast*, tanah tersebut telah ditawarkan kepada Yayasan Selangor oleh pentadbir Klang tetapi belum dibayar premium dan tidak dapat dikeluarkan hak milik, tanah masih lagi milik kerajaan. Namun selepas Pilihanraya Ke-12 ada permohonan baru dari pihak lain untuk pusat kebudayaan tetapi tidak dapat dipertimbangkan kerana Yayasan Selangor telah membayar premium tanah terlebih dahulu dan mendapat hak milik pemilikan tanah tersebut. Pemilikan tersebut, menyebabkan kerajaan negeri tidak berpuas hati dengan pegawai daerah dan juga Pengurus Besar Yayasan Selangor mungkin kerana isu itu. Pegawai Daerah Klang sengaja di kecam hebat dalam satu pendengaran SELCAT dan Pengurus Besar Yayasan Selangor pada masa itu Haji Tahir tidak disambung perkhidmatan. Difahami tanah ini sekarang telah diambil balik oleh kerajaan negeri dan Yayasan Selangor diberi pampasan. Tidak pasti sama ada telah diluluskan kepada permohonan lain, mungkin ADUN Sungai Pinang yang merupakan salah seorang Jawatankuasa Tanah Daerah Klang tahu perkara ini. Berdasarkan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Puan Speaker. Puan Speaker, saya minta mencelah.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Saya tidak izinkan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sangkaan jahat

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Ini medan saya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya minta penjelasan tentang menuduh DUN Sungai Pinang ada dalam Jawatankuasa Tanah. Apa buktinya beliau berada di Jawatankuasa Tanah? Kalau tidak tarik balik dan mohon maaf.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Saya kata mungkin

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sangkaan jahat tu.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Saya kata mungkin

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Saya kata mungkin. Faham tak Bahasa Malaysia?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ia mengelirukan Dewan ini.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Jangan sibuk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ia mengelirukan Dewan ini. Sedangkan ADUN-ADUN dalam Pakatan Rakyat dalam kerajaan sekarang semuanya tidak dibenarkan

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Puan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Semua tidak dibenarkan sama sekali duduk dalam Jawatankuasa Tanah bukan seperti ADUN di Barisan Nasional dulu yang duduk dalam Jawatankuasa Tanah dan merampas tanah rakyat. Mencuri tanah rakyat. Sapu semua waktu itu.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Wah, menyokong lain macam DAP. Barangkali DAP tahu perkara ini. Terima Kasih, Speaker. Saya tidak tuduh, Speaker. Saya kata mungkin.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Itu sangkaan jahat.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Berdasarkan kepada laporan dakwaan tulisan 500 Juta tersebut. Pengerusi SELCAT mencadangkan satu audit bebas nanti, bagi menjalankan forensik audit yang dilihat lebih sesuai kerana melibatkan jangka masa yang panjang. Cadangan ini baik dan realistik. Kerajaan negeri telah membesarkan isu melalui akhbar Sinar 27.8.2010 saya pun ada surat khabarnya dan Selangor Kini keluaran 16 Mac 2011. Pengurus Besar Yayasan Selangor membuat kenyataan akhbar bahawa Yayasan Selangor akan menjalankan audit forensik dan berusaha mendapatkan balik RM500 juta. Yayasan juga akan mengheret ke mahkamah bekas Menteri Besar Selangor iaitu Dr. Khir Toyo, Tan Sri Abu Hasan Omar, Tan Sri Muhamad Taib dan bekas, tiga lagi bekas Pengurus Besar. Selangor, kita tengah tunggu sampai sekarang. Demi keadilan untuk semua pihak rakyat Selangor biarlah Pengurus Besar Yayasan Selangor membawa kes ini ke mahkamah tetapi beliau juga mesti bersedia untuk menghadapi tindakan-tindakan balas jika dakwaan ketuluan 500 Juta itu tidak benar dan palsu termasuklah saman malu di mahkamah oleh bekas-bekas Menteri Besar dan Pengurus-pengurus Besar yang terlibat dalam kes ini. Ketuluan

menyokong ketulusan, kebertanggungjawaban selaras dengan kod etika tadbir urus baik korporat. Rakyat juga menuntut Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan SELCAT mengambil tindakan tegas di atas kesilapan, kelemahan secara terbuka di pendengaran SELCAT, saya dah bukti. Saya ada bukti. Tindakan balas Pengurus Besar Yayasan Selangor akhir-akhir ini menunjukkan beliau sangat tertekan. Kita serah kepada pihak-pihak berkuasa untuk menguruskan karenah beliau. *Good luck* saudara Ilham Marzuki. Saya fokuskan isu Yayasan Selangor kerana ini merupakan salah satu contoh teladan kebaikan kegagalan kerajaan negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memenuhi janji manifesto Pilihanraya Ke-12 bagi mewujudkan urus tadbir berwibawa. Memastikan ketulusan pegawai kerajaan negeri termasuk agensi seperti Yayasan Selangor dan memastikan semua pemimpin bersih dari segala rasuah. Pelbagai kes penyelewengan, pembaziran, penyalahgunaan kuasa, pelanggaran tatacara kewangan kerajaan dan kod etika urus tadbir baik korporat Malaysia yang berlaku secara menonjol oleh jabatan audit dalam SUK dan diakui sendiri oleh Pengurus Besar Yayasan adalah bukti sahih kegagalan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Ijok menunaikan janji Pilihanraya Ke-12. Yang Amat Berhormat tidak boleh lagi lari daripada tanggungjawab ini. Yang Amat Berhormat adalah Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor. Jangan salahkan pegawai-pegawai sahaja. Yang Amat Berhormat bertanggungjawab memantau dan mendisiplinkan pegawai-pegawai eksekutif di bawah jagaannya. Yang mendukacitakan kita nampaknya Yang Amat Berhormat masih lagi mempertahankan mereka walaupun terang-terang terbukti kelemahannya. Sebab percaya sangat kepada Pengurus Besar sampai terlupa pandang dan terus menandatangani *Circular Resolution No.A 219/2010* yang berkuasa untuk membayar bonus pada tahun 2010 kepada Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor termasuk dirinya. Sebenarnya bertentangan dengan *Memorandum Resolution* dan tata urus Yayasan Selangor. Bila rakyat bangkitkan isu ini Yang Amat Berhormat mengakui kesilapan dan memulangkan bonus tersebut. Syabas Yang Amat Berhormat. Di bawah Anti Pengurusan yang diketuai oleh Pengurus Besar Yayasan terdapat 12 pekeliling resolusi yang dikeluarkan sehingga bulan November 2010 iaitu di bawah bilangan A211-2010 hingga 232-2010 setelah resolusi-resolusi tersebut melibatkan keputusan-keputusan penting yang sepatutnya tidak boleh dibuat melalui *circular resolution* tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar selaku Pengerusi Lembaga Yayasan Selangor telah menandatangani resolusi-resolusi tersebut walaupun terdapat bercanggahan dengan peraturan-peraturan *Memorandum Resolution* Yayasan Selangor. Puan Speaker, berdasarkan kepada bukti-bukti ini dan beberapa pendedahan oleh pihak audit dan rakan-rakan saya terutamanya Ketua Pembangkang dan saya sendiri rakyat Selangor telah sedar bahawa kerajaan Selangor tidak boleh diharapkan. Harapkan pagar, pagar makan padi. Demi kesejahteraan. Emm.. tak apalah.. Gelaklah! Raja Lawak!. Demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat Selangor dan masa depan Selangorku jangan tertipu buat kali kedua. Apabila rakyat diberi kebebasan memilih kerajaan tidak berapa lama lagi. Saya ingin.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya ada pertanyaan pada Raja Lawak.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Saya tidak izinkan Raja Lawak 7 untuk mencelah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Tidak benarkan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Raja Lawak tidak boleh?

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Raja Lawak sila duduk.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Raja Lawak tak boleh ya.

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Tidak boleh.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tidak boleh. Setuju dia angguk

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Sebab dia suka ketawa

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Angguk. Jawab. Syukur. *Alhamdulillah.*

Y.B. TUAN ABDUL SHUKUR BIN IDRUS: Raja Lawak duduk. Demi kesejahteraan dan keselamatan Selangor dan masa depan Selangorku jangan tertipu buat kali kedua. Apabila rakyat diberi kebebasan untuk memilih dan tidak berapa lama lagi saya ingin mengulangi kenyataan saya bahawa tidak ada yang lebih sahih dan meyakinkan dalam pada masa membuat keputusan melainkan berpandukan kepada sabda Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari bermaksud "Apabila suatu jawatan salah pada orang bukan ahlinya maka tunggulah saat kehancurannya". Dengan kenyataan di atas saya sudahi pembentangan saya sekian terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Puan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Berhormat, Ketua Jabatan dan Pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera salam reformasi.

"Negeri Selangor negeri yang kaya,
50 tahun UMNO telah berkuasa
Kebanyakan pemimpinnya kaya raya
Tapi rakyatnya setitik air percuma pun tidak merasa."

Puan Speaker di dalam Dewan yang mulia ini Sekinchan ingin mengambil turut serta akan menyokong usul menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada Persidangan Pembukaan Persidangan Penggal Ke-5, Tahun Ke-12 ini sebelum saya meneruskan. Kuang jangan keluar dulu. Raja Lawak, menunggu ni, jangan keluar. Keluar hendak pergi tandas? Kalau tandas tidak apa? Takut balik sahaja sebab saya hendak menanya untuk pertanyaan kepada Kuang. Pada Kuang, yang mana tadi dengan lantanganya mengecam Yayasan dan sebagainya, SELCAT tetapi hendak tahu apa pendirian Barisan Nasional yang Kuangnya mengecam SELCAT tapi mengambil kenyataan SELCAT, pada masa yang sama Kuala Kubu Baharu mencabar SELCAT di

mahkamah tetapi yang anehnya salah seorang Ahli Jawatankuasa SELCAT iaitu Yang Berhormat sahabat saya daripada Permatang aktif pula dalam Pendengaran Awam SELCAT. Apa pendirian mereka, Barisan Nasional tentang SELCAT celaru. Saya hendak tahu apa pendirian Kuang? Tapi biar dia pergi tandas dulu lah! *Ado noyon nyisir*..dia hendak kencing. Jangan terkencing dah. Ini yang satu, keduanya pendirian berkecamuk dengan Kuala Kubu lainnya, dengan Permatang. Permatang elok.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Mencilah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Terima kasih. Saya hadir ke persidangan SELCAT kerana saya menghormati Dewan yang melantik. Soal tindakan Barisan Nasional itu adalah soal yang berbeza. Sekinchan jangan mempertikaikan saya. Saya hadir kerana menghormati Dewan ini dan saya dilantik oleh Dewan ini. Saya mohon supaya Sekinchan tolong jangan sebut lagi. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sahabat saya dari Permatang. Inilah antara contoh yang perlu kita.....

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Saya mohon mencilah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Seri Setia.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ini adalah contoh kawan-kawan, rakan-rakan seperjuangan yang sewaktu dengannya. Patut mereka contohi jangan macam Kuala Kubu dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD: Sekinchan mungkin pembangkang tidur sebantol tapi mimpi lain-lain kot.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ini saya setuju sungguh dengan Seri Setia. Anak muda yang memang banyak idea. Tidur satu bantal tapi mimpi lain-lain. Puan Speaker, saya ingin sentuh sedikit perbahasan yang disampaikan Sri Serdang, Ketua Pembangkang kita tapi hari ini tidak sampai pula. Ketua Pembangkang pada hari itu beliau dalam perbahasan titah ucapan tuanku beliau mengambil pelbagai manifesto lagi empat tahun hendak cerita manifesto, mana faktanya hadiah masuk universiti kita bagi seribu-seribu kepada anak yang berjaya masuk IPTA misalnya tetapi dia kata tiada, tiada. *Masya-Allah* tiada benda itu boleh bertanya, tanya pejabat daerah, boleh tanya di SUK, ada tapi dia kata tiada. Yang keduanya, peruntukan bantuan selain Islam setahun 6 juta dan sebagainya, tiada. Saya pun hairan mengapa dia kata tiada, walhal kita sudah bagi beberapa tahun dah. Tiada, maknanya Sri Serdang ini bukan sahaja tidak membuat persiapan untuk hadir bersidang di Dewan ini. Keduanya dia mengutip cerita-cerita tepi jalan dan tidak membuat pengajian, kajian dengan secara terperinci, apakah contoh pembangkang seperti ini. Ketua Pembangkang eloknya kalau Ketua Pembangkang seperti ini kita gantikan dengan Permatang ke Templer ke saya rasa

lebih elok. Sungai Burong pun boleh tahanlah sebelah saya batinku kalau macam itu kutip di zaman batu, hidup di zaman batu. Sekarang Selangor sudah maju dia masih di zaman batu. Itu satu. Yang keduanya dia juga hairan dengan Sungai Panjang pula, panjang pula dengan Sungai panjang, Kawan saya, kawan dan lawan saya sepanjang zaman ini Sungai Panjan.g Yang hendak saman saya sepuluh juta ini. Kononnya fitnah tetapi dah kena sekarang dah. Ah, tapi saya hairan saya difahamkan persidangan yang lepas saya hendak bertemu dengan Sungai Panjang tidak nampak ada umrah ok. Persidangan ini dia umrah ke apa saya tidak tahu. Apabila saya tanya dengan Speaker dia kata ada bagi surat sakit tetapi saya ada baca tadi *Free Malaysia Today* dia boleh membuat pernyataan sakit orang yang sakit tidak hadir Dewan sebagai Ahli Dewan Negeri sakit tetapi tidak datang. Boleh buat kenyataan dengan *Free Malaysia Today* dia boleh buat, tiada sakit. Tetapi datang Dewan tidak datang, ini apa contoh Barisan Nasional rakyat tengok seluruhnya tengok wajah sebenar Barisan Nasional. Ini ialah pembangkang yang kononnya saya simpatilah.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, mengikut peraturan 36

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya simpati, biar.

TUAN SPEAKER: Sila.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, mengikut peraturan 36(6), bahawa seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain. Saya rasa untuk hadir sidang itu adalah pilihan seorang, peribadi saya rasa di sebelah sini pun ramai tiada hadir, mengapa *you* tidak marah. Itu pilihan kerana dia ada urusan yang lebih mustahak atau pun dia mohon cuti itu terpulang kepada ahli Dewan sama ada dia hadir, tak nak hadir, buat sangkaan yang jahat. Tengok belakang kawan mana. Mana kawan-kawan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih kepada Kuala Kubu soalnya kalau ada sesiapa yang tidak hadir dan sebagainya *okay*, terima tapi yang mohon cuti sakit boleh membuat kenyataan di *Free Malaysia Today* maknanya dia tak sakitlah, sakit olok-olok yang sebenarnya, ini yang saya pertikaikan, bukan saya kata sesiapa tidak boleh cuti, Kuala Kubu kalau hari ini tidak hadir pun saya tidak pertikai Kuala Kubu saya tidak pertikai tetapi soalnya dia mohon cuti, cuti sakit, kalau cuti tidak sakit, cuti ada hal lain cerita nak buat kenyataan ke pergi mahkamah ini persoalannya Kuala Kubu kena faham. Kuala kubu

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Boleh saya mencelah sedikit, saya tanya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Apa pun teman-teman...

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Boleh saya tanya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: *Okay* tanya lagi *okay* tanyalah.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Saya hendak tanya dia berhak mohon cuti ke tidak, jawab. Setiap Ahli Dewan Undangan kalau dia cuti, dia berhak ke tidak. Tolong jawab. Ada orang cuti pergi melancong, ada orang cuti sakit itu kuat kuasa Sekinchan saya ingat lebih baik you dilantik sebagai Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: *Insyallah* doa ini dimakbulkan dapat saya dapat, terima kasih. Kuala Kubu soal siapa-siapa bisa mohon cuti dan sebagainya tetapi pertikaian saya kena faham. Kita mohon cuti sakit, sakit tetapi boleh buat kenyataan maknanya tidak sakitlah ada mengelirukan sedikit ini yang saya pertikaikan. Seterusnya, sebelum saya ada banyak lagi panjang lebar tentang Gombak Setia. Mana Gombak Setia. Akidah pun tidak ada macam mana memperjuangkan akidah. Tak apa saya tunggu dia masuk dahulu, kita pergi ke cerita lain dulu Tuan Speaker. Terlebih dahulu saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dan Titah Ucapan Duli Yang Mahu Mulia Tuanku pada hari semalam pembukaan yang menyeru kepada semua pihak, agar dapat menumpukan semua perhatian kepada pembangunan negeri Selangor. Demi keharmonian, kemakmuran, kesejahteraan rakyat jelata, tambahan pula semua Ahli-ahli Dewan Negeri bukan sahaja berkhidmat untuk rakyat dan membantu rakyat, menyelesaikan permasalahan yang timbul tetapi juga wajib hadir pada setiap persidangan malah wajib duduk mengambil bahagian dalam perbahasan yang berkaitan, persoalan dasar dan segala program serta perancangan yang dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) demi menunaikan tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh rakyat. Justeru itu saya juga menyokong penuh titah ucapan dan nasihat Duli Yang Maha Mulia bahawa kita boleh berlainan pandangan dalam politik tetapi ia bukan penghalang kepada kita sebagai Ahli Dewan Negeri untuk membangunkan negeri dan kebajikan. Saya ingin mengambil contohlah seperti apa yang ditegaskan, dinyatakan oleh rakan seperjuangan saya daripada Meru. Menyatakan pada hari pembukaan dan malam itu ada Majlis Santapan dan saya nampak hari itu, saya tengok bersama teman-teman apa pun saya nampak sepatutnya hari santapan itu adalah satu tugas rasmi yang cukup penting kerana Duli Yang Maha Mulia sudi mencemar duli bersama wakil rakyat, bersama Y.A.B. Dato' Menteri Besar, EXCONya, orang besar kerabat dirajanya bersama-sama meraikan dalam Majlis Santapan. Sepatutnya kita sebagai Ahli Dewan Negeri, sepatutnya mengambil *priority* yang pertamanya untuk program seperti ini. Setiap tahun sekali sahaja, sekali sahaja untuk Santapan Pembukaan tetapi pada hari itu saya tengok, kawan-kawan daripada teman-temannya daripada pembangkang yang datang Sementa, yang datangnya Y.B Sungai Air Tawar, yang datangnya Paya Jaras, Yang datangnya Sungai Pelek. Oh, Sungai Pelek datang, saya sempat ambil gambar lagi dengan *facebook* Sungai Pelek ini contoh yang baik empat orang yang dating daripada seluruhnya 21 orang Barisan Nasional termasuk yang akidah seorang dua puluh dua. Seluruhnya teman-teman apa pun saya nak bagi tahu di sini dua puluh hanya empat orang yang datang berapa peratus yang dating. Ya Sepatutnya kita ambil keutamaan, ini satu tidak memberi penghormatan kepada Duli Yang Maha Mulia Sembah Patik menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia kerana telah mencemar Duli turun bersama untuk mengadakan Majlis Santapan ini tetapi wakil rakyat daripada Barisan Nasional pembangkang ini macam manalah *laillahallah*. Satu tidak tahu. Sungai Pelek sudah masuk. *Okay, okay.*

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Y.B. Sekinchan saya fakir macam inilah ada hak masing-masing untuk memilih ke satu program atau aktiviti yang dihidangkan tetapi apa yang saya nampak daripada mulanya sampai Sekinchan termasuklah Majlis Santapan macam pusing satu dewan itu semata-mata hendak mencari kesalahan atau siapa yang datang dan siapa yang tak datang. Buat *report* di dalam Dewan yang mulia ini. Tujuan itu hanya untuk merosakkan rakan-rakan saya di sebelah sini. Tadi sebut juga Permatang untuk datang untuk Jawatankuasa SELCAT elok *okay*, pernah sekali *okay* Sekinchan dalam dewan ini mempertikaikan Barisan Nasional wakilnya tidak masuk dalam ahli jawatankuasa tidak hadir termasuk Sungai Pelek dipertikaikan walaupun hadir. Jadi saya tidak tahulah ini kerja tugas ADUN Sekinchan ini apa ini pusing sana pusing sini hanya untuk mencari kesalahan orang lain ke janganlah bagilah peluang. Mungkin orang itu tidak datang ada sebab-sebab tertentu tanyalah. Itu bukan satu kelakuan rasa saya yang baiklah. Kita semua hormati sultan kita bukan kita tidak tepat, macam saya hadir sebab saya sudah jawab hadir, hadir itu mungkin jawab tidak hadir betul tak Sekinchan jangan asyik menunjukkan orang ini silap, orang ini salah, salah satu jari yang tunjuk itu empat lagi jari yang balik diri sendiri.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya beri dia lawan bukan untuk dia berceramah. Yang berbahas saya bukannya dia. Hendak berbahas nantinya terima kasih. Soal Permatang masuk ke SELCAT saya sudah memuji dah Permatang dia layak untuk diangkat sebagai Ketua Pembangkang kerana dia berperanan dengan baik ini yang kita hendak. Selaras dengan Titah Duli Yang Maha Mulia di mana kita boleh berlainan ideologi politik tetapi kita adalah bersama. Ini penting dalam Dewan untuk memperkasakan fungsi dewan ini. Seterusnya saya dalam soal ini yang tidak hadir ada baki tujuh beradik tidak hadir kenapa sepatutnya kita taruk *priority number one* lagi pun kalau ada masalah orang kahwin, ada ceramah di sini sana itu hari itu saya ada tiga undangan ceramah dan *function* saya tolak semua sebab apa saya memikirkan kita sebagai tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Negeri yang dipilih oleh rakyat amanahnya, tanggungjawabnya dan Majlis Santapan yang begitu penting, begitu rasmi, baru kita kena dating yang lain kena tolak kalau nak pusing keliling dok ceramah akidah itu esok boleh ceramah, ini yang penting dan saya yang nak sebut dalam konteks ini siapa ini. Gombak Setia ini, Pasal akidah ini hari itu pun saya tengok pun dia tidak dating yang lain tidak dating biasalah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh minta penjelasan.ok

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat sebut tentang Gombak Setia saya ingin bertanya ada tak semalam Yang Berhormat ada dengar tentang apa-apa perkataan tentang apa-apa hujah atau kenyataan atau pun perkataan berkenaan masalah di Gombak Setia ataupun ADUNnya semalam.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Kampung Tunku rakan seperjuangan saya memang semalam daripada ucapan, perbahasan yang panjang lebar dia

mengucapkan kononnya dia seorang yang paling maksum itu satu. Dalam Dewan ini orang lain yang Islam termasuk yang bukan Islam langsung tidak ada maksum dia yang paling wajib maksumnya itu satu. Dia menceritakan 50 tahun yang akan datang, 100 tahun yang akan datang, ini sifat *home planner* 4 tahun *planner*, 50 tahun akan datang, 100 tahun akan datang tetapi ceritanya soal peribadi tetapi masalah di kawasan Gombak setitik pun seluruhnya, satu pun perkataan seluruhnya tidak dibangkitkan teman-teman. Tuan Speaker saya amat kesal apakah tiada masalah di Gombak Setia. Ini jawapan respons kepada Kampung Tunku dan saya memikirkan apa yang Gombak Setia, asal akidah jatinya, beras kampfis saya nak tahu orang yang memperjuangkan Islam, Melayunya, rajanya dalam konteks dan menyerang Pakatan Rakyat, rajanya memperkasakan, mempertahankan raja, saya sokong 100% tiada masalah. Sebab apa dalam buku jingga Pakatan Rakyat yang dipersetujui oleh PKR, PAS dan DAP oleh kesemua presiden dan pengerusi kita, Kita sepakat dan kita sains, kita tandatangan dan kita menjunjung semangat perlembagaan tidak sekali pun tidak berganjak untuk mengusir dan sebagainya. Kita menjunjung kita sains dalam apa buku jingga kita dah tulis semua dah faham. Jadi memperjuangkan raja ini semua setuju tiada masalah tetapi Gombak ini dia heboh memperjuangkan raja tetapi persoalannya kenapa Santapan Majlis yang begitu mulia, yang begitu pentingnya, yang memperjuangkan rajanya tidak datang, Tak datang, maknanya orang ini cakap tak konsisten, terpesong akidah sendiri. Perjuangan raja maksud saya, cakap tidak serupa bikin, ini satu yang keduanya saya nak tanya tentang Gombak Akidah ini dalam ucapan hampir setengah jam lebih daripada setengah jam saya tunggu apa perancangan masa depan 50 tahun, 100 tahun yang akan datang. Tetapi yang saya dengar kenapa saya dipecat, kenapa saya tidak terlibat dalam apa yang saya dengar masalah rumah tangga, peribadi, *too personal* dengan izin, terlalu personal tidak ada 50 tahun akan datang bagaimana tidak ada. Selangor bagaimana 50 tahun akan datang, tidak ada inilah perjuangan JATI, yang tidak sejati langsung.

Seterusnya saya nampak apa yang dia dihujah-hujah yang dia dikeluarkan kononnya ada unsur-unsur, dengar cakap sana cakap sini kononnya ada dengar sini sana, ada puak-puak yang kononnya Pakatan Rakyat dan sebagainya cuba untuk menghapuskan atau mengurangkan kuasa raja-raja. Nak jadikan Malaysia sebagai satu republik ini Gombak Setia yang cakap, kemudiannya Artikel 153 kuasa orang Melayu, ini Pakatan Rakyat macam-macam tetapi apa yang dia tuduh sendiri pusing seluruh Malaysia seluruhnya dia pusing jawapannya dia bagi sendiri. Saya tidak bagi jawapan pun. Sekinchan tak bagi jawapan. Ahli-ahli Dewan yang saya kasihi Puan Speaker, dia bagi jawapan sendiri. Dia kata, walaupun ada usaha-usaha sedemikian tetapi kalau dapat 2/3 majoriti pun mesti dapat tandatangan dari Majlis Raja-raja baru boleh buat. Tahu pun dia, jawapan dia bagi sendiri. Gombak Setia bagi sendiri. Tuduh sini, tuduh sana. Mana benda yang tak berlaku. Ini orang yang hidup bukan dalam realiti, dia hidup dalam ilusi. Ini orang sakit mental. Sakit mental..... Okay, Batu Caves, saya bagi.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Sekinchan.

TUAN SPEAKER: Ya, Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Khusyuk sampai tak ingat. Terima kasih Sekinchan. Saya tertarik semalam saya bangun tetapi dia tak bagi laluan tapi dalam isu ini bila dibangkitkan saya kira Gombak Setia lupa bahawa pada bulan November atau September 2009, Pakatan Rakyat tiga 3 pemimpin utamanya telah menandatangani satu janji setia bahawa Pakatan Rakyat akan menjunjung Perlembagaan di samping mengekalkan 3 elemen dan sendi penting negara iaitu yang pertama mengekalkan Raja Berperlembagaan, yang kedua Islam sebagai agama rasmi dan yang ketiganya bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Barisan Nasional pun tak pernah buat janji setia ini tetapi pemimpin-pemimpin pakatan menandatangani ketiga-tiga pemimpin utamanya tetapi mengapa Gombak Setia mengambil cerita penulis-penulis yang tak disebutkan siapa pun namanya. Jadi apa pandangan Sekinchan?. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih daripada Batu Caves. Terima kasih atas peringatan tersebut. Itulah inti pati yang ingin saya bangkitkan di sini. Orang ini ada sindrom, Yang Berhormat yang tak sejati ini ada sindrom penyakit awal penyakit mental. Yang perlu dirawat bukan dengan bomoh, dengan sensehnya, dengan pawang-pawangnya kena rawat, kalau tidak jawapan dia beri, tuduhan dia beri dia bagi sendiri. Benda yang tak akan berlaku. Tetapi dia tuduh pusing seluruh Malaysia. Inilah orang yang cakap tak serupa bikin. Tidak konsisten.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Boleh mencelah sikit Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Okay Permatang. Permatang sekarang memang dalam *track* bersama pakatan. *Insyallah* saya bagi.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih, Sekinchan. Tak masuk pakatan tapi orang pakatan keluar ke mari. Dah ada dah. Dua. Bukti dah ada dua dah. Sini ke sana belum lagi. Saya nak tanya Sekinchan, semalam saya tanya soalan yang sama juga kepada Gombak Setia waktu dia cakap saya bagi dia tahniah JATI dapat tubuh walaupun baru tiga bulan tapi ni dah empat tahun sebut Pakatan Rakyat, Pakatan Rakyat, Pakatan Rakyat, Pakatan Rakyat, mana tanda Pakatan Rakyat ni? Mana lambangnya, mana logonya, mana perlembagaannya. Walaupun Buku Jingga ini telah ditandatangani dan dipersetujui tapi saya nak cabar tunjukkan kalau betul-betul ada buat permohonan kita ADUN-ADUN Barisan Nasional boleh sokong minta menteri yang bertanggungjawab luluskan Pakatan Rakyat tu. Buktikan, jangan sebut Pakatan Rakyat sebenarnya minta maaf saya sebut ini bukan Pakatan Rakyat, ini pakatan suka-suka sahaja. Bukan kerana apa, *it's very loose* punya pakatan, tak ada apa pun sebenarnya. Sebut Pakatan Rakyat dan kerajaan yang dibentuk pun kerajaan yang sama sahaja bukan pakatan yang sebenar-benarnya. Saya nak tanya kepada Sekinchan mana dia buktinya penubuhan Pakatan Rakyat itu sendiri. Ada agendanya, ada perlembagaannya, ada apa juga sebagaimana Barisan Nasional buat. Kenapa tak boleh buat sampai hari ini. Saya nak tanya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih kepada rakan dari Permatang. Bakal Ketua Pembangkang kita. Saya tertarik dengan hujah tadi mengatakan sepatutnya Pakatan Rakyat ada permohonan, didaftarkan seperti JATI, hari ini daftar esok boleh

dapat dan sebagainya. Memang kalau Permatang ada membuat *homework* yang teliti Pakatan Rakyat sebenarnya sudah melalui sekretariatnya, Setiausaha Agung daripada keadilan saudara Dato' Saifuddin telah masuk permohonan kepada pendaftar pertubuhan untuk memohon pendaftaran Pakatan Rakyat tetapi malangnya sehingga hari ini permohonan tersebut tak lulus. Tak dipertimbangkan. Tak lulus. Kenapa? Saya tak tahu.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bagi bukti Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bukti ada. Saya akan bagi. *Insyah-Allah. Insyah-Allah.* Kita akan bagi.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Bagi bukti. Kalau betul nak tubuh nanti kita minta menteri luluskan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak apa, kita bagi. Baru-baru ini dalam satu forum di Kota Baharu, satu forum wacana tentang pilihan raya yang adil satu realiti atau satu ilusi mantan Pengerusi SPR iaitu Tan Sri Abdul Rashid yang dulunya tak berani nak bersuara tapi sekarang lepas bersara beliau lantang bersuara dan saya cukup sanjung. Beliau mengatakan sepatutnya pendaftaran parti-parti politik ini pakatan ke, parti ABC ke, parti JATI ke yang tak sejati ke, seharusnya di bawah bidang kuasa SPR bukan pendaftar pertubuhan. Kerana SPR menggalakkan lebih banyak parti lebih baik. Beliau mengatakan kalau boleh parti-parti ini dibagi, dibagi apa fulus, diberi sumbangan kewangan supaya mereka boleh hidup, boleh berlawan bukan satu parti sahaja yang memerintah, dulu, kini, buat sementara waktu sahaja. Ini kenyataan daripada Pengerusi SPR itulah jawapan buat bakal Ketua Pembangkang kepada saudara Permatang.

Seterusnya saya mengatakan tadi tentang apa yang diperjuangkan oleh Gombak Setia tentang IMRnya, macam-macam lagi la. Pusing seluruh Malaysiannya kononnya macam-macam tapi saya nampak tuan-tuan, baru-baru ini saya dapat satu maklumat ini memang betul sebab berkaitan dengan beras ini saya tahu sangat. Soal petani soal beras. Baru-baru ini dalam dua tiga bulan ini saya didapati dimaklumkan jualan untuk beras jati jenama beras Jati meleset teruk seluruh Malaysia. Seluruh Malaysia Jati meleset teruk. Saya tanya pegawai dia, pegawai dia pun tak tau kenapa meleset teruk. Dan saya fikir-fikir malam tadi saya mimpi ini ada kaitan rakyat marah dengan satu pertubuhan yang guna nama sama Jati, Jati celup. Dan akhirnya dalam dua tiga bulan ni jualan beras Jati jatuh sebab beras jati kalau dari Sekinchan pun kandungan hancur pun biasa kalau kita beli beras kempit satu 10kg, 5kg kandungan hancurnya 15% sahaja paling tinggi. Itu beras yang orang kampung makan la yang tak berapa ada duit. Kandungan hancur bukan 5%, dia 15% lebih murah ada subsidi sikit dari kerajaan. Tapi beras jati yang Gombak Setia ini beras kempit ini 100% kandungan hancur. 100% kandungan hancur. Maka orang tak beli. Orang tak layan dah. Okay, Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan

psikologi dan juga mental tanda-tanda diserang sakit mental jadi soalan saya apakah ini kesan daripada pertama kehilangan jawatan, yang kedua mungkin kerana tak dapat jawatan yang lagi besar. Jadi boleh ke Yang Berhormat jelaskan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Hampir lupa pula. Cantik. Terima kasih kepada Sri Muda yang makin muda ni. Ya memang ini antara luahan-luahan, rintihan-rintihan, keluhan-keluhan orang yang kecewa tak dapat jawatan tinggi. Menteri Besarnya tak dapat, melalui konsep negara, kerajaan perpaduan tak dapat, gagal. Bercita-cita jadi menteri besar tak dapat, yang EXCO yang dipegangnya terlepas. Tambah pula dengan pesuruhjaya pun terlepas. Maknanya sindrom-sindrom bayangan diri sendiri ini semakin menghantui siang malam, akhirnya ada sindrom-sindrom sakit mental. Tapi tak apa la kita nasihatkan dia ambil doktor yang lebih....

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Mencelah lagi Yang Berhormat. Jadi semalam ada juga Gombak Setia menyebutkan yang Meru diserang penyakit meroyan sebenarnya meroyan tu sesuai tak ditujukan kepada Gombak Setia. Silakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Sri Muda. Saya setuju 100%. Bukan 100% tapi 101% itu ditujukan kepada Gombak Setia. Itu paling betul. Itu memang ciri-ciri dia. Ada orang sakit mental orang yang cakap meroyan dan sebagainya. Apa yang saya nampak sekarang soal perjuangkan isu murtad saya nak tegaskan dalam Dewan yang mulia ini saya sebagai bukan Islam. Wah, Sungai Pelek, *yes, what can i help you?*

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Sekinchan. Cuma saya tak tahu macam mana Sekinchan terasa sangat sakit mental tak dapat jawatan tu memang sakit psikologi semuanya sakit. Jadi terfikir saya apabila Pakatan Rakyat ini menang di negeri Selangor sepatutnya Sekinchan sebagai orang yang lama yang senior di dalam Pakatan Rakyat itu sekurang-kurangnya jawatan EXCO itu adalah. Kalau tak ada EXCO eksekutif tu. Tapi tak ada. Jadi apabila Sekinchan sebut tu Gombak Setia kerana kehilangan jawatan tu ada sakit mental, sakit psikologi tu saya ingat Sekinchan ada tak? Buat masa tu tak dapat penubuhan kerajaan MMK ni terasa sangat ke?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Sungai Pelek. Perbezaan perumpamaan contoh perbandingan oleh Sungai Pelek ini meleset dia pelik sikit sebab macam saya perjuangkan demi hak rakyat, jawatan itu kita tak kisah sangat. Dalam perjuangan DAP ini perjuangannya apa, boleh mari dan boleh pergi. Tapi yang penting perjuangan untuk membela hak rakyat inilah yang kita utamakan. Soal jawatan *no problem*. Tetapi soal Gombak Setia ini dia sekarang dulu dapat jawatan tinggi mengia-iakan jawatan tapi tak dapat. Meroyan seluruh Malaysia. Sekinchan tak buat macam tu. Perbandingan tu jauh meleset Sungai Pelek. Tapi tak apa lah itu respons untuk Sungai Pelek.

Yang tadi saya katakan isu murtad ini, saya sebagai bukan Islam dalam dewan yang mulia ini dari Sekinchan ini saya nak bagi tahulah Puan Speaker, soal murtad ini saya konsisten, saya dan rakan-rakan dalam Pakatan Rakyat kita barang siapa yang ada

dan cuba-cuba nak murtadkan orang Islam ini saya lawan dan kita tidak kompromi tentang soal ini. Tak boleh ini salah kita tidak boleh nak murtadkan sapa-sapa pun. Tak boleh. Saya setuju dengan Gombak Setia yang kononnya perjuangankan isu murtad ini. Tetapi saya nampak apa yang disebutkan oleh Gombak Setia akidah ini dah berbulan-bulan kononnya ada ribu-ribu di negeri Selangor ini yang murtad dan sebagainya tetapi angka perangkaan semalam daripada EXCO agama kita Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita hanya 100 lebih kes yang timbul beberapa tahun ini. Itu satu dan yang diheret ke Mahkamah Syariah khusus untuk orang Islam ni hanya empat atau berapa kes yang saya nampak semalam jawapannya. Hah ini dia tapi telah digembar-gemburkan, menakut-nakutkan itu Gombak Setia kerjanya. Dan konon-kononnya ada video, video, video hari itu dua minggu nak keluar ni saya tak tau la berapa minggu lagi nak keluar. Saya pun nak tengok apa ceritanya. Kisah benarnya. Hah ini dia perjuangan. Ini orang yang cakap tak konsisten. Soal isu murtad ini. Jadi yang seterusnya orang pusing seluruh Malaysia bagi syarahan memperjuangkan akidah dan sebagainya tak apa tapi masalahnya apa yang saya nampak dalam ceramah-ceramah dan sebagainya beliau hanya menghentam Pakatan Rakyat, hentam PAS, hentam Pakatan Rakyat, akidah ini soal murtad ini Malaysia dah 54 tahun Merdeka, 54 tahun Merdeka, Pakatan Rakyat baru 4 tahun memerintah, kalau ada masalah murtad pun empat tahun sahaja. Yang 50 tahun kenapa Gombak Setia yang akidah tak sejati ini kenapa tak persoalkan Barisan Nasional? tak persoalkan UMNO kenapa?. Tak cakap pun sekali. Ini tidak lain dan tidak bukan Puan Speaker orang ini adalah budak-budak suruhan UMNO sahaja. Itu sahaja. Suatu hari nanti saya tidak hairan kalau dia dilantik sebagai Senator. Ganjarannya dan sebagainya. Saya hairanlah sekiranya adalah. Ya, Jeram, Jeram, Jeram.

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Terima kasih, Sekinchan. Dakwaan Sekinchan seolah-olah Gombak Setia sebagai budak suruhan UMNO dan sebagai boneka UMNO dengan ceramah dan sebagainya tapi kalau Sekinchan maklum tentang perkara ini Sekinchan pun tidak jauh dari Kuala Selangor semua ceramah-ceramah yang dibuat oleh Gombak Setia atas platform NGO tapi tau tak Sekinchan berlaku di Bukit Belimbing dalam DUN Permatang ranting PAS sendiri yang anjurkan program berkenaan bagi membolehkan Gombak Setia berceramah dan bercerita tentang Pakatan Rakyat. Tau tidak perkara ini. Ranting PAS sendiri menganjurkan. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih kepada rakan daripada jawa daripada Jeram ini. Setahu saya dalam institusi PAS ini dalam perlembagaan ini kita tak ada ranting. Ranting tak ada. Cawangan ada. Syura ada. Syura ulama ada. Ranting tak ada. Maknanya kalau ada cerita ranting ini cakap dah tak betul dah. Tak betul. Tak betul. So, saya tak layanlah dia.

Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: Ranting ke cabang ke samalah tu...samalah tu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: So, saya tak layanlah, saya tak layanlah, so jadi saya tak layanlah ayat itu tak betul. Jadi kalau dalam mahkamah ini teknikal ini kita tolak, kita tolak maka saya tolaklah pagi ini saya jadi hakim sementara.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Sekinchan, saya nak celah sikit, nak celah sikit. Saya nak betulkan apa yang Jeram sebutkan tadi...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dah cukup, cukup. Saya nak terus. Tak perlu, tak perlu...bukan bukan sebab Jeram orang dah 2 penggal. Orang 2 penggal dia punya kemampuan dia tak tahu, menyatakan isu tak perlu bantuan daripada orang baru, Permatang tak perlu tak perlu. Saya rasa cukuplah, cukuplah...

Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: Janganlah jadi isu, hadapi kenyataanlah.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Ini kenyataan, saya nak bagi polis, sikit saja.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Cukup Permatang, sebentar nanti saya bagilah. Saya ada lagi inti pati yang saya nak sabar ya, sabar ya, sabar itu sebahagian daripada iman. (Dewan tergelak) Hah, sabar. Saya nak teruskan jadi saya apa yang saya sebut tentang orang seperti ini saya rasa ia tak nak panjang sangatlah apa yang disarankan oleh Gombak Setia hanya bersifat sementara waktulah. Ya, saya bagi satu pantunlah bagi satu pantun :

Ke hulur ke hilir di bayar upah,
Cakap merapu berbagai fitnah,
Hasan akidah menipu ummah,
Seluruh negara menabur fitnah.

Dan kemudiannya kalau boleh saya bagi satu jawalah, yang satu jawa *sinjowo* lagi baiklah dengan izin, dengan izinlah, dengan izin Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kena terjemahkan ya. Yang Berhormat kalau cakap jawa kena terjemahkan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: *Okay, okay.* Petani berjaya *nandoro kedadi*, petani berjaya tanam keladilah ya, (bahasa jawa) keladinya habis dimakan oleh babi-babi hutanlah, Pesuruhjaya pun dah terlepas, dah terlepas tak dapatlah, memang kempunan nak jadi MB, memang berangan nak jadi MB. Hah itulah antara *pariyan* jawa yang saya sampaikan ya untuk yang akidah ke tak akidahlah dan seterusnya, Puan Speaker saya nak teruskan dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Puan Speaker, saya cukup bangga dengan matlamat dan pencapaian kerajaan negeri Pakatan Rakyat yang mengamalkan konsep, konsep ketulusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban serta membawa agenda merakyatkan ekonomi negeri iaitu hasil masuk untuk diagihkan kepada rakyat dengan adil dan saksama tanpa mengira kaum dan agama mahu pun

jantina. Justeru itu rakyat negeri Selangor kini hidup dalam suasana aman, harmoni dan bahagia bersama Pakatan Rakyat. Ia selaras dengan slogan Selangor Negeri Idaman, Sejahtera, Maju dan Berkeadilan. Sementara itu dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia, Tuanku juga menekan agar kerajaan negeri perlu memastikan sebarang pembangunan dan pelaburan serta perniagaan jangan hanya mengutamakan keuntungan semata-mata walau pun keuntungan itu adalah matlamat utama sesuatu perniagaan dan pelaburan namun ia harus mengambil kira kepentingan alam sekitar supaya, supaya tidak memudaratkan kehidupan dan kesihatan rakyat pada masa akan datang.

Jikalau timbul keadaan sedemikian kerajaan harus bertindak sebagai benteng pelindung rakyat melalui penggubalan undang-undang dan kuatkuasakan peraturan demi pertahankan hak rakyat. Oleh itu kita harus mengambil iktibar, mengambil iktibar dan pengajaran tentang bagaimana kerajaan negeri Pahang yang bukan saja terkenal dengan kelemahan pengurusan kewangan mereka yang lemah tetapi lebih parah lagi apabila mereka membawa masuk pelaburan yang berbentuk pencemaran dan membahayakan dan sekali gus memudaratkan kesihatan rakyat. Kerajaan negeri Pahang bukan membawa madu kepada rakyat tetapi sebaliknya membawa racun kepada rakyat dengan membina kilang, memproses dari bumi iaitu *Lynas riverbank*, Kuantan. Dalam konteks ini saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat yang prihatin dan simpati dengan nasib rakyat di negeri Pahang ayuh kita sama-sama bangkit termasuk daripada pihak pembangkang pun nyatakan *solidarity* kepada rakyat Pahang untuk kita sama-sama berjuang tolak kilang *diagnose* demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat Pahang khususnya dan rakyat Malaysia amnya. Soal racun ini dia tidak kenal siapa dia, soal racun ini pencemaran ini dia macam penyakit denggi, dia tidak kira siapa orang pakatan pun dia gigit, racun orang pakatan pun terkena, orang UMNO pun terkena yang pembangkang ini pun terkena, semua terkena jadi soal ini kita kena ada kesepakatan ada muafakat bersama kita bangkit ayuh, tolak *Lynas* di Pahang, *Insyallah* kita perjuangkan.

Puan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan yang ada ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Khalid Ibrahim selaku Menteri Besar, Pakatan Rakyat di Selangor bersama barisan EXCO dan seluruh jentera pentadbiran negeri kerana telah berjaya menempuh cabaran getir, rintangan, halangan dan ujian demi ujian sepanjang empat tahun dalam tempoh pentadbiran di bawah kerajaan rakyat oleh Pakatan Rakyat. Kita akui bukan mudah untuk melangkah ke hadapan kerana asakan dan serangan media perdana bertubi-tubi tanpa berhenti siang dan malam hatta subuh sekali namun berkat doa dan dukungan daripada seluruhnya rakyat jelata semuanya telah berjaya kita tempuhi dan lalui. Segala usaha gigih kerajaan negeri untuk terus menjana pembangunan negeri Selangor semakin diterima oleh rakyat jelata kerana dewasa ini rakyat semakin yakin faham terhadap kemampuan dan keupayaan kerajaan Pakatan Rakyat khususnya dalam konteks mengurus tadbir kewangan negeri dengan berhemah dan berkesan, buktinya jumlah *reserved* kerajaan negeri mutakhir hari ini semakin bertambah sehingga mencecah paras RM1,900 juta jika dibandingkan dengan timbunan *reserved* yang ditinggalkan sekitar RM800 juta ketika zaman pentadbiran kerajaan Barisan

Nasional. Satu perkara yang penting ingin saya tekankan di dalam dewan yang mulia ini ialah *reserved* kerajaan negeri semakin bertambah tetapi bantuan kepada rakyat dalam tempoh empat tahun ini tidak berkurangan malah semakin meningkat sejumlah RM600 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan program agenda Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor seperti pemberian air percuma 20 meter padu kepada seluruh rakyat Malaysia termasuk Gombak Setia dan Skim Mesra Usia Emas (SMUE) kepada warga emas, Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), kepada anak-anak baru dilahirkan di Negeri Selangor tidak kira warna kulit mereka, Melayunya, Cinanya, Indianya semuanya orang asalnya kita bagi dan hadiah anak masuk Universiti khususnya anak-anak kita yang berjaya masuk ke IPTA dan IPTS tanpa mengenakan sebarang kuota, kuota tak ada. Sistem kuota seperti yang rajinnya dipraktikkan oleh Barisan Nasional tak ada dalam konteks ini, kejayaan Pakatan Rakyat.

Puan Speaker, saya cukup bangga dengan pencapaian dan kejayaan pentadbiran negeri Pakatan Rakyat walau pun dalam tempoh singkat, singkatnya 4 tahun saja tetapi pencapaian tidak kurang hebat dengan mereka kononnya pandai dan berpengalaman memerintah lebih setengah abad mana mungkin Pakatan Rakyat yang terdiri daripada PKR, DAP dan PAS mampu melakukan kesemua program kebajikan rakyat tanpa meminta, meminta sedekah atau bantuan kepada kerajaan pusat. Itulah persoalan yang sering diungkitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, pihak pembangkang mencurigai atau meragui kemampuan kerajaan negeri namun hakikatnya kita telah lakukan dan tunjukkan kepada rakyat negeri Selangor yang berbilang kaum, bangsa dan agama bahawa Pakatan Rakyat memang punya kekuatan, kemampuan untuk mengurus tadbir sebuah negeri bukan saja Selangor hatta Malaysia sekali pun bisa kita lakukan, *Insyaa-Allah*.

Puan Speaker, di samping itu satu lagi bukti tentang kemampuan dan kecekapan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ialah berdasarkan laporan Ketua Audit Negara terhadap prestasi kewangan, pengurusan kewangan negeri Selangor sejak empat tahun yang lalu yang memberi pengiktirafan, pengiktirafan kepada negeri Selangor dengan tahap empat bintang dan lima bintang. Hah, inilah laporan audit daripada Ketua Audit Negara ini satu badan yang profesional yang tidak cenderung ke mana-mana hah ini satu laporan yang tidak dapat disanggah sah, hah ini yang dia beri pengiktirafan kepada negeri Selangor. Sementara itu menurut kajian dan *survey* bancian yang dijalankan oleh *Merdeka Centre* baru-baru ini lebih daripada 60% rakyat Selangor yakin dengan hala tuju dan masa depan negeri Selangor, maknanya negeri Selangor kini berada di landasan yang betul maka segala gerak kerja dan pembaharuan serta reformasi yang dilakukan oleh kerajaan negeri semakin diterima serta didukung oleh rakyat jelata. Pada masa yang sama kutipan hasil kerajaan negeri yang semakin bertambah dari tahun ke setahun juga amat penting dalam menyumbangkan perbelanjaan negeri yang semakin bertambah pada tahun 2012 ini. Anggaran kutipan hasil kita adalah sekitar 2012 ini sekitar RM1,600 juta manakala belanja mengurus pembangunan juga adalah seimbang iaitu RM1,600 juta akan tetapi pada tahun ini atas usaha dan kecekapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang berjaya menyusun semula anak-anak syarikat serta yang paling pentingnya berjaya mengutip hutang-hutang yang sebelum ini dihilangkan atau dilesapkan entah ke

mana pada zaman Barisan Nasional umpamanya hutang daripada Talam Corporation sebanyak RM392 juta yang berjaya kita kutip sama ada dalam bentuk wang tunai dan tanah, saham dan sebagainya. Susulan daripada itu pada tahun ini tambahan belanja reformasi sebanyak RM300 juta akan disalurkan melalui geran Selangorku hasil negeri untuk rakyat yang sudah mula dibelanjakan pada awal Mac ini, saya yakin dan percaya dengan tambahan belanjawan reformasi ini pasti dapat merangsangkan dan memperkasakan kegiatan dan pertumbuhan ekonomi negeri Selangor. Puan Speaker, walau bagaimana pun, secara ikhlas dan tidak dinafikan pengurusan dan pentadbiran kerajaan negeri masih terdapat sedikit sebanyak kelemahan yang perlu diberi perhatian khususnya serta mencari kaedah pendekatan penyelesaian demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat negeri Selangor. Kebelakangan ini masalah kutipan sampah dan kebersihan sering menjadi tajuk utama aduan daripada rakyat negeri Selangor tidak kira mana dan penjurur mereka berada, kita sedia maklum untuk mengendalikan kerja-kerja pembersihan dan kutipan sampah bukan perkara enteng yang gampang dan hanya dengan omong-omong kosong saja. Tanpa tindakan dan susulan dibereskan, oleh itu satu tindakan pro aktif drastik perlu dirangka bagi menyelesaikan masalah longgokan-longgokan sampah yang kadang-kadang sehingga lebih seminggu tidak dikutip kita tidak boleh salahkan kepada penduduk dan mereka naik angin dengan Pihak Berkuasa Tempatan kerana mereka adalah pembayar cukai yang berhak menerima perkhidmatan yang disediakan oleh PBT. Sesungguhnya rakyat tidak mahu dengar kenapa Syarikat Alam Flora menarik diri dari terus bekerjasama dengan kerajaan negeri dan juga alasan yang lain seperti syarikat yang dianugerahkan kerja-kerja kutipan tidak mempunyai peralatan seperti *compactor* yang mencukupi dan sebagainya. Yang rakyat minta yang rakyat harapkan ialah pembersihan dapat dijalankan secara pantas seperti biasa dan seterusnya kebersihan di sekitar kawasan mereka duduki itu dapat dijaga dengan baik, dengan itu rakyat akan berpuas hati dan memberi sokongan kepada kerajaan negeri. Itulah antara permintaan yang mudah daripada rakyat. Oleh yang demikian saya menyeru Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersama EXCO PBT nya agar dapat memberi perhatian serius terhadap masalah kutipan sampah. Saya mengesyorkan, mengesyorkan agar ditubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak Khas, ya Jawatankuasa Bertindak Khas terhadap penyelesaian masalah sampah secara pantas dan holistik yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri, EXCO atau pun ADUN-ADUN yang di kawasan yang terlibat. Juga pada pegawai yang Dipertua Majlis, Dato' Bandar dan seterusnya dengan kaedah sedemikian saya yakin pasti ada jalan penyelesaian kerana saya difahamkan ada rungutan-rungutan, rintihan-rintihan daripada Pihak Berkuasa Tempatan di mana kita menggunakan sistem antara punca masalah sampah masih belum dapat diselesaikan secara holistik adalah disebabkan kita menggunakan sistem tender *open* tender yang telus dan sistem *the lowest* yang paling rendah sekali kita ambil. Oleh yang demikian ada terdapat ruang-ruang yang dapat dieksploitasikan ruang-ruang yang dapat diambil, ambil peluang oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Mereka cuba sabotaj, kita masuk tender dengan harga yang rendah walhal mereka tidak mahu kerja tersebut. Walhal mereka tidak mahu kerja tersebut. Mereka hanya masuk kacau daun, ganggu saja kacau daun, daunnya dikacau saja tapi kerja tak boleh akhirnya kita menggunakan sistem telus dan Dato' Bandar kita ke, Yang Dipertua Majlis kita mereka mengikut dan mereka ikut arahan daripada kerajaan negeri dan bagi *lowest* tender akhirnya orang yang

diamanahkan kerja tersebut dilantik “bercakap dalam bahasa jawa” dengan izin tak boleh kerja *compactomya* didapati tak ada pinjam dengan kawan, sewa dan tak mampu menjalankan kerja, maka dengan itu berlakulah perkara-perkara tertentu yang tidak dikutip.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Minta laluan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Hah, Yang Berhormat Paya Jaras saya beri laluan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat sebentar, sebentar sebab jam di Dewan sudah menunjukkan pukul 1.01 minit ya, jadi Ah-Ahli Yang Berhormat sekalian kita tangguhkan dulu dewan ini sehingga kita berjumpa semula pada 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Dewan di sambung semula silakan Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Puan Speaker, saya ingin meneruskan cadangan saya mengesyorkan Kerajaan agar dapat menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak Khas, dalam menyelesaikan khusus masalah sampah yang kebelakangan ini tergepulkan ini, telah tidak dikutip sejak beberapa kawasan dikenal pasti mengalami masalah telah diselesaikan dengan cara holistik kerana apa yang saya dapati seperti apa yang saya sebutkan tadi saya tekankan tentang *low, the lowest* tender yang kita ambil pendekatan yang kita ambil di mana di setiap PBT kita mengarahkan YDP nya, Datuk Bandar nya, supaya adakan tender terbuka demi ketulusan, ini yang memang prinsip kerajaan Pakatan Rakyat telus supaya tender – tender itu dapat diagih dengan adil dan saksama tapi pada masa yang sama timbul pula masalah ada pihak-pihak tertentu, pihak-pihak tertentu yang menanggung di air yang keroh mereka cuba mensensasikan, cuba mengambil peluang untuk membuat kerja-kerja sabotaj, supaya agar kerajaan negeri di lihat PBT nya khususnya dilihat gagal menangani masalah sampah supaya rakyat marah kepada kita, itu antara perancangan pihak-pihak tertentu yang mereka dah sekarang ini memang dah angan-angan sangat dah cuba untuk nak rampas kerajaan negeri Selangor kerana.....

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Puan Speaker, minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya Taman Templer.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Ya, ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Okay dengan *tie* nya sila

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Ya, YB saya nak tanya dengan Yang Berhormat Sekinchan, saya bersimpati dengan Yang Berhormat Sekinchan ni sepatutnya duduk di sebelah sana, di EXCO dah betul walaupun saya ni Barisan, pula pembangkang tapi saya nampak ini seorang YB yang betul-betul berkhidmat untuk rakyat lah, syabas la pasal tu dia duduk lama kat dewan ni, ya tapi saya nak tanya YB bercakap dengan siapa ya, sorang EXCO pun tak ada dekat 2.30 dah kosong jer tapi saya simpati la mungkin ada orang ambil *note* kot, ya minta maaf. Sepatutnya YB duduk situ YB *punctual*.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih , teman saya ya, daripada Taman Templer yang memang kerja kuat la, saya cakap tahniah dan syabas la, kerja kuat telah memberitahu saya tentang EXCO-EXCO nya kita yang tak masuk ini, saya nak bagi tahu kawan-kawan, teman-teman seluruhnya di luar dewan ini sila masuk ke dalam dewan sebab Sekinchan tengah berbahas orang tak ada mana boleh, ini saya nak beritahu setuju tidak, arahan ini seluruhnya termasuk Menteri Besar nya kalau ada lah, kalau tidak EXCO-EXCONya sila masuk kalau tak masuk ini macam mana ini ha, ini tidak menunjukkan satu contoh yang baik walaupun daripada kerajaan pun kita tegur setuju Templer, bagi la ketuk sikit kalau setuju, itu lah cara kita berbahas di dalam dewan walaupun berlainan pandangan politik dengan Templer tapi kita dalam isu ini

kita tidak *compromise* tapi teman-teman daripada Barisan Nasional agak hambar juga, juga ya, ini kita kena tegur juga mana kawan-kawan juga daripada, mana Morib, Morib yang mana cuba kira, kita pun ramai, ramai juga dua kali lima, saya tegur sini, sini pun tegur, dua kali lima, lima kali dua, ada mereka-mereka dekat luar belum masuk, ini macam mana pula la, yang jadi masalah walau bagaimanapun sebelum saya teruskan saya nak bagi tahu, saya nak bagi tahu saya nak cabar teman-teman dari Barisan Nasional, apabila sudah berbahas ambil peluang untuk berbahas, titah ucapan DYMM Tuanku usulnya bahas ya, tunggu jangan balik, jangan balik tunggu sampai pihak kerajaan bagi gulung, bagi jawapan esoknya lusanya kena datang jangan lepas cakap balik, terus tak datang, macam akidahnya tak datang, jati yang tak sejati, Seri Serdangnya yang tak berseri-seri langsung, Kuang nya tadi katanya nak pergi kencing, tak kan kencing sampai 3 jam, pelik la tuan-tuan, Puan Speaker kalau saya kencing, Sekinchan kencing paling-paling 10 minit itu pun cuci muka, cuci tangan, basuh itu Sekinchan tapi tak tau la kalau Kuang dia kencing lain macam, kencing berdiri, terkencing tak tau la, saya minta Kuang masuk la, saya cabar apabila kita lepas bahas kita tunggu, kita *gentlement*, kita tunggu jawapan daripada pihak Kerajaan besok atau lusa supaya kita ada itu baru cara bahas, cara profesional, jangan kita lepas bantai serang peluru, kemudian cabut tak berani hadapi suasana realitinya ini bukan cara jadi saya minta la ya pihak Barisan Nasional, kalau Taman Templer, Sungai Pelek yang bagus ni saya bagi dua bintang la, sebab dua, dua bintang la, saya bagi bintang tapi tolong bagi nasihat kepada teman-temannya, apa pun suruh datang la, seluruhnya jalan dah masuk, jalan dah masuk, dah mula masuk ke landasan, jalan dah masuk, lagi kawan-kawan lagi, teruskan, teruskan, ok saya teruskan ya, Templer saya teruskan boleh ya,

Puan Speaker, berkaitan dengan tender, tender tadi, kita bagi *lower price* telah menyebabkan ada pihak-pihak, yang ambil kesempatan *melebu* masuk nak tender, tender sampai 10, 11, 20 tak apa open tender sapa nak masuk, setuju tak ada masalah, tapi mereka lawan harga, lawan sampai daripada *lowest, lowest, lowest*, akhirnya pihak Datuk Bandarnya, YDP nya bagi la kepada yang *lowest* kerana arahan tetapi hakikat yang berlaku, perkara yang berlaku yang *lowest* tu tak boleh kerja, *converter* tak ada, pekerja tak ada, nak dapat *converter* nak sewa *converter* kepada orang ketiga dengan harga yang mahal pula, akhirnya tak makan lima hari la, sepuluh hari la, empat hari tak diambil ha ini, akibat kerajaan dipersalahkan, maka dengan itu, dengan wujudnya bentuknya, jawatankuasa bertindak ini, kerajaan negeri betul-betul memantau dan kita ambil sedikit kelonggaran dan beri sedikit kuasa, kepada YDP, ataupun EXCO dan Menteri Besar duduk dalam jawatankuasa tender tersebut kita terima mana-mana individu, syarikat yang dia masuk dan kita tengok syarikat latar belakang, dan kita *check* betul-betul seluruhnya pengarahnya, *converter* nya kita *check* betul-betul, supaya orang yang tawarkan harga.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: saya nak mintak penjelasan YB Sekinchan ni saya pun setuju tapi hairan bin ajaib pasal tender ni sebenarnya dikelolakan oleh siapa? Kalau kata oleh kerajaan negeri, ini adalah *expertise* pihak kerajaan negeri ataupun PBT sendiri, memilih tender, tapi saya rasa tender-tender yang pernah dilakukan dulu, pun ada kriteria saya pernah kerja Kementerian Kewangan, satu

rakan sepejabat dengan Bukit Antarabangsa dulu zaman dulu lah, satu pejabat tapi sampai sekarang dia pun jarang datang ya, kerana sibuk Parlimen, tapi saya nak tanya itu tidak menidakkan bahawa kontraktor itu boleh buat kerja, harga tidak menentukan sama ada kita boleh buat kerja ke tak tapi kalau nak menuduh pihak kerajaan pusat yang ataupun ada pihak yang saya dengar daripada semalam mengatakan sabotaj, maka saya rasa ini satu tuduhan yang tak berasa kerana pemilihan dibuat oleh pihak kerajaan negeri, maka yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Besar pun ada RM1.9 billion duit dalam rizab, rizab itu saya tak tahu nak buat apa tapi sepatutnya gunakan duit itu, untuk dibelanjakan contohnya untuk membantu PBT-PBT untuk menjelaskan duit kontraktor dan sebagainya saya rasa, sebenarnya ini, adalah masalah dalaman negeri, bukan tuduhan pada Kerajaan Pusat, terima kasih,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Taman Templer, saya dalam konteks ini tak ada masalah dalam soal saya nak tuduh di sini, pihak pembangkang yang ini saya tak nak, ayat saya tadi saya dah *check* balik tadi, saya dah *check* balik saya tak ada sebut daripada pembangkang tadi, tapi kalau sama yang makan cili dia yang merasa pedas, tak tau la tapi saya tak tuduh cuma saya kata ada pihak, ada pihak-pihak maka dengan itu, dalam konteks ini sama ada PBT kerajaan negeri yang monitor ke, yang buta pemantauan, kita mintak, betul-betul duduk dan cari satu kaedah yang terbaik untuk menyelesaikan masalah, dalam tempoh sebulan dua ini, saya yakin saya percaya dengan kekuatan yang kita ada dengan cara kita mengurus tadbir dengan baik, ini saya yakin insya-Allah, pasti ada jalanya, *you're find the way*. Mesti ada jalan boleh selesai, dalam perkara ini dalam masa terdekat, Puan Speaker, selain daripada itu terdapat juga satu masalah yang saya lihat amat penting ya, untuk dibangkitkan ke dalam dewan yang mulia ini terdapat banyak aduan, tentang jalan-jalan yang berlekuk-lekuk ya, dan berlubang-lubang, tidak kira sama ada ia jalan di bawah penyelenggaraan PBT jalan di bawah penyelenggaraan pihak JKR ataupun jalan di bawah persekutuan dan sebagainya, terdapat banyak jalan-jalan yang berlubang ada aduan-aduan mengatakan jalan itu tidak dipulihkan dengan baik, masing-masing tuduh di sini, tuduh di sana, maka saya lihat perkara ini, kita kena ambil satu langkah, langkah yang proaktif untuk menyelesaikan termasuk memberi peruntukkan yang banyak melalui geran Selangorku, jalan tersebut adalah jalan andai kata, andai kata, jalan tersebut contohnya jalan Persekutuan, seperti jalan di Sekinchan jalan daripada segmen Sabak Bernam sampai ke Kapar Jalan Persekutuan 5, yang sekarang ni sibuk dengan kereta-kereta yang banyak sebab apa, masing-masing ramai nak pergi ke Sekinchan, Sabak Bernam dia suka pergi Sekinchan sebab beras sana kandungan hancur dia 5 dengan 15 sahaja, tapi beras lain tempat yang jati tu dia seratus peratus hancur, dia orang tak berapa suka beras itu, itu antara contohnya, yang saya cakap di sini, jadi orang suka sebab Sekinchan ni satu tempat pelancongan, Agro Pelancongan, yang semakin membangun dan Sabak Bernam orang suka kawasannya tenang, dan sebagainya, dan maka dengan itu, jalan sibuk tetapi jalan tersebut sepatutnya di selenggarakan oleh JKR, di bawah persekutuan, di bawah persekutuan tetapi akhir-akhirnya sejak setahun, dua tiga tahun ini dah kurang selenggara, bukan tak ada tapi agak kurang dan kadang-kadang jalan itu sampai berlopak dan berlekuk-lekuk sampai tinggi rendahnya ada perbezaan begitu ketara, sehingga kadang-kadang ramai pengguna jalan raya merungut dan sebahagian mereka jatuh tebu sampai meninggal dunia, dengan izin, minta izin,

berlakunya kemalangan dan sebagainya, oleh yang demikian saya minta kalau kerajaan persekutuan tidak begitu efektif dalam konteks ini kita kerajaan negeri kalau ada dana yang lebih kita bantu, kita soal jalan raya ini kita jangan politik misal kata saya lama saya nyatakan di segmen daripada Sekinchan ke Sabak Bernam di peringkat pekan Sekinchan itu sekitar 500 kilometer dari kilang Bernas sampai la ke Balai Bomba Sekinchan itu, Jalan Persekutuan 5 itu, pembahagi jalan pun tak ada, taman banyak di situ keluar masuk pembahagi jalan tak ada, lampu jalan pun tak ada dah mintak tiga tahun tak dapat, orang dah mati berapa orang dah tak tahu dah, cina yang mati, India pun mati, sebab kemalangan jalan raya, kemalangan jalan raya dia tak kira siapa, siapa kulit dia tak kira, yang mati, matilah, kemalangan dan perkara ini berlaku beberapa tahun yang lepas, dan saya minta perkara ini kepada Kementerian, JKR, dan sebagainya, alasannya kekurangan dana maka dengan itu saya mintak di sini lah, pihak kerajaan negeri kalau ada dana pun boleh tolong supaya perkara ini pun boleh selesai, pembahagi jalan kita buat, lampu kita buat, dan persimpangan *traffic light* kita buat, di Sekinchan yang sibuk di letak dengan digital *timer*, ini cara penyelesaian yang baik demi kesejahteraan, demi apa?demi kepentingan rakyat, seluruhnya yang gunakan jalan raya tersebut, termasuk orang UMNO, orang DAP, orang PAS semua lah, semua, untuk makluman dewan yang mulia ini saya juga ingin menarik perhatian tentang bagaimana , bagaimana prestasi, Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor, PKPS sejak empat tahun di bawah pengurusan Kerajaan Pakatan Rakyat, kita sedia maklum PKPS ialah sebuah perbadanan kerajaan negeri Selangor yang bertanggungjawab untuk membantu sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian secara komersil di samping itu, objektif utama PKPS adalah untuk membina sebuah organisasi korporat yang teguh, dinamik dan berdaya maju, dengan menjalankan projek pertanian komersil bagi merapatkan pulangan yang maksima serta sekali gus dapat memajukan sektor pertanian Negeri Selangor meskipun begitu terdapat banyak kelemahan dan kepingangan yang berlaku, angkara pengurusan yang lemah, dan tidak telus, khususnya yang saya tekankan di sini zaman Barisan Nasional di bawah YB Sg.Panjang. Masih segar dalam ingatan saya pada penggal 2004-2008 sewaktu saya berperanan sebagai pembangkang, saya ni pembangkang 2004-2008, ini tidak dapat dinafikan dan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa TAC, ataupun Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor TAC. Oleh sebab itu saya berkesempatan beberapa kali bersama Ahli Jawatankuasa waktu itu diketuai oleh Hulu Bernam, YB Hulu Bernam turun padang merawat dan meninjau projek-projek PKNS yang bermasalah dan gagal. PKPS bukan PKNS. PKPS yang bermasalah dan gagal menyebabkan kerugian kepada PKPS. Beberapa contoh yang saya ingin nyatakan di sini Puan Speaker, Taman Orkid antarabangsa, Taman Orkid Antarabangsa Serendah ataupun Serendah International Orchid Park, ha hebat tu. Yang dilakukan melalui kaedah usaha sama dengan syarikat Be Town, Be Twon Sdn Bhd di mana tanah yang diluluskan adalah seluas 168.8 hektar, manakala tanah yang diguna pakai untuk projek fasa pertama adalah seluas 42.29 hektar. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan PKPS tiada kepakaran dan pengalaman dalam industri penanaman orkid, maka PKPS hanya memegang 40% ekuiti dalam projek usaha masa tersebut. Sehubungan itu, pihak lembaga pengarah PKPS telah saya pun hairan dia membenarkan Syarikat Be Town Sdn Bhd mencagarkan, mencagarkan tanah tersebut kepada Bank Pertanian untuk mendapatkan pinjaman 8juta sebagai modal, eh sebagai modal untuk operasi projek

orkid. Malangnya usaha projek tersebut tidak berpanjangan, kerana berbagai-bagai masalah dan kelemahan serta kekangan pasaran orkid yang ditanam, maka pada sekitar tahun 2005 pihak PKPS yang hanya memegang 40% syarikat Be Town 60%, ya, ekuiti dalam projek tersebut terpaksa, terpaksa buat apa, buat pembayaran, RM8 juta kepada bank. Untuk apa, tebus balik, tebus balik tanah yang dipajak, yang dicagarkan kepada bank, oleh syarikat Be Town. Kalau tidak tanah tersebut akan dirampas oleh pihak bank. Persoalannya kenapa ketika perjanjian ditandatangani oleh pihak syarikat dan lembaga pengarah boleh membenarkan sebuah syarikat yang tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dibenarkan bekerja sama dengan PKPS. Lebih pelik lagi kenapa pihak lembaga PKPS boleh membenarkan tanah milik, milik PKPS dicagarkan oleh syarikat berkenaan kepada bank untuk mendapatkan modal RM8 juta. Apakah kelebihan dan keistimewaan dalam konteks syarikat tersebut. Oleh itu dalam perkara ini ternyata objektif projek kerjasama ini bukan untuk menanam orkid. Projek itu adalah untuk memajakkan, mencagarkan tanah kemudian dapat duit, kemudian hilang syarikat tersebut. Inilah contoh kerja-kerja yang dilakukan zaman Sg. Panjang. Ini saya nyatakan, ini satu pengajaran kepada kita, kenapa berlaku perkara sedemikian. Ketirisan, kebocoran, pembaziran, penyelewengan. Puan Speaker, contoh yang kedua, ha ini lagi hebat. Yang kedua adalah berkaitan dengan lembu. Lembu pula. Yang panas dengan lembu. Sekarang mana-mana orang cerita lembu. Orang kampung cerita lembu dengan sembelih lembunya. Ha ini cerita lembu. Bukan lembu Sharizat dan sebagainya. Bukan lembu Sharizat yang sedang panas ye. Pembinaan kompleks rumah sembelih lembu di Batang Berjantai oleh PKPS pada sekitar tahun 2000 hingga 2006 juga menimbulkan 1001 kontroversi di mana kos asal rumah sembelih, kompleks sembelih ini adalah RM8 juta tetapi apabila selesai siap, itu pun belum siap, separuh siap projek tersebut kosnya meningkat kepada, daripada RM8 juta kepada RM31.28 juta. Tiga kali ganda hampir, 4 kali ganda. Dulu RM8 juta, perancangannya RM8 juta. Siap belum siap projek tersebut RM31.28 juta. Pertambahan hampir 4 kali ganda daripada kos. Melalui kaedah penswastaan. Matlamat utama projek tersebut adalah baik, munasabah, kerana ketika itu di pusat penyembelihan yang ketika itu beroperasi di seksyen 15 Shah Alam telah mendapat bantahan dan aduan daripada penduduk berhampiran atas sebab pencemaran yang serius. Susulan daripada itu kerajaan negeri pada waktu itu telah memutuskan pusat penyembelihan dipindahkan ke lokasi baru di batang Berjantai. Selain daripada itu untuk menyelesaikan masalah pencemaran, hasrat kerajaan adalah untuk menyediakan perkhidmatan penyembelihan melalui kaedah yang lebih teratur, efisien, bersih dan bercirikan Islam kepada seluruh penduduk negeri Selangor di samping meningkatkan bekalan daging tempatan. Dia ada sedikit persamaan dengan matlamat skandal lembu gemuk *National Filot Corporation* Sharizat ye,. Macam bukan FC bukan KFC dia memenuhi bekalan, itu pun antara matlamat. Akhirnya seperti yang kita sedia maklum, projek tersebut mengalami kerugian, kegagalan kerana kos bertambah daripada RM8 juta kepada RM31.28 juta sementara yang lebih pelik lagi lebih hairan lagi, memeranjatkan kita, peralatan untuk menyembelih lembu yang diimport, yang diimport daripada Australia, kita nak sembelih lembu tu, import peralatan, mesin daripada Australia yang canggih, sasaran kita nak sembelih 100 ekor satu hari tetapi apabila operasi yang dijalankan, Puan Speaker malangnya hanya tipu, 7ekor saja satu hari. 7 ekor. Matlamat kita sembelih seluruhnya 100 ekor tetapi operasinya *start* 7 ekor, 7 ekor, tersasar daripada matlamat yang asal.

Oleh yang demikian, contoh-contoh yang saya nyatakan ini membuktikan kepada kita bagaimana lemahnya pengurusan yang lemah, perancangan yang kurang teliti, serta tiada ketelusan dalam proses pelaksanaan pasti akan menyebabkan kegagalan dan wang pembayar cukai rakyat Selangor lesap. Ha ini zaman bila. Sg. Panjang. Oleh yang demikian, saya nak bagi satu pantun lah, Pakatan selalu dituduh fitnah, isu lembu dan kondo mewah, Najib dan UMNO mula gelisah, isu lembu boleh membawa parah. Puan Speaker, mutakhir ini pengurusan PKPS kembali, dalam tempoh 4 tahun ini kita kembali ke landasan yang betul di bawah pimpinan YAB Dato Menteri Besar, yang memberi kepakaran yang khusus dalam konteks pengurusan korporat, dalam tempoh 4 tahun ini setelah berbagai-bagai perubahan dan reformasi dilakukan kini prestasi PKPS semakin meningkat, sebagai contoh pada tahun 2008 hasil jualan sawit PKPS iaitu sebanyak 3179 tan metrik dengan keluasan ladang 3909 hektar. 3909, ini bukan nombor ekor, haram tu. Manakala pada tahun 2011 dengan keluasan ladang yang sama iaitu 3109, hasil sawit yang diperolehi telah meningkat kepada 51 tan perpuluhan 01 tan metrik. Pada tahun 2008 setiap hektar kelapa sawit hanya dapat membuahkan hasil setiap hektar, dapat hasil berapa, 9-11 tan satu hektar dulu 2008, sebelum 2008. Selepas 2008, 2011 ini hasil sawit melonjak daripada 8-11 tan satu hektar, sekarang kita dapat 18-22 tan satu hektar. Pertambahan sebanyak 100%. Ha ini dia cara pengurusan yang telus, berhemah, bertanggungjawab. Dia tambah dia punya sawit. Dulu sawit tu pun ada, tapi sawit tu hilang. *Dicolek maling ko sapo...* dengan izin..dicuri sapa tak tahu hilang kelapa sawit. Ada tak masuk akaun pun ada sawitnya. Aduh berkeliaran sawitnya entah pergi mana. Ha itu masalah yang berlaku. Tapi sekarang telus hasil masuk PKPS. Kantung PKPS ha ucapkan tahniah. Persoalan yang timbul kenapa keadaan ni selalu berlaku, begitu banyak berlaku zaman Barisan Nasional, ha ini yang kita perlu dijawab. Puan Speaker jikalau diteliti laporan prestasi terkini PKPS, jumlah simpanan tetap di bank oleh PKPS pada tahun 2007 hanya RM2.71 juta, itu 2007 tetapi sehingga 31 Disember 2011, jumlah simpanan tetap di bank oleh PKPS telah meningkat dengan begitu ketara iaitu RM114 juta simpanan tetap *fixed deposit* ini bermakna peningkatan 42 kali ganda daripada jumlah simpanan tetap tahun 2007. Oleh itu sekali lagi terbukti kecekapan, keupayaan, pengurusan PKPS di bawah Pakatan Rakyat. Sehubungan itu saya ingin mengambil kesempatan ini ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada YAB Dato' Menteri Besar dan juga seluruh warga PKPS termasuk pengurusnya yang telah bertungkus-lumus ke arah mencapai prestasi yang cemerlang dan kita juga berharap serta menaruh harapan yang tinggi kepada PKPS agar terus mencapai kejayaan demi kejayaan untuk membangunkan sektor pertanian di negeri Selangor.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya...minta penjelasan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok..ok terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih YB Sekinchan. YB Sekinchan menyebut tentang PKPS dan saya ingin bertanya satu soalan YB Sekinchan ada maklumat tambahan dan saya rasa saya ingin mendapat pendapat daripada Sekinchan. PKPS mempunyai dahulunya sebuah syarikat bernama Premium Sanities Produk Sdn Bhd yang dikhususkan untuk memproses salad dan jus buah-buahan tropika, isu ini

pernah disiasat oleh Ketua Audit Negara dan didapati bahawa projek ini gagal semasa zaman Barisan Nasional. Gagal, kerajaan memberi wang, ini bukan kerajaan negeri pun, Kerajaan Persekutuan memberi pinjaman wang RM30 juta dan wang ini boros dan juga digunakan untuk membeli barang-barang ataupun peralatan yang tidak berguna, salah satu ialah diberi satu kontrak, syarikat ini memberi satu kontrak secara *direct negotiation, direct award* untuk membeli mesin berjumlah RM15 juta dan akhirnya mesin ni tak pernah dipakai sekali pun, masih lagi di dalam kilangnya. Tak pernah menghasilkan walau satu botol jus buah-buahan, satu pun tak ada. YB tahu tak sapa pengarahnya buat masa itu. Salah seorang lembaga pengarah dia, tak lain tak bukan YB, Ahli YB dari Kuang yang tadi bercakap besar, bahawa dia bercakap banyak tentang Yayasan Selangor dan sekarang dia sudah menghilangkan diri, tak tahu dah pergi mana, jadi orang macam ni yang mengatakan bahawa dia memperjuangkan Islam Melayu dan raja. Saya ingin bertanya kepada YB Sekinchan, apa agenda yang hendak beliau memperjuangkan sedangkan wang macam ni beliau boleh hilangkan begitu saja semasa dia menjadi ahli lembaga syarikat berkenaan. Saya ingin mendapat pendapat daripada YB.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Kampung Tunku bagi input yang cukup mengemparkan di mana tadi Kuang Masya-Allah, selepas itu kuang berbahas tadi nampaknya dia serang yayasan dengan bermacam-macam, kononnya ada berlaku bermacam-macam, kalau ada, buatlah laporan kepada SPRM itu saja. Yang keduanya, hakikat yang sebenar berlaku terima kasih kepada Kampung Tunku beliau lah berada dalam yayasan, dalam PKPS dalam lembaga pengarah tersebut, di syarikat tersebut, syarikat Premium ya, premium ...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Premium Sanities Product.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Premium, yang jual jus dengan salad. Akhirnya jus tak dapat, salad pun tak dapat. Nak minum sebotol pun tak dapat, nak kurangkan berat badan pun tak jadi. Akhirnya hilang 30 juta. Ini Kuang...kuang, mana kuang. Hai mana kuang, tak ada kuang. Ini dah terkuang-kuang dah ke mana dah. Ini jadi masalah kuang. Tak pe lah, kita biar kuang. Dan saya juga nak bagi tahu kuang ni, kuang tak ada lah nak bagi tahu pun payah, besok ha tunggu besok kuang ni tak ada. Puan Speaker, baru-baru ni kerajaan negeri Pakatan Rakyat Selangor telah dilemparkan dengan berbagai tuduhan dan fitnah tentang isu pasir khususnya serangan dan tuduhan daripada Ketua Samseng, Noh Omar. Antara fitnah dan tuduhan yang dilemparkan yang kita sedia maklum alkisahnyalah ialah tentang peristiwa yang berlaku pada 3 tahun.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Puan Speaker,..ni saya nak tanya balik fasal semalam *point of order Thirty Six Nine*, 36(9), sangkaan, 36(9) ya.. Dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat sesiapa ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau sesiapa pegawai kerajaan selain daripada kelakuan yang menjalankan urusannya sebagai ahli parlimen atau ahli Dewan Negeri atau pegawai

kerajaan. Semalam bila saya bangkitkan perkara ini, Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, YB Timbalan Speaker kata tak masuk campur. Jadi hari ini saya mintalah kalau boleh tak sebutkan nama individu itu saya rasa tak kena lah. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Puan Speaker. Soal saya melabelkan Menteri Pertanian samseng ini, sebab ada insiden, ada cerita alkisahanya panjang. Ya, sebab kumpulan dia yang pukul saya, jadi memang samseng.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Puan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Memang samseng!

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: *Point of order*, samseng itu satu perkataan yang kurang manis lah. Itu..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Memang samseng itu dalam kamus!

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Ini kira fitnahlah samseng itu, tidak benar.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Memang fitnah, kita sudah pergi mahkamah soal fitnah itu.

Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL: Samseng itu saya rasa kena tarik balik lah. Patutnya kena tarik balik Puan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak, tak, tak tarik balik sebab memang betul saya kena pukul, insiden tersebut. Ini kenyataan yang tidak boleh disangkal. Ini perkara yang betul.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Beliau sampai hari ini ya, tidak dapat menafikan bahawa insiden yang berlaku satu ketika, dua tahun yang lepas di Tanjung Karang, di Kg. Kunci Air Buang, Kunci Air Buang, di mana saya pergi nak mendengar rintihan, rungutan daripada petani untuk minum teh sahaja, dengar apa masalah petani tentang padi. Harga padi yang merundun, potongan pasar yang tinggi, esoknya saya pergi 11 lebih, saya ditahan tengah jalan oleh sekumpulan 3 hingga 50, 3 hingga 50. Pemuda-pemuda. Saya ingat petani, saya turun rupa-rupanya kontraktor Pemuda-pemuda UMNO Tanjung Karang yang diketuai oleh seorang yang pakai cermin mata pada ketika itu, macam S.Jibeng saya nampak. Siapa dia? Siapa dia? Yang Berhormat, bukan Yang Berhormat, dia Dato', Dato' Shafiee Asmawi, Dato' Hj. Shafiee Asmawi. Siapa dia? Dia itu Setiausaha Politik Menteri Pertanian. Setiausaha Politik Menteri Pertanian. Mengarahkan 3 hingga 50 samseng di situ tahan saya. Bertanya saya mana pergi. Saya kata saya ingat dia nak sambut saya. Dengan baju hitam, baju, baju hitam bukan baju kot. Tunggu di sana tanya saya nak pergi mana. Saya kata, saya nak pergi nak jumpa dengan petani, nak dengar rintihan. Dia kata tak payah datang, berbalik. Ini

bukan kawasan *you* dengan tengkingnya. Masalah macam ni. Tak boleh masuk. Tak boleh masuk. Ada ordinaran darurat di situ. Tak boleh masuk. Puan Speaker, ini yang berlaku.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, 36(1) ni. Sebenarnya, Sekinchan ni dah jawab dah, dah berulang-ulang kali saya ingat. Dalam dewan yang lepas pun dah cakap benda yang sama. Dan fakta tu tak betul pun. Tapi saya tak nak mempertikaikan fakta cuma kita nak pergi kepada peraturan-peraturan 36(1), fokus je lah kepada perbincangan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Ini hal cerita lama. Dah dibangkit, dah dijawab. Dah ada dalam '*hansard*' pun. Perkara ini diulang-ulang buat apa? Benda yang sama ..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih kepada teman saya di Sg. Burong yang Sawah Sempadan tu kawasan dia lah. Eloklah kawasan '*dek eh*' pun boleh ada samseng-samseng seperti di situ dan sampai sekarang saya ingin nyatakan di dewan ini kenapa saya ungkit.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, ini tuduhan liar ni. Ni saya, dia tuduh kata kawasan Sawah Sempadan penuh dengan samseng-samseng. Ini tak betul ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Itu yang kena dengan samseng tu siapa?

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia bukan kawasan saya. Dia bukan duduk Sawah Sempadan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Hampir-hampir sama

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya minta tarik balik, ni sangkaan jahat ni, 36(9).

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya tak akan tarik balik. Tak perlu.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak kisah ni, ni tak betul.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Memang kawasan itu berhampiran. Itu tidak boleh dinafikan.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Jangan buat tuduhan, jangan buat tuduhan ...

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat semua. Bertenang, bertenang. Duduk, duduk. Sg. Burong, pertama kali saya tengok Sg. Burong betul kuat sangat dia punya..

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, saya bagi *point of order*, peraturan, bagi saya ikut peraturan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, biar saya bercakap dulu.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya ikut peraturan. Saya ikut etika peraturan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik Sg. Burong. Minta duduk dulu. Baik, tadi dibangkitkan peraturan 36 (9) berkaitan dengan kenyataan YB Sekinchan. Jadi, YB Sekinchan ada bukti jadi itu yang sebab dia nak jelaskan, ya. Kemudian Sg. Burong bangun mengatakan kembali kepada tajuk. Dia hanya nak menjelaskan rentetan daripada apa yang dimaki oleh Templer tadi. Jadi kenyataan yang terakhir tu tidak menyatakan secara spesifik kepada Sg. Burong. Jadi Sg. Burong tak perlu lah melenting. Saya minta Sekinchan terus kepada topik perbahasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Okay, terima kasih kepada Puan Speaker. Sebab saya nak nyatakan kenapa, kerana..

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat Puan Speaker, minta laluan. Nak minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya terus jalan, terus jalan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan?

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Saya sebut Puan Speaker tidak berlaku adil kerana sebut samseng tu. Tuduhan samseng tu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terus jalan, terus jalan. Sebab apa, saya telah membuat laporan polis, laporan polis dah buat, dua tahun

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Biar polis menyiasat la Puan Speaker, tak perlu kata betul samseng, tuduhan samseng.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Templer, saya dah jelas tadi. Kita teruskan kepada perbahasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jadi biar saya teruskan, nanti yang cakap Templer ada waktu perbahasan tu ada. Kita sampai esok, sampai hari Isnin pun ada, tak ada masalah. Kita teruskan ya. Jadi, masalahnya laporan polis sudah dibuat. Tak ada apa-apa tindakan, dua tahun dah. Kalau hari tu, yang dipukul andai kata bukan saya yang dipukul, Sg. Burong ataupun Permatang, saya rasa hari itu lah orang yang YDP nya ataupun..jadi andai kata, andai kata, yang melenting buat apa, andai kata dulu, baru lah dengar

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, Puan Speaker..saya nak minta laluan. Jangan *overdose* lah, minta laluan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya tak bagi laluan. Duduk.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sg. Burong minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: *No way! Serious, straight forward, no word, no way, No Way!* dengan izin.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Puan Speaker 36(6), sangkaan jahat. Ni *point of order*..

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sangkaan jahat apa?

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Ni Permatang ni pijak semut pun tak mati, dia kata kena pukul dengan Permatang, macam mana ni?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Contoh.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Contoh. Tak boleh

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya bagi contoh.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tak baik, tak baik..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: *Lailahailallah*, tuan-tuan tak faham.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Kena taubat juga lah Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Contoh. Andai kata. Andainya, seandainya..ayatnya Templer. Saya hormati Templer. Ayat saya seandainya. Kalau hari tu yang kena pukul bukan saya, ha itu andainya, kalau tak payah kita masuk peperiksaan, apa maksud andainya. Ha, cari Kamus Dewan.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, 36(1) Puan Speaker

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik, Sekinchan..saya baru nak sebut teruskan kepada perbahasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: So, jadi kalau kita nak cari kamus 36(1), 36(1) kamus tak ada. Kamus dia ada andainya..seandainya lah, ya. Mana yang lain daripada Permatang ke, Sg. Burong yang kena pukul saya yakin kes ini dah tangkap dah ramai, tangkap ramai dah. Saya yakin, saya yakin.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, 36(1), kena fokus. Ini nak cerita lagi fasal tu. Laluan dia tak bagi. Bagi lah laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya tak mahu Sg. Burong. Andainya, saya andainya. Tak bagi, tak bagi tu. Nanti ada masa. Masa ada saya boleh bagi masa sedikit daripada

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia cerita yang dia kena pukul, yang dia langgar orang tu, buat laporan polis, siasatan sampai sekarang tak ada jawapan pun. Orang pun tak nak timbul juga. Lama...

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik Sg. Burong. Sg. Burong boleh duduk. Biar Sekinchan teruskan perbahasan. Sekinchan teruskan perbahasan. Kembali kepada topik.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jadi benda tu dah, UMNO dah kena macam tu dia tak boleh jawab. Maka dengan itu, saya nak sebut tentang yang berlaku serangan-serangan daripada UMNO negeri Selangor, Menteri samsengnya terhadap isu pasirnya di negeri Selangor mengenai ya, perkara yang berlaku pada tiga tahun yang lepas, kononnya melibatkan dua ahli Dewan Negeri

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Sekinchan. Saya minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sri Muda.. tak ada! Sri Muda dan Batu Caves dan sebagainya. Kononnya mereka disensasikan.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Sekinchan, boleh minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, jadi daripada perkara tersebut, media daripada Barisan Nasional dia gembarkan tentang..

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Sekinchan boleh minta laluan?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak adalah. Duduk, duduk. Kita sekarang tengah *concentrate* ya, nanti saya bagi masa yang lain.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tak, saya nak tanya tadi Sg. Burong sebut fasal langgar tu di Seksyen 7.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ada pada waktu yang lain lah, nanti kalau tidak saya ambil banyak sangat pun tak apa. Nanti dulu, sebab saya dah masuk ke landasan yang sebenar.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Kena batang hidung sendiri tak berani.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya masuk gear 3 sekarang ni, biar gear 5 dulu, nanti ya...

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Langgar orang di Seksyen 7 tak sebut tadi pun...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kita sedia maklum sekiranya bukti yang dikatakan pasir di negeri Selangor, macam-macam yang dituduh maka kita minta lah pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah sudah lama bertindak. Ya, akan siasat sehingga ke lubang cacing tanpa melepaskan seinci pun ruang yang ada untuk mencari kesalahan Pakatan Rakyat. Saya yakin, ingin saya imbas kembali, imbas kembali peristiwa bagaimana kematian ya, mendiang saudara Teoh Beng Hock sebagai saksi utama dibawa oleh pegawai SPRM pada bulan Julai 2009. Hari ini dia masuk, besok mati. Ha, walaupun peristiwa hitam tersebut sudah berlalu 2 tahun 8 bulan namun dia masih segar di dalam ingatan kita kerana sehingga hari ini tiada juga jawapan yang munasabah dikemukakan. Di samping itu, tiada seorang pun yang perlu bertanggungjawab dan dihadap ke muka pengadilan. Ini kenyataan. Kenyataan! Yang tidak boleh disanggah. Belum cukup dengan kes kematian saudara Teoh Beng Hock, mendiang Teoh Beng Hock kemudian berlaku pula kes seorang pegawai Kastam, Allahyarham Ahmad Sarbini disiasat oleh SPRM juga. Kononnya terlibat dalam penyelewengan dan rasuah. Akhirnya, perkara yang sama berlaku di mana beliau telah didapati mati. Kerana apa faktor mati? Kerana apa mati..

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Speaker, boleh minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sindrom, faktor, sindrom lompat

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Minta penjelasan boleh?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nanti, nanti bahas lah, sebab saya, sebab sekarang saya nak, tengah *concentrate* dengan *point, point* tu. Nanti lari

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Saya minta penjelasan tadi fasal kes yang disebut tadi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Nanti, nanti saya bagi, gear 5, gear 5 saya bagi. Gear 5 ya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Takut ke?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tunggu, tunggu, saya.. gear 5 dulu. Saya tengah *concentrate* bagaimana imbasan kembali faktor sindrom melompat. Sindrom melompat di perkarangan pejabat SPRM. Oleh itu, pada masa akan datang sesiapa yang dipanggil oleh SPRM untuk bantu siasatan, sama ada sebagai saksi atau suspek mesti waspada. Mesti waspada dan jangan sama sekali naik lif, pergi tinggi-tinggi, bangunan tinggi-tinggi, jangan. Beritahu pegawai, kita tak nak pergi tinggi-tinggi kerana dikhuatiri

bakal menerima nasib yang sama. Iaitu terkena faktor, faktor apa? Sindrom lompat, yang cukup puaka. Ha, ini saya nasihatkan siapa-siapa tolong jangan masuk, pergi tingkat-tingkat tinggi-tinggi tu jangan. Puan Speaker, bagaimana kah rakyat yakin dalam sistem perundangan kita yang sudah cukup *goblok* dan pincang? Maka dengan itu saya yakin dan percaya bahawa manusia hanya bisa merancang tapi yang menentukan tuhan maha kuasa. Sesungguhnya, rakyat yang cintakan, rakyat yang cintakan keadilan dan bencikan kezaliman pastinya akan bangkit pada pilihan raya ke-13 ini bagi menuntut keadilan untuk mendiang saudara Teoh Beng Hock dan juga Allahyarham saudara Ahmad Sharbini dengan undi menolak UMNO Barisan Nasional, *insya-Allah*. Berbalik kepada dakwaan Menteri Pertanian yang menuduh pasir tersebut, kononnya ada dakwaan pasir dan sebagainya, kita cukup kesal dan hairan kenapa jawatankuasa pilihan mengenai keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketulusan, SELCAT, yang dipengerusikan oleh Tuan Speaker dan ahli-ahli yang lain termasuk Yang Berhormat dari Permatang yang hampir separuh matang telah mengadakan semula sesi pendengaran awam secara terbuka bagi menyiasat isu pasir. Memberi keterangan, ya..menyiasat, SELCAT mengalu-alukan barang siapa, termasuk Menteri, termasuk Menteri mana-mana pun yang mempunyai bukti dan maklumat tentang penyelewengan pasir, salah laku supaya tampil ke depan jawatankuasa SELCAT. Memberi keterangan membantu siasatan. Walau bagaimanapun, tunggu punya tunggu, yang ditunggu tak muncul-muncul, Timbalan Pengerusi UMNO Selangor, merangkap Menteri, samseng Noh Omar yang begitu lantang dan gagah kononnya di surat khabar. Tapi, tak datang, tak berani tampil membuat, membantu siasatan nampaknya..macam hebat sungguh tapi rupa-rupanya hanya jaguh kampungan.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, boleh bagi penjelasan?

TUAN SPEAKER: Ya, Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tapi rupa-rupanya hanya jaguh kampungan sahaja. Ya, rupa-rupanya hanya jaguh kampungan sahaja. Sekejap, bak kata pepatah 'Berani kerana benar, takut kerana salah'. Tak datang ke depan, hanya melalak sahaja, itu sahaja yang ada UMNO Barisan Nasional Negeri Selangor. Jadi..

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, berhenti sekejap. Ada apa-apa ni?

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Nak minta penjelasan, Sekinchan, boleh?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tak ada lah, dah lepas lah. Isu dah lepas. Saya nak masuk tajuk lain pula. Tuan Speaker, saya cukup tertarik dengan satu berita gempar yang berkaitan dengan pendedahan Pengurus Besar Yayasan Selangor yang memberitahu Jawatankuasa SELCAT tentang berlakunya ketirisan dan kebocoran sebanyak 500 juta sejak tahun 1991 sehingga Mac 2008. Semasa dipanggil memberi keterangan kepada Jawatankuasa SELCAT baru-baru ini. Saya amat terkejut dengan pendedahan tersebut. kerana sejumlah wang 500 juta ini bukan sikit milik Yayasan

Selangor yang merupakan wang rakyat telah lesap pada zaman Barisan Nasional dalam tempoh 17 tahun. Kita juga dimaklumkan bahawa kes ketirisan tersebut sudah dilaporkan ke SPRM. Saya ada salinan di sini, ini tidak tuduh sembarangan, 20hb, 20.5.2010, ini ada laporan di sini. Laporan SPRM mengenai Yayasan tetapi sehingga sekarang tidak ada tindakan terhadap pecah amanah tersebut dan penyelewengan sampai hari ini tidak ada yang dihadapkan ke muka pengadilan.

Tuan Speaker, saya hairan kenapa SPRM begitu lambat dan sukar untuk melakukan siasatan sedangkan dokumen-dokumen mengenai ketirisan masih ada di Pejabat Pengurus Besar Yayasan Selangor. Sehubungan itu memandangkan perkara mengenai ketirisan RM500 juta ini cukup serius dan bersabit dengan kepentingan rakyat maka saya terpanggil untuk mendedahkan beberapa contoh kes ketirisan dokumen yang saya pada dokumen yang saya pegang di sini. Berapa contoh saya sepintas lalu yang saya nak nyatakan di sini, contoh-contoh ketirisan yang pertama projek pembangunan tanah di Lapangan Terbang Subang seluas 31.8 ekar untuk pembinaan kondominium.

Y.B. TUAN ABD. RANI BIN OSMAN: Saya ingin bertanya kepada Sekinchan adakah Sekinchan setuju dengan tiga pendapat yang dikeluarkan oleh tokoh-tokoh yang tidak kecil dia punya peranan. Pertamanya bila sebut tentang pendedahan-pendedahan dan penyelewengan dan ketirisan, pertamanya satu komen yang disebut oleh Mantan UMNO sendiri menyatakan "*UMNO is rounten to the core*", yang keduanya ialah komen daripada seorang Profesor Dr. Zainal Kling yang menyatakan UMNO dilanda tiga *symptom* iaitu 3L iaitu lagak, lena dan leka. Dan yang terakhir ialah satu juga tindakan dibuat oleh seorang ahli UMNO yang telah berada di dalam Ahli UMNO selama 56 tahun, menjadi EXCO Pemuda UMNO selama 10 tahun, dan menjadi Ahli Majlis Tertinggi selama 24 tahun dan pada 1993. mengisytiharkan diri keluar daripada UMNO iaitu Tan Sri Abd. Kadir Sheikh Fadhil, minta komen.

TUAN SPEAKER: Ini tidak berkenaan dengan titah ucapan ni. Ini macam ceramah ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oleh kerana Speaker ada bagi petua dia ada luar sikit, saya tidak respons, menghormati dewan yang mulia ini. Minta maaf..sedikit. Seterusnya berkaitan dengan tanah, projek pembangunan tanah di jalan Lapangan Terbang Subang seluas 31.8 ekar untuk pembinaan kondominium dan bangunan komersial. Syarikat yang terlibat dalam usaha sama ini adalah Punca Dana Sdn. Bhd. Manakala tarikh bermulanya projek tersebut adalah pada 6.5.2004. Sebagaimana praktis dalam projek usaha sama Yayasan Selangor *GDV Groff Development Value* iaitu pulangan keuntungan kepada Yayasan Selangor adalah sekurang-kurangnya biasanya adalah 30 peratus. Kerana Yayasan memperuntukkan tanah daripada jumlah anggaran nilai projek yang dilaksanakan. Projek yang dilaksanakan oleh Syarikat Punca Dana Sdn. Bhd. Ini anggaran jumlah GDV ataupun nilai pasaran hak tanah adalah sebanyak RM987 juta,...987 juta maka dengan itu kalau kita kira DGV pulangan 30 peratus yang sepatutnya diterima oleh Yayasan Selangor ialah 308 juta, akan tetapi Yayasan Selangor hanya dapat 127 juta iaitu dengan tunai 19 juta manakala bakinya

adalah dalam bentuk *in kind* RM180 juta. Maknanya Yayasan Selangor telah kehilangan ataupun ketirisan sebanyak RM181 juta dalam kes ini. RM181 juta, persoalannya siapakah Pengerusi Pemegang Amanah Lembaga Pengarah Yayasan ketika itu. Siapa dia, jawapannya tidak lain tidak bukan Y.B Sungai Panjang. Dan Pengerusi Besar ketika itu ialah Tuan Takril Tasuki. Contoh yang kedua projek usaha sama Yayasan Selangor dengan Syarikat swasta Setia yang membangunkan bangunan pejabat dan kondominium di atas lot tanah 23 di Jalan Raja Muda Kuala Lumpur. Yayasan hebat ada tanah di Kuala Lumpur, tanah yang mahal, kita syukur kerana ada tanah. Pada ketika itu nilai pasaran hak tanah GDV secara anggaran untuk projek tersebut ialah RM960 juta, RM960 juta projek tersebut. Manakala pulangan untuk Yayasan Selangor sebanyak 30 peratus maka adalah 288 juta sepatutnya tetapi Yayasan Selangor hanya dapat sebuah bangunan 20 tingkat yang bernilai 88 juta yang baki selebihnya 200 juta hilang sepatutnya dapat RM288 juta daripada jumlah projek RM960 juta tetapi dapat 88 juta 20 tingkat saja. Akhirnya RM200 juta lesap, ini yang berlaku ...jadi saya kalau nak bagi *point* sebenarnya banyak lagi, jadi saya hanya ambil 2 contoh untuk perhatian dewan yang mulia ini bagaimana pelaksanaan kontrak usahasama zaman Barisan Nasional.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Dato' Speaker, saya minta penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang ini saya boleh bagi, tadi gear tiga, ini gear empat.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Saya musykil sikit nak tanya dengan Y.B. Sekinchan kata projek itu bernilai RM990 juta...RM60 juta, pulangan yang dianggarkan 288, ini kontraktor mana ni buat kalau ada kerja macam ini alhamdulillah saya rasa semua orang nak buat saya rasa pengiraan itu tidak betul kerana kalau jumlah ulangan kepada Yayasan itu dah hampir 1/3 jumlah projek saya rasa ini memang satu kerja yang tidak betul, saya rasa pengiraan itu tidak betul, mungkin Y.B. Sekinchan kena kaji balik mungkin ada pulangan tapi tak sebanyak sampai RM280 juta kerana kontraktor pun kena cari makan juga jadi saya rasa ini satu angka yang tidak boleh lontar begitu sahaja, cari maklumat terperinci sebelum dibawa ke Dewan, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Taman Templer kerana bagi ingatan tentang kos projek ini. Sebenarnya kalau tanah di Kuala Lumpur disekat persegi ratusan ringgit dan projek YANG dibangunkan tanah milik Yayasan maka kontraktor itu tak perlu, dia tak ada tanah, Yayasan bagi tanah dia bina dan jual, harganya keseluruhan kos dia untuk jual pembeli tersebut keuntungan 30 peratus kepada Yayasan bernilai 288 juta, itu saja. Tetapi yang dapat 88 juta, 200 hilang ini perkiraan di sini. 30 itu biasanya munasabah sebab saya tuan tanah ini dia, terima kasih. Tuan Speaker, walaupun ketirisan tersebut sudah berlaku dan berlalu namun tanggungjawab SPRM adalah untuk menyiasat kenapa berlakunya ketirisan kerana laporan telah dibuat hingga RM500 juta cuba kita bayangkan betapa seriusnya pengurusan kepimpinan kepincangan yang berlaku dalam zaman Barisan Nasional dengan jumlah RM500 juta ini kalau kira-kira RM500 juta ni kita bina, bina rumah, rumah apa, rumah kos rendah

sekarang susah sebab harga dia tidak dapat kita untuk capai, tapi kita buat rumah mampu milik 100,000. Kalau RM500 juta saya dok kira-kira RM500 juta, 100 biji, 100,000 unit rumah, 5,000 unit rumah kita boleh bina untuk rakyat Negeri Selangor. Ini duit dulu tapi duit tu hilang. Ini duit hilang ke mana pergi sebab ini 5,000, buat rumah di Templer kita taruh 200 unit, Sekinchan 200, Meru 200, Batu Tiga 200, Selangor ni seluruhnya kita boleh bubuh sikit-sikit, supaya dapat rumah mampu milik, tapi duit tu hilang, ke mana? kantung kroni, ini yang berlaku. Tuan Speaker, satu lagi perkara yang sangat mustahak untuk dibicarakan dalam dewan yang mulia ini adalah mengenai projek-projek bangunan infrastruktur seperti di DUN Sekinchan dan Sg. Panjang dan sebagainya yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pejabat Pembangunan Negeri dan ICU saya dapati banyak kerja-kerja yang dilaksanakan tidak menepati kriteria, banyak berlaku masalah di mana jalan yang diturapkan mengambil masa seminggu dua dah berlubang dan sebagainya dan lebih memmeranjatkan saya kebanyakan projek yang dijalankan tanpa, tanpa dimaklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, sama ada Majlis, sama ada Pejabat Daerah tidak mengetahui kita tanya apabila kita sebagai kerajaan negeri wakilnya kita tanya projek ini melalui siapa, tak tahu mereka tidak dimaklumkan. Pejabat Daerah tidak dimaklumkan, Majlis tidak dimaklumkan, tetapi jalan itu jalan, kerja itu jalan. Ini yang berlaku. Jadi saya mintalah pihak Barisan Nasional kalau nak melaksanakan projek saya setuju kalau nak bantu rakyat kita sokong projek apa yang nak diturunkan, turunklah sebanyak mana mungkin tetapi ikutlah peraturan kerajaan negeri kenalah maklumkan ataupun Majlis Daerah, maklumkan dan ada pemantauan yang lebih khusus itu menepati prinsip "*value for money*". Ini yang kerajaan negeri tekankan, kita minta Barisan Nasional dapat tarbiah kepada kontraktor-kontraktor pada teman-teman apa pun supaya mereka dapat tahu apa kerja SOP seperti itu boleh maklumkan jangan tak maklum. Kalau tidak kita tidak tahu siapa yang buat kerja di situ. Tuan Speaker, masalah yang dihadapi oleh para nelayan, dalam konteks ucapan kita, kita dah bangun melalui titah ucapan Duli Yang Maha Mulia kita nak petik sikit soal pertanian soal nelayan ini. Sejak sekian lama juga dua masalah besar belum diselesaikan di kawasan persisiran pantai Negeri Selangor khususnya nelayan-nelayan yang ada bot permit B ini. Lesen B ini sampai hari ini walaupun kerajaan berkali-kali berjanji kita nak pertimbangkan dan sebagainya permintaan untuk mendapatkan dua pekerja asing untuk membantu mereka menjalankan operasi harian rutin harian secara sah, kita bayar levi semuanya sah, jangan curi-curi tapi sehingga hari ini nampaknya jawapannya pun tiada. Kerajaan telah menjalankan satu operasi satu kempen pemutihan 6P untuk pekerja-pekerja asing yang tidak mempunyai permit tetapi dalam sektor nelayan ini sampai hari ini tak ada satu jawapan yang konkrit daripada Menteri yang bertanggungjawab supaya nelayan-nelayan dapat mereka mencari nafkah hidup untuk keluarga, keluar ke laut dengan tenang dan tidak menghadapi banyak masalah. Itu satu, yang keduanya soal pertindihan sempadan, pertindihan sempadan perairan antarabangsa yang pernah saya bangkitkan satu ketika dulu dalam dewan ini dalam usul yang lepas. Saya bangkitkan tentang sempadan perairan negeri Malaysia dengan sempadan Indonesia sampai hari ini masih berlaku lagi pertindihan dan sebagainya, ramai petani juga merungut, petani pula, nelayan dengan izin. Nelayan juga merungut mereka diculik, ditahan dirampas kadang-kadang wang tebusan RM100,000, RM120,000, ini berlaku sampai hari ini pun berlaku. Ini saya minta Kementerian wajib cari penyelesaian supaya duduk bersama

Kementerian Wisma Putra, Kementerian Luar cari satu kaedah penyelesaian secara diplomasi kita selesaikan, kita tandatangan dokumen supaya mana sempadan kita mana sempadan negara jiran dan tak ada pertindihan *understanding* supaya nelayan kita dapat hidup dalam keadaan cari makan dengan tenang dan tidak dipengaruhi dan diancam dengan keselamatan dan sebagainya. Seterusnya Tuan Speaker, ingin saya nyatakan memandangkan kos hidup, kesengsaraan hidup semakin hari semakin meningkat semakin hari semakin meningkat, harga barang naik, gula naik dulu RM1.45 sekarang RM2.30 gulanya naik 65 peratus dan roti pun naik, susu pun naik, susu tepung pun naik. Maka dengan itu kos saraan hidup semakin tinggi tetapi gajinya tidak beranjak. Ini maka dengan itu ramai rakyat kita lahir, bawahan kita selalu mengeluh kepada kita wakil rakyatnya bagi tahu dengan kita tentang masalahnya rumah. Itu satu masalah yang perlu kita tangani dalam kita melangkah pembangunan di Negeri Selangor hatta di seluruh Malaysia. Maka kita perlu mencari satu pendekatan dan kerajaan negeri Selangor, saya ucapkan tahniah kerana telah melaksanakan satu program pembinaan rumah mampu milik dengan harga RM100,000, sekitar RM100,000 oleh anak syarikat kita PKNS untuk membantu golongan-golongan yang berpendapatan rendah ini supaya mereka dapat memiliki rumah. Ini hasrat Kerajaan cukup murni dan berapa projek sudah dijalankan termasuk di Bangi dan maka dengan itu saya juga suka mengesyorkan kepada kerajaan negeri khususnya YAB Dato' Menteri Besar agar dapat mempertimbangkan melalui PKNS di Daerah Sabak Bernam termasuk Sekinchan dan sebagainya carilah kawasan yang luas termasuk bagaimana tanah itu dapat membenarkan di kawasan Sekinchan petani ramai, nelayan ramai tetapi ramai juga pendapatan mereka perlu rumah mampu milik dalam lingkungan RM100,000. Maka dengan itu DUN Sekinchan yang ketandusan tanah, tanah itu tak banyak, jadi saya minta inisiatif dari kerajaan negeri supaya cari tanah berhampiran Sekinchan sekitar luar Sekinchan untuk diperuntukkan 20 ekar, 10 ekar tanah untuk dibina rumah mampu milik supaya rakyat seluruh DUN Sekinchan dan juga daerah Sabak Bernam dapat mereka memberi rumah mampu milik yang diusahakan oleh kerajaan negeri. Inilah antara harapan-harapan yang saya minta untuk nyatakan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Seterusnya.....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, panjang lagi ke? Dah hampir dua (2) jam dah ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Lagi ada dalam 15 minit.

TUAN SPEAKER: Kena bagi peluang pada orang lain jugalah. 15 minit? Dah hampir dua (2) jam.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: 5 minit, 5 minit. Saya panjang, saya minta maaf. Saya panjang sebab kawan saya Sungai Panjang tidak datang, saya panjang ambil alih masa dia.

TUAN SPEAKER: Tak bolehlah. Tak bolehlah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Okay, okay. Saya maklum, maklum, maklum.

TUAN SPEAKER: Timbang rasalah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Timbang rasa, timbang rasa. Okay, satu lagi isu yang saya nyatakan tentang langkah kerajaan negeri dalam tempoh masa empat (4) tahun ni telah berusaha dengan cara terbuka, dasar kita membantu sekolah-sekolah pelbagai aliran. Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, sekolah menengah persendirian. Setiap tahun kita bantu :-

- a) RM6 juta untuk Sekolah Agama Rakyat;
- b) RM4 juta untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina;
- c) RM4 juta untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil; dan
- d) RM2 juta untuk seluruhnya, empat (4) sekolah menengah persendirian.

Ini satu langkah yang cukup baik. Setiap tahun RM16 juta kita belanjakan. Setiap tahun, dah empat (4) tahun kita belanjakan. Ini tidak pernah dibuat oleh Barisan Nasional, zaman mereka dan tetapi sekarang, apa yang berlaku sekarang..... Saya nampak ada beberapa kes soal masalah tanah, tanah di sekolah rendah, banyak berlaku soal kekurangan tanah. Misal kata kerajaan negeri sekarang telah meluluskan tiga (3) tanah yang sekarang heboh lawan dengan Menteri, Timbalan Menteri Pelajaran, soal tanah. Kita dah bagi tanah dengan dokumen kerajaan. Kita bagi dengan tanahnya. Tunggu kerajaan untuk bagi permit untuk luluskan tetapi mereka masih berdolak-dalik sampai hari ini. Itu yang kita rakyat marah sampai hari ini. Kenapa kerajaan pusat, kita dah bagi tanah dah, kerajaan EXCO dah lulus dengan dokumennya tetapi tak bagi juga Sungai Pelek. Mintalah, bagi tahu Presiden MCA ke, tolonglah.

Perkara ini kita selesaikan, anak kita. Generasi kita akan datang, bina sekolah apa salahnya. Ini pahala banyak, kalau orang Islam kata pahala tu banyak. Meluak dapat pahala. Tenang, tenang. Kenapa nak dipolitikkan soal, soal apa? Soal pendidikan jangan dipolitikkan. Manusia boleh datang dan pergi. Suatu hari saya akan balik ke rahmatullah. Begitu juga Templer, begitu juga Sungai Pelek. Siapa pun akan pergi. Tetapi generasi kita akan datang. Seperti kata Gombak Setia, 50 tahun, 100 tahun yang akan datang. Pergilah, cerita sampai panjang lebar, tak ada *point*. Itu yang berlaku, saya malu dengan Gombak Setia ini, cerita 50 tahun, 100 tahun. Tak ada isu, soal apa? Soal peribadi. Kenapa saya kena pecat? Seolah-olah anak kita marah, merungut. Kenapa tak dapat gula-gula.

TUAN SPEAKER: Dah melencong dah ni. Balik semula, balik semula.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh melencong sikit, melencong sikit. Minta maaf. Soal tanah sekolah rendah ini, saya mintalah. Kita dah bagi tanah, kerajaan negeri lulus. Kerajaan Pusat lulus. Ha, kita bina sekolah untuk semua. Pada masa yang sama, kalau Sekolah Agama Rakyat tak cukup, bina, bagi tanah. Tetapi pada masa yang sama, sekolah persendirian menengah ini saya nampak ada empat (4) di negeri Selangor dan kita dah bagi peruntukan. Syukur Alhamdulillah, mereka pun begitu, Lembaga Pengarahnya begitu sanjung kerana mereka cukup gembira dasar terbuka kerajaan Pakatan Rakyat ini tetapi memandangkan pelajar-pelajar yang ada sekarang, yang suka pergi ke aliran sekolah menengah persendirian. Semua keempat-empatnya

di Klang, di Klang keempat-empatnya tempatnya. Orang suka kat Klang ini. Ha, ini hebat Klang. Maka dengan itu, tempat untuk mereka belajar dah tak cukup tapi pendaftaran beribu-ribu. Angka yang mereka dapat terima tak cukup. Tak boleh mampu menampung tempatnya. Empat-empat sekolah pun begitu. Maka, ada harapan permintaan daripada Lembaga Pengarah mereka supaya kalau boleh kerajaan negeri pertimbangkan. Yalah, saya mengesyorkan meminta jasa baik kerajaan negeri agar mencari satu tanah, sekeping tanah untuk diberikan kepada Lembaga sekolah persendirian ini di Klang ini, Jawatankuasanya supaya diuruskan untuk dibina satu lagi sekolah persendirian menengah yang baru di Klang. Ini akan menyelesaikan masalah pelajar-pelajar yang berlebihan, yang tak cukup tempat ini. Dengan langkah ini saya yakin. Kerajaan Pusat kalau boleh bagi permit. Kerajaan negeri bagi tanah sikit. Ha, satu lagi sekolah baru di negeri Selangor, persendirian akan didirikan. Inilah langkah-langkah, cara. Ha, Y.A.B. Menteri Besar pun dah masuk. Agaknya dengar apa yang saya cakap ini. Syukur Alhamdulillah. Saya ucapkan terima kasih. Bukan sekarang tapi kalau boleh dipertimbangkan, dipertimbangkan mana-mana ada tanah, 10 ekar, 20 ekar lah untuk sekolah persendirian menengah ini. Saya minta, sungguh saya minta sebab ini hasrat dan harapan daripada Lembaga Pengarah sekolah persendirian yang mereka minta-minta ye dan akhir sekali, akhir sekali. Akhir sekali saya nak sambung sedikit, baru-baru ini oleh kerana kita memperjuangkan ye. Dengan masa yang ada *limited time* ini. Memperjuangkan soal insentif peningkatan hasil padi untuk petani kerana petani sudah tidak dibayar tiga (3) tahun yang lalu, insentif peningkatan hasil padi. Ini langkah baik Kerajaan Persekutuan daripada Kementerian, bagus. Nak bagi insentif kepada petani supaya petani dapat usaha gigih. Kalau musim ini dia dapat lima (5) tan, musim depan dia kerja kuat, nampak dapat berapa tan? Tujuh (7) tan, peningkatan dua (2) tan. Setiap satu (1) tan, kerajaan melalui Kementerian bayar RM650. Kalau dua (2) tan, bayar RM1,300. Ha, ini yang dipanggil insentif peningkatan hasil padi. Itu baik tetapi dah tiga (3), empat (4) tahun tak dibayar. Akhirnya, dalam laporan Audit, dibentangkan di Parlimen, ada sejumlah wang RM110 juta didapati hilang daripada Kementerian tersebut. Hilang itu maksudnya lesap, tak tahu pergi mana. Mungkin buat-buat projek lain dan sebagainya. Tetapi duit itu tajuknya sepatutnya disalurkan kepada insentif peningkatan hasil padi kepada petani bukan saja di Sekinchan, di Sungai Burong, Sungai Panjang, Permatang, di kawasan yang ada padi di seluruh Malaysia. Tapi malangnya duit itu tidak turun. Akhirnya Audit tegur duit itu hilang. Saya bersama petani, bersama Selangor Kini dan sebagainya, kita adakan satu demonstrasi untuk meminta Menteri Pertanian agar dapat menjawab perkara ini kenapa duit itu hilang? Mana pergi? Kalau tidak duit itu lesap, kena letak jawatan. Dan sekarang ini, lepas lima (5) hari kita adakan demonstrasi, Menteri walaupun marah dengan saya, dengan kerajaan negeri Selangor tapi ramai petani, akaun-akaunnya sudah dimasukkan duit. Masukkan duit. Ada yang dapat RM2,000. Ada yang dapat RM5,000. Tertanggung tiga (3) tahun, hutang tiga (3) tahun, tak bayar. Mereka dapat. Syukur Alhamdulillah. Tetapi Menteri marah dengan kita. Marah dengan kerajaan negeri Selangor. Marah dengan Sekinchan, dendam kesumat. Sekarang nak saman, saman saya, fitnah berapa? RM10 juta. Hari ini kita pergi Mahkamah, tak ada masalah. Soal nak pertahankan hak petani, soal nak jaga, suarakan hak petani, kena saman itu perkara enteng sahaja.

TUAN SPEAKER: Tapi Yang Berhormat, kes di Mahkamah? Kes di Mahkamah sekarang?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bukan masa urusan, baru masuk sahaja. Dia memohon injunksi, injunksi pun belum dengar.

TUAN SPEAKER: Tapi kes di Mahkamah dah ada?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha, hari ini baru masuk.

TUAN SPEAKER: Jadi, kalau mengikut 36(2), tidak boleh sebut lagi ye. Saya.....ini undang-undang, ini peraturan, bukan perkara....la 36(2), jangan sebut lagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jadi perkara ini dah di saman. Kita dah maklumkan perkara ini berlaku. Kerajaan negeri pun kena. Saya pun kena.

TUAN SPEAKER: Berhenti dulu. Berhenti setakat itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Maka dengan itu, di sini saya, kita tak ada masalah dengan perkara ini. Kita akan terus pertahankan hak petani demi kepentingan mereka dan seterusnya saya ingin nyatakan di sini. Yang terakhir sekalilah, tentang bagaimana kawan-kawan daripada UMNO ini. Saya minta sekali lagilah, yang tadi saya nyatakan. Kalau kita berbahas, lepas bahas jangan balik. Tunggu penggulungan daripada kerajaan negeri bagi jawapan dan jangan tembak peluru kosong. Kalau ada peluru tak apa, kosong pun balik, tak apa. Tak boleh macam tu. Kena datang besok atau lusa supaya kita dengar. Ini cara yang terbaik, saya sekali lagi ingatkan Templer sebagai ketuanya. Bakal ketua pembangkang boleh bagi tahu Permatang.

Empat tahun Selangor di bawah Pakatan,
UMNO gelisah kerana banyak kesalahan,
Rakyat dah tahu nak membezakan,
PRU 13 UMNO wajib dinyahkan.

Akhir sekali, saya menyokong usul ni. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker?

TUAN SPEAKER: Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Terima kasih, Tuan Speaker. Hebat betul Sekinchan, satu jam setengah. Walaupun nampak rendah tetapi panjang cerita atau perbahasannya. Tuan Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada Sungai Pelek untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan titah ucapan D.Y.M.M. Sultan Selangor sempena Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Sidang Dewan Negeri Selangor. Selamat petang, salam sejahtera, salam satu Malaysia. Sebut-sebut Sekinchan, tadi empat (4) tahun, sehingga hari ini, 14 hari tambahan iaitu 4 tahun 14

hari Pakatan Rakyat mentadbir negeri Selangor. Sehingga hari ini 3 parti tidur dalam satu katil, mimpi lain-lain, buah pun tak ada. Maksudnya anak pun tak ada satu. Maksud Sungai Pelek ialah sehingga hari ini, perlembagaan untuk Parti Pakatan Rakyat, logo untuk Parti Pakatan Rakyat dan lambang dan segalanya masih belum ada. Ini adalah kerana ideologi hala tuju ketiga-tiga parti ini memang berlainan. Cuma boleh kerana politik kerana kuasa politik, sanggup tinggal di dalam satu rumah, tidur di atas satu katil dan mimpi lain-lain.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, minta mencelah sikit. Mencelah sikit.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Sabarlah Sekinchan. Baru *start* ni. Baru *start* enjin, panas sikit dulu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Enjin diesel, dia kena panas dulu.

TUAN SPEAKER: Berbalik kepada titah ucapan ye. Tuanku tak sebut itu ya.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Dalam tempoh 4 tahun, 14 hari Pakatan Rakyat ini telah mentadbir, sebuah negeri yang termaju di Malaysia iaitu negeri Selangor yang sebenarnya telah dimajukan lebih awal dan dahulu oleh Kerajaan Barisan pada tahun 2005. Maka pentadbiran Pakatan Rakyat, sebuah negeri dengan kerajaan yang dinamakan sebagai kerajaan negeri Selangor. Kerajaan tempatan ialah satu cara pentadbir sesebuah negara atau negeri di peringkat bawahan iaitu melalui pentadbir daerah menerusi pegawai daerah, agensi-agensi, jabatan-jabatan atau perbadanan negeri tertentu. Manakala Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula ialah unit-unit atau bahagian-bahagian tertentu yang sistem pentadbiran kerajaan tempatan itu sendiri ringkasnya. PBT atau kerajaan tempatan ialah unit yang mentadbir kawasan-kawasan bertaraf bandar. Fungsi utama pihak PBT adalah menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan perbandaran bagi kesejahteraan, kebajikan dan kualiti hidup rakyat yang lebih baik di kawasan pentadbiran mereka. Biar saya menyebut ini agar dapat mengingatkan semula kepada kerajaan negeri pada hari ini yang mungkin sudah lupa akan asas-asas kenapa PBT ini perlu ada dan diwujudkan. Dengan ini juga kita dapat menyusuri semula apakah PBT yang ada di negeri Selangor pada hari ini telah memenuhi peranan dan tanggungjawabnya dengan baik dan memuaskan seperti apa yang saya sebut di atas tadi.

Di Selangor terdapat 12 PBT, 2 bertaraf majlis bandaraya, 6 bertaraf majlis perbandaran dan 4 bertaraf majlis daerah. Dengan jumlah PBT yang ada ini, jika semuanya memainkan peranan dan tanggungjawab dengan baik dan berkesan, saya yakin rakyat di negeri Selangor ini akan mendapat perkhidmatan yang terbaik dan bertaraf *first class*, kelas pertama. Mari kita telusi bagaimana kerajaan negeri Selangor pada hari ini melalui Pihak Berkuasa Tempatan mentadbir negeri Selangor.

Kekecohan pelantikan Ahli Majlis. 4 tahun, 14 hari sehingga hari. Setiap kali apabila tempoh masa ahli majlis itu dah tamat, memang berlakulah setiap tahun kekecohan pelantikan ahli majlis. Saya melihat sikap tidak cermat, gopoh dan rakus Pakatan

Rakyat dalam menentukan calon-calon ahli majlis. Pelantikan Ahli Majlis PBT biasanya ditentukan dan dikuasai oleh parti yang memerintah. Namun kerana kegelojohan dan kerakusan dan mungkin ini kerana ketamakan, pelantikan ahli majlis ini cukup huru-hara. Sehingga Sungai Pelek terbaca ada demonstrasi yang berlaku di Majlis Perbandaran Kajang. Ahli partinya membawa orang tunjuk rasa kepada pucuk pimpinan parti DAP bahawa sekian orang ini perlu dikekalkan. Inilah hebatnya berpolitik dan tidak dapat membantu rakyat untuk menjalankan tugas-tugas di dalam Pihak Berkuasa Tempatan. Terdahulu kita masih ingat bahawa ada ahli majlis di Ampang Jaya yang dilantik mempunyai rekod jenayah, samun dan kongsi gelap. Di Ampang Jaya juga pernah berlaku surat pelantikan semula 18 orang ahli majlis keluarkan sementara 6 yang lain tidak pula diberikan. Hal ini dipersoalkan sendiri pun oleh ADUN-ADUN Pakatan Rakyat. Ini menunjukkan bahawa cukup banyak *politic king* berlaku dalam pelantikan Ahli Majlis PBT dan sebenarnya sekali gus menggambarkan wajah sebenar Pakatan Rakyat yang mempunyai agenda dan maksud yang tersirat dalam menentukan pelantikan Ahli Majlis di PBT-PBT. Apakah *politic king* ini berlaku kerana benar mahu memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat atau sekadar untuk sibuk melobi dapat kontrak-kontrak di PBT sahaja.

Ini bukan tuduhan, malah terbukti apabila ada Ahli Majlis menggunakan kepala surat EXCO kerajaan negeri Pakatan Rakyat untuk mendapatkan kontrak untuk mendapatkan tender pada hal bukannya Pakatan Rakyat pernah berjanji untuk mengelakkan penglibatan ahli-ahli majlis dalam memilih pemilihan kerja kontrak di PBT. Tuan Speaker, kekecohan pelantikan ahli majlis ini tidak habis-habis sehinggalah ke hari ini, terbaru kita mendapat khabar selain apa yang saya tunjukkan tu bahawa ada seorang EXCO Kanan telah memadamkan nama 6 orang daripada senarai 90 orang Ahli Majlis yang dikemukakan oleh partinya sendiri tetapi mendapat tanpa sendiri tanpa mendapat perkenan pemimpin tertinggi parti tersebut terlebih dahulu dan menggantikan dengan nama pilihannya sendiri. Satu lagi, adalah pelantikan pertubuhan NGO-NGO yang dikatakan dilantik untuk memberikan pandangan, kelompok atau kepentingan isu-isu rakyat akan dilantik. Sering kali saya nampak di dalam senarai nama pelantikan ahli majlis, sekian-sekian orang yang muncul menjadi ahli majlis itu memang saya sendiri tau dan pasti dia bukannya latar belakang daripada NGO. Beliau adalah daripada ahli-ahli parti politik Pakatan Rakyat. Siapakah mereka yang dilantik secara berprofesional dan tidak memihak kepada Pakatan Rakyat sematanya. Kalau latar belakang Ahli-ahli Majlis daripada NGO begini rupanya. Soalnya, kenapa PBT begitu huru-hara dan berebut-rebut nak menjadi ahli majlis, adakah kerana elaun ahli majlis sudah dinaikkan, atau boleh mendapat projek-projek atau kontrak-kontrak atau tender-tender di PBT.

Dahulu, ahli majlis tak dibenarkan duduk dalam Jawatankuasa Tender dan Sebut harga. Sekarang mereka yang mintak nak duduk dalam jawatankuasa tersebut. Apa sudah jadi dengan ketelusan dan integriti Pakatan Rakyat yang sekian lama dilayangkan. Kita tidak sekali-kali akan melupakan janji-janji dalam manifesto Pakatan Rakyat tahun 2008. Dalam hal urus tadbir berwibawa dan antaranya menekankan, memuaskan, memastikan semua pemimpin bersih dari rasuah. Memastikan ketelusan pentadbiran negeri, menghentikan campur tangan politik dalam berniaga. Melarang

Ahli-ahli EXCO terlibat dalam berniaga. Justeru itu, bukanlah sesuatu yang menghairankan apabila 3 jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan negeri terletak di bawah Kerajaan Persekutuan iaitu Setiausaha Negeri, Pegawai Kewangan, Pegawai Undang-undang, ketiga-tiga jawatan ini jika diberi kepada Pakatan Rakyat sudah tentu akan lebih huru-hara lagi. Saya ingin menceritakan kisah benar yang saya bangkitkan dalam sidang dewan pada November yang lepas. Ahli Majlis di Daerah Sepang yang semasa saya buat rayuan atau pertanyaan di dalam sidang dewan ini mengenai sampah di pasar awam Salak. Sampah di Pasar Awam Salak. Peniaga yang mengadu pada saya pada masa itu bahawasanya sampah tidak dikutip hampir 2-3 minggu. Ulat pun tak ada, bau busuk sehingga pelanggan tak hendak masuk ke pasar untuk membeli sayur, selepas itu tindakan majlis saya puji memang sudah selesai, tetapi tindakan ahli majlis yang kemudiannya rasa saya perkataannya menggunakan balas dendam terhadap peniaga yang berniaga di pasar awam salak itu memang tidak dapat saya terima. Peniaga itu adalah peniaga untuk mengganti kepada peniaga yang sebenarnya sakit. Memang kalau dia mengganti atau hanya 2-3 hari atau seminggu dua untuk peniaga yang sebenar tak ada lesen. Lesen itu adalah kepunyaan peniaga yang sebenarnya. Macam mana selepas isu sampah ini berlaku boleh datang Pihak Berkuasa Tempatan Bandaraya pergi saman peniaga yang ada berniaga di pasar awam Salak ni. Kalau tak berlakunya isu ini, rasa saya tak ada orang tahu pun peniaga itu tak ada *license* sebab dia menggantikan orang yang sebenarnya berniaga di sana untuk tempoh masa yang pendek sahaja. Itu yang saya nampak, kerja-kerja ahli majlis, bak orang cina kata, *dua lima*. Faham tak apa itu *dua lima*, tak ada *dua lima* itu tak ada orang akan mati. Saya terasa sangat tau, cuma kerana satu isu sampah dia mengadu kepada saya, saya membuat rayuan kepada majlis kemudian beliau kena saman, dan saman itu Sungai Pelek bayar untuknya. Saya menyesal, saya kesal dengan tindakan ahli majlis yang begini. berebut-rebut setiap tahun untuk menjadi ahli majlis, fasal apa, fasal nak kuasa. Kuasa itu boleh menyuruh penguat kuasa pergi saman kepada orang dan sebenarnya untuk ganti menjalankan perniagaan beberapa hari sahaja. Tetapi ini benar-benar berlaku di pasar awam Salak. Rasa saya, kerajaan negeri perlulah mengambil langkah yang lebih positif kalau orang yang membuat aduan itu kena saman, siapa lagi yang nak membuat aduan.

Tuan Speaker, sebut-sebut tadi fasal sampah, jadi rasa saya isu yang hangat sekarang sejak 1 Mac memang hangat pun, ini isu sampah juga. Isu yang hangat melingkari segenap rakyat di negeri Selangor. Pada masa kini ia isu sampah. Malah di kalangan rakyat sendiri sebenarnya sudah naik menyampah dengan isu sampah yang tidak selesai-selesai ini. Apa yang disebut oleh Sekinchan dan rakan-rakan sebelah sana kononnya ada orang sabotaj, kononnya ada pihak-pihak tertentu memainkan sesuatu supaya pihak PBT gagal dalam isu pengurusan sampah. Sungai Pelek ingin mengambil sedikit pandangan kepada rakan-rakan yang ada di dalam dewan ini. Selain daripada apa yang disebutkan tu, harga murah, harga rendah rasa saya belum kita *award* kerja atau kontrak itu kepada kontraktor sampah perlulah kita menjalankan kajian macam mana latar belakang syarikat tu, macam mana pengalaman tu, syarikat tu, macam mana jentera atau lori atau *compactor* ada ke tidak, Sekinchan pun kata tak ada *compactor*, tadi dia sendiri pun mengaku ok macam mana rekod syarikat sepanjang ini, kita kena tengok selain daripada harga tu kalau kita hanya tengok harga,

berlakulah cara macam ini. 2 minggu 14 hari selepas 1 Mac Sungai Pelek terima hampir 100 panggilan telefon buat aduan dan saya telefon juga kepada pihak Majlis Daerah Sepang. Terima kasihlah. Ada yang tempat selesai tetapi ada yang tempat tidak selesai. Saya hairan, saya hairan kenapa kontraktor macam ini boleh dapat kontrak. Adakah kerana, adakah kerana sesuatu orang itu membawa nama dia masuk ke dalam supaya dia dapat. Saya sendiri duduk di dalam kawasan Kampung Baru Sepang. Malam tu pukul 9 lebih selepas *i* makan malam tengah hisap rokok dekat luar rumah saya tu tiba-tiba datang satu lori kecil angkat sampah waktu malam. Lori kecil, lori *tipper*, *open lorry*. Sampah itu longgok tinggi, buang macam tu buang-buang di samping buang tu jalan tu jatuh. Aku tengok-tengok tu lalu dekat depan rumah saya sampah tak angkat, saya panggil halo encik ini tak mahu angkat ke. Sebab kontraktor baru dia tak kenal saya sapa pun. Oh, oh mari-mari angkat, buang. Waktu malam lori kecil penuh dengan sampah. Kalau sapa nak tengok ni gambar saya ada di dalam *handset* saya. Kalau nak, tak ada masalah. *I* boleh tunjukkan, kemudian tak apalah. Bersihkan sampah ok lah, tak apa air yang melimpah daripada lori itu air apa itu air lecit. Selalu kita panggil air lecit.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker benarkan saya bercakap

TUAN SPEAKER: Melimpah. Menitis ke melimpah. Melimpah tu oh

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Jatuhlah. Jatuhlah ya.

TUAN SPEAKER: Melimpah tu kalau dalam tong tu dia melimpah

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Jatuh *okay*.

TUAN SPEAKER: Bahasa tu jaga sikit ya.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: *Okay* terima kasih kepada Sungai Pelek dan Tuan Speaker. Saya nak tanya kan ada dalam syarat-syarat untuk menender kontrak pengangkutan sampah ni bahawa kontraktor perlukan mengadakan kereta ataupun lori *compactor*. Mengapa kontraktor tak ada *compactor* dapat juga tawaran. Tolong jawab.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Itu kena tanya Pandamaran tu rasa, Tuan Speaker saya, rasa sayalah pada penggal yang akan datang, selepas PRU saya duduk kerusi itu sebagai EXCO yang bertanggungjawab saya bolehlah jawab, yang lagi satu Sungai Pelek rasa pelik ini yang saya baca daripada surat khabar EXCO yang bertanggungjawab tu mengatakan bahawa akan membelikan *compactor* untuk menyewa kepada kontraktor-kontraktor yang dapat kerja pembersihan sampah. Beli *compactor* beli dengan harga yang murah, jual kepada kontraktor atau sewa kepada kontraktor. Kalau macam ini kerajaan negeri pakai duit rakyat untuk menjalankan kerja macam ini Sungai Pelek sendiri pun tahu berniaga harga tender dengan harga yang lebih murah. Saya pelek, saya hairan, kenapa boleh macam ini. Surat khabar ada di sini Yang Berhormat Pandamaran bukan saya reka-reka memang ini *statement* yang dikeluarkan oleh Pandamaran bahawa kontraktor yang tak ada *compactor*, atau

compactor yang usang yang uzur tu boleh sewa dengan kerajaan negeri apabila dibeli selepas berapa lama lagi, 6 bulan, 6 bulan atau beli dengan harga yang lebih murah dengan kerajaan negeri. Bukan main punya senang jadi kontraktor sampah ni, senang, senang kalau macam ni Sungai Pelek tak nak jadi ADUNlah jadi kontraktor sampah semua tak payah pun.

Baik, Syarikat Alam Flora yang telah ditamatkan perkhidmatan oleh kerajaan negeri dan kerajaan negeri mengambil alih sepenuhnya urusan sisa pepejal namun sehingga hari ini dalam surat khabar yang saya baca banyak juga penduduk-penduduk yang membuat rayuan kepada Alam Flora lagi. Saya pun hairan, mungkin tak tahu, ingat semua masih lagi dengan Alam Flora. Apa juga pun kenyataannya hari ini sampah itu kalau tidak diangkut busuk, tak payah lama, tak payah lama 3hari, 4 hari busuk menjijik dan terutamanya pada waktu malam tu anjing pergi gigit dan sepanjang jalan tu penuh dengan sampah pada hari yang kedua. Dalam kontrak kan sudah ada dalam 2 hari sekali mengutip sampah. Ini 7 hari, 10 hari, tadi Sekinchan kata 9 hari, 10 hari tak kutip. Ini dalam kampung. Saya nak ceritakan lagi satu Pusat Kesihatan Klinik di Sungai Pelek 13 hari tidak dikutip. Orang sakit pergi ke klinik untuk jumpa doktor, tetapi apabila masuk ke dalam klinik tu bau busuk satu klinik macam mana orang itu boleh jadi sihat.

TUAN SPEAKER: Lagi sakit ye..

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Lagi jadi sakit. Tuan Speaker, Tuan Speaker satu lagi isu yang saya hendak bawak kepada sidang Dewan ini ialah Pusat Pengumpulan Produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di daerah Sepang. Tuan Speaker, Pakatan Rakyat selalu mengatakan Barisan Nasional salah, Barisan Nasional tak betul, Barisan Nasional rasuah saya pun dengar lama dah. Tetapi hari ini saya tak tahu ada ini salahkah, ada ini rasuahkan saya tak tahu. Pusat Pengumpulan Produk Industri Kecil dan Sederhana yang terletak di Pekan Sepang, pusat itu bangunan lama yang dipunyai oleh Pusat Kesihatan daerah Sepang. Pada tahun lepas kerajaan negeri mengambil satu jumlah duit yang besar yang saya fahamkan RM380,000 untuk mengubahsuai bangunan yang lama yang terletak di depan Masjid Pekan Sepang. Okay, niat atau tujuan Pakatan Rakyat untuk membantu petani atau kepada pengusaha IKS ini di daerah Sepang saya ucapkan terima kasih. Tetapi selepas perasmian dengan yang begini hebat, yang begini ceria sehingga hari ini Sungai Pelek lalu setiap hari, pagi, balik malam hari ini setahun lebih dah pusat pengumpulan produk itu hanya buka tiga bulan, tiga bulan itu sebenarnya betul-betul beroperasi hanya 3 minggu sahaja. Saya tak tahu selepas ini RM380,000 itu dibelanjakan untuk apa, saya tak tahu bangunan itu nak buat apa sekarang tutup kedai macam tu, penuh dengan rumput, lalang, saya tak tahu pandai mencari kesalahan apabila kerajaan dahulu tetapi kesalahan sendiri pun perlu tengok-tengoklah. Gajah putih, ini bukan gajah putih ke, 50 lebih tahun Barisan Nasional saya mengakui berlaku macam ini tetapi hanya 4 tahun 14 hari sahaja pun sudah ada gajah putih di daerah Sepang. Sungai Pelek tak tahu yang di daerah lain di negeri Selangor ada ke tidak. Hanya ubahsuai ke bangunan baru ke pusat pengumpulan produk IKS ini, kalau setiap daerah di negeri Selangor ada 9 daerah kali dengan tak payah banyaklah RM500,000 berapa tu jumlah. Jadi inilah satu perbuatan

yang rasa saya tidak munasabah dan tidak telus serta apa yang dikatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor tidak berhemah.

Tuan Speaker, tempoh hari saya setuju dengan Sri Serdang fasal hadiah pengajian IPT dan hadiah bayi baru lahir. Kawasan DUN Sungai Pelek adalah terletak di sempadan Negeri Sembilan. Kalau pernah pergi situ sempadan sahaja belok ke kiri tu pergi ke PD tu pergi ke Lukut pergi Seremban tu Negeri Sembilanlah, itulah kampung saya Pekan Sepang. Jadi kebanyakan bayi dilahir di sini di Hospital Seremban. Kerana Hospital Seremban berkenaan adalah hospital yang paling dekat dengan Kampung Baru Sepang, Sungai Pelek, Batu 2 dan kampung-kampung sekitar termasuk Bagan Lalang, Kampung Ulu Chuchoh dan Kg. Bukit Bangkong. Dalam permohonan hadiah IPT dan hadiah bayi baru lahir Sungai Pelek terima banyak aduan kerana Cuma IC No. My Kad, tengah-tengah selepas tarikh lahir, tengah-tengah yang 05 menunjukkan bahawa ini bukan anak Selangor, ini termasuk Sungai Pelek. Yang MY Kad 05 tu adalah di tengah-tengah dalam IC saya. Rasa saya, saya mohon hadiah pengajian IPT memang tak dapatlah tetapi hadiah bayi baru lahir pun tak dapat memang tak ada lagi sebab tak boleh ada anak lagi tetapi bagi orang yang muda yang di kawasan saya itu, saya rasa memang tak patutlah, dia orang hanya lahir di Hospital Besar Negeri Sembilan, Seremban, duduk dua hari dah balik dah dan tinggal di sekitar kawasan sempadan dengan Negeri Sembilan sehingga hari ini tak dapat yang peleknya Sungai Pelek rasa lagi satu peleknya, apabila mereka berjumpa dengan sebut balik ahli majlis ni atau ketua kampung, JKKK buat rayuan, rayuan kepada kerajaan negeri tetapi ditolak juga. Kenapa boleh jadi begini saya kurang pasti, bukankah ahli majlis, bukankah Ketua Kampung di kampung, di kampung baru boleh membuktikan pemohon itu adalah anak tempatan, orang tempatan betul tak. Kalau tidak lantik Ahli Majlis itu untuk apa kalau tidak lantik Ketua Kampung JKKK untuk apa, saya tak tahu, tapi apabila surat dibuat tolak lagi. Inilah saya kesian kepada orang yang memohon hadiah pengajian IPT dan hadiah bayi baru lahir. Jadi Sungai Pelek menawarkan diri sendiri kalau sekiranya surat saya boleh pakai di kerajaan negeri, saya menawarkan diri apabila saya buat sokong itu memang orang tempatan anak Selangor kasi luluslah.

Tuan Speaker, orang China selalu mengatakan ia, Sek Cu Seng dengan izin yang membawa maksud pakaian, makanan sarperek kemudian kediaman dan pengangkutan. Negeri Selangor yang bertumbuh pertumbuhan penduduk dengan pesat memerlukan lebih banyak rumah kediaman iaitu cu kediaman, Sungai Pelek nak bertanya kepada kerajaan negeri, kerajaan Pakatan Rakyat 4 tahun 13 hari mentadbir kerajaan negeri Selangor berapakah banyakkah rumah kos rendah sudah dibina untuk menjaga kepentingan rakyat di negeri Selangor. Selalu saya dengar rakan-rakan saya di sebelah sana menyebut harga mampu milik, rumah mampu milik, tadi Sekinchan sebut RM100,000 mampu milik. Jadi bagi pandangan Sungai Pelek ini kalau RM100,000 untuk sebuah rumah itu rasa saya bukan semua orang mampu milik senang saja. Saya boleh mengemukakan satu contoh apabila kerajaan pusat menjalankan bantuan rakyat satu Malaysia, saya sendiri pun rasa hairan penduduk yang paling banyak menerima bantuan rakyat satu Malaysia BR1M iaitu 84% di Kelantan dan No. 2 80% di negeri Selangor. Saya pun hairan negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat 4 tahun lebih ni mesti lebih maju lebih daripada Barisan Nasional

dahulu tetapi rupa-rupanya tidak. Ini bermaksud RM3,000 pendapatan sebulan terima boleh dapatkan BR1M maksudnya penduduk di negeri Selangor ini memang merupakan golongan yang belum mencapai pendapatan RM3,000 sebulan. Saya tak tahu 2005 Selangor dah jadi negeri maju, tetapi hari ini 80% iaitu lebih kuat 400,000 keluarga yang dapat BR1M ini. Jadi....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat tunggu sebentar, Batu Caves ada apa..

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Nak tanya

TUAN SPEAKER: Boleh

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Saya rasa BR1M ini *political* program dan dibuat sebelum pilihan raya, jadi saya rasa permohonan memang sangat banyak, jadi berapa banyak yang dipohon seluruh negara tetapi ditumpukan di negeri Selangor, Kelantan dan negeri-negeri Pakatan. Jadi saya rasa benda itu tidak boleh di manipulasi untuk kepentingan politik.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Itu pandangan daripada mana ni Batu Caves, kalau.....

TUAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Batu Caves. Kalau katakan kita hanya beri kebenaran kepada orang Selangor memohon, atau paling banyak tu saya rasa tak betul sebab bukan kita yang proses, yang proses adalah LHDN *income tax*. Jadi dia tahulah siapa yang dapat banyak gajinya tak layak dapat yang ini. Apa yang saya nak kaitkan BR1M ini dengan rumah di negeri Selangor ini, kalau RM100,000 berapa dia kena bayar ansuran setiap bulan. Ini yang saya nak kaitkan. Ini maksudnya, maksudnya banyak penduduk di negeri Selangor ini masih belum melebihi RM3,000 sebulan pendapatan seisi rumah. Jadi saya merayulah agar kerajaan

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Sungai Pelek nak tanya sikit boleh?

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Boleh.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Saya nak pergi kepada satu aspek yang lain. Rumah Mampu Milik yang ditawarkan oleh kerajaan negeri Selangor RM100,000 hingga RM150,000. Jadi adakah Sungai Pelek tidak setuju dengan rumah yang dicadangkan atau harga rumah yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan bernilai RM250,000 hingga RM300,000 dalam erti kata lain.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Saya, terima kasih kepada Batu Caves. Saya cerita fasal harga di negeri Selangor, ini tertakluk kepada tempat-tempat, kawasan lokasi yang tertentu. RM100,000 hingga RM150,000 tu ada orang yang boleh tetapi bukan semua yang mampu. Segelintir mungkin *okay*, tak ada masalah. Jadi saya nak sambung adakah ini kerajaan yang adil dan bertanggungjawab, tanah pertanian yang menukar

syarat kepada tanah perumahan kadar kenaikan premium tanah telah meningkat sebanyak 30% selepas Kerajaan Pakatan Rakyat mentadbir negeri Selangor. Pepatah orang cina kata lagi iaitu bulu biri-biri diperolehi dari biri-biri. Maksudnya apabila pemaju itu memohon untuk menukar syarat tanah kegunaan tanah itu daripada pertanian ke perumahan atau bangunan, kenaikan 30% itu kepada pemaju itu akhirnya akan sampai ke beban pembeli-pembeli rumah di Selangor ini. Saya tak tahu, mungkin harga rumah di negeri Selangor memang apa yang kita nampak memang asyik meningkat, meningkat, meningkat, meningkat sehingga hari ini banyak orang yang tak ada rumah lagi.

Tuan Speaker, saya rasa hairanlah, rakyat negeri Selangor sejak 4 tahun 14 hari ini tak ada pun menikmati satu rumah kos rendah tetapi yang apa saya dapat ada satu perkampungan pekerja asing di Jalan SS8/6, Kelana Jaya, Petaling Jaya iaitu bengkel MBPJ.

Tuan Speaker, Sungai Pelek difahamkan MBPJ telah menyerahkan sekeping tanah seluas 20 ekar di Jalan SS8/6, Kelana Jaya kepada PKNS. 10 ekar untuk tapak perumahan di mana 1 kampung atau 1 perkampungan bagi pekerja asing dari Sungai Way akan wujud dan 10 ekar lagi untuk tujuan komersial. Ini jelas membuktikan bahawa nasib penduduk di negeri Selangor itu tak boleh berbanding dengan pekerja asing. Wujudnya perkampungan ini maka mereka boleh dapat tempat untuk kediaman tetapi bagi rakyat negeri Selangor yang memerlukan rumah rendah sehingga hari ini 4 tahun 14 tidak dapat lagi. Penduduk di sekitar kawasan Jalan SS8/6, Kelana Jaya membuat bantahan terhadap projek perkampungan pekerja asing kerana khuatir ia akan membawa masalah keselamatan, ketenteraman, kesejahteraan dan kesihatan. Saya tak tahu, saya difahamkan bahawa PKNS jalankan projek ini dan pelan untuk perancang pun sudah diluluskan sehingga hari ini, saya kurang pasti, saya nak dapatkan penjelasan atau jawapan daripada pihak kerajaan. Sungai Pelek bagi pihak penduduk di sekitar kawasan itu mengesyorkan bahawa kerajaan negeri seharusnya membina rumah kos rendah kepada rakyat Selangor yang berpendapatan rendah di kawasan itu supaya mereka mampu memiliki rumah sendiri. Sungai Pelek pasti

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan

Y.B. TUAN YAP EE WAH: jugalah hasrat penduduk-penduduk di kawasan MBPJ dan sekitar penduduk di kawasan itu.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Kampung Tunku panggil.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Sungai Pelek. Saya pasti, saya khuatir Sungai Pelek mungkin mengambil fakta ini daripada sumber yang tidak dipercayai. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Sungai Pelek, adakah Yang Berhormat tahu bahawa pekerja-pekerja asing yang bekerja di Sungai Way *Free Industry Zone* (FTZ) *Free Industry Trade Zone* mereka sekarang menetap di Kampung Baru Sungai

Way dan bilangannya adalah sehingga kepada mana-mana masa ke 10,000 orangnya di dalam Kampung Baru Sungai Way dan ini mendatangkan masalah kepada penduduk-penduduk di sana. Dan adakah Yang Berhormat tahu cadangan untuk membina asrama ini adalah untuk meletakkan pekerja-pekerja asing ini di bawah satu bangunan, di bawah satu kawalan *security* yang lengkap dan lebih menyeluruh supaya mereka tidak mengganggu-mengganggu penduduk-penduduk tempatan. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat tahu tentang fakta itu, ataupun Yang Berhormat ambil sahaja daripada apa yang dibekalkan oleh Biro Aduan Awam MCA Selangor yang datang berdemonstrasi bersama-sama datang dengan PERKASA untuk membantah projek ini. Saya ingin meminta apa ni, penjelasan daripada Yang Berhormat.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Inilah Kampung Tunku, selalu pandang rendah kepada orang

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang Berhormat terus jawab soalan saya

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Nanti, nanti, *you* pandang rendah kepada orang

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak payah, tak payah

Y.B. TUAN YAP EE WAH: *You* pandang rendah kepada orang lain

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Jawab terus

Y.B. TUAN YAP EE WAH: *You* kata ini ambil daripada Biro Aduan Awam MCA Selangor. Saya sendiri tak boleh buat, tak boleh nak buat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya hanya tanya sahaja

Y.B. TUAN YAP EE WAH: *you* selalu macam ini, perangai macam ini Jangan ingat engkau sahaja yang boleh buat

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku duduk, duduk dulu. Nanti dulu, tenang dulu, tenang dulu. Kampung Tunku duduk, biar dia jawab.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya

TUAN SPEAKER: Sila Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Cakap dia orang, menyampah. Cakap macam orang tu

TUAN SPEAKER: Tenang, sejuk tu, sejuk-sejuk sikit, pasang *mic* dulu, pasang *mic* dulu,

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Saya tak jawab Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Tak apa, tak apa,

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tak nak jawab, tak nak jawab

TUAN SPEAKER: Tak apa, itu hak dia. Tak apa, tak apa itu hak dia

Y.B. TUAN YAP EE WAH: orang lain semata-mata beliaulah *superman*, apa ni. Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER: Ya, Yang Berhormat boleh tersinggung tetapi jangan emosi, tak apa

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tak ada, kalau emosi saya baling dah, ambil komputer / baling dah.

TUAN SPEAKER: Hampir, hampir tak apa, baik-baik.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tak ada, sekarang pun tak ada apa.

TUAN SPEAKER: Tak apa.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker, tadi atau semalam sehingga hari inilah saya dengar banyak rakan daripada sebelah sana mengatakan Kerajaan Persekutuan tidak berjaya menambah sekolah-sekolah cina di negeri Selangor walaupun negeri Selangor ditadbir oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Saya ingin menunjukkan berapa sekolah yang telah berjayanya, sekolah baru yang telah berjayanya dibawa ke negeri Selangor untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan di dalam Sidang Dewan ini.

- (1) SJK(C) Bukit Tagar, Bukit Beruntung, Hulu Selangor. Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sejumlah RM3.5 juta. Ini disalurkan kepada lembaga pengurus sekolah. Bangunan sekolah itu sudah siap dan sudah dipakai pada jam, eh pada jam pula, pada bulan Januari 2011. Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu YB. Wong adalah Pengerusi Lembaga Pengurus itu.
- (2) SJK(C) Kota Emarate, Rawang. Alamat; no. Lot 18056, Bandar Kota Emarate, Mukim Rawang, Daerah Gombak. Kerajaan memperuntukkan, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM3.5 juta, begini juga disalurkan kepada lembaga pengurus sekolah pada bulan Februari 2011 dan bangunan sekolah itu sudah pun diguna pakai pada Januari tahun ini.
- (3) SJK(C) Tun Tan Siew Sing Putera Height. Alamat: lot 62218, Precint 2, Putera Height, Mukim Damansara, Petaling. Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM6 juta dan sama juga disalurkan kepada lembaga pengurus sekolah. Hampir siap, tetapi masih belum boleh dipakai lagi.

Ada lagi sekolah-sekolah yang baru diumumkan kelulusan dan baru diberi apa ni, peruntukan dari Kerajaan Barisan Nasional, jadi janganlah sebut benda-benda yang rasa saya tak betul, Cuma saya nak tekankan di sini parti MCA sehingga hari ini, Sungai Pelek memang, memang prihatin terhadap masyarakat cina. Wujudnya STAR College, Kolej Tunjku Abdul Rahman sehingga hari ini, berapakah graduan-graduan telah diproses atau dilahirkan di negara ini sehingga hari ini.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Jangan mempertikaikan parti MCA, Barisan Nasional

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, saya minta laluan

Y.B. TUAN YAP EE WAH: dari segi menjalankan pendidikan. Begini juga universiti, Universiti Tunjku Abdul Rahman sama juga telah ditubuhkan dan sekarang puluh ribu punya graduan sudah keluar dan tamat pengajian mereka dan berkecimpung dalam semua aspek di negara kita.

TUAN SPEAKER: Baik, ya, bagi jalan kejap

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Sungai Pelek. Ada dua (2) perkara saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sungai Pelek tadi ada sikit emosi tetapi sekarang dah tenang sikitlah, syukurlah, ya... ya.... Berkaitan dengan satu; soal pendidikan ini kita, saya telah tegaskan tadi, kita kena melangkaui kepentingan politik dan kita tidak nafikan kita perlu tolong antara satu sama lain. Tetapi saya nampak kenapa ada setengah kes Sekolah Jenis Kebangsaan Cina yang perlu dipindah daripada setiap kawasan ke setiap kawasan, bukan diberi kelulusan sekolah baru, sekolah baru tidak diberi, kena tunggu dari sesuatu tempat terpencil, sekolah tersebut ditutup, kemudian tunggu untuk dianjak, dipindah ke kawasan baru. Tidak perlu kerajaan sukar untuk bagi lesen terus kepada sekolah baru kerana permintaan terdesak, kena tunggu. Maknanya, dalam satu keluarga, dalam satu keluarga anak kita ramai, ye, kita bagi setiap orang satu mangkuk nasi untuk makan, tiba-tiba ada pertambahan, ada pertambahan, tetapi kita tidak boleh bagi satu mangkuk lagi nasi, terpaksa tunggu anak seorang mati baru mangkuk yang tersebut diganti oleh anak tersebut. Ha... ini perbandingan saya, faham tak Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Lagi satu, tanya Sungai Pelek faham ke tak faham. Ok menjawab soalan Sekinchan

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat waktu sudah 4.30, boleh sambung esok.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Oh... boleh, boleh Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan jam sudah menunjukkan 4.30 petang maka Dewan ditangguhkan sehingga hari esok 23 Mac 2012, bermula jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)